

**Bil. 22**

**Rabu  
6 Mei 1998**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998	(Ruangan 16)
Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997	(Ruangan 60)
Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998	(Ruangan 62)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 47)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.  
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri  
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,  
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak  
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri  
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji  
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,  
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji  
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,  
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,  
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'  
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.  
(Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,  
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar  
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,  
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng  
Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- Yang Berhormat Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

- Yang Berhormat Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N.  
(Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.  
(Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu, (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah, (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin, P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P.,  
A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P.  
(Hulu Terengganu)

- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
Rabu, 6 Mei 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**BARANG DI LUAR KAWALAN - MENCEGAH KENAIKAN HARGA**

1. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sama ada kementerian ada rancangan untuk mencegah kenaikan barang-barang di luar kawalan yang dilakukan secara sewenang-wenangnya; dan
- (b) bagaimana kementerian menentukan kenaikan harga barang yang di luar kawalan itu berpatutan dan tidak membebankan pengguna dalam kegawatan ekonomi ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selain dari mengawal harga dan bekalan barang-barang yang dikawal di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, kementerian juga mengawasi harga barang-barang yang tidak dikawal secara pentadbiran dengan mengutip harga 231 barang termasuk 75 barang yang lazimnya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah secara mingguan di pasar-pasar utama, kedai-kedai runcit, dan kedai-kedai runcit tertentu.

Melalui penguatkuasaan dan pemantauan (monitoring) secara spot check yang berterusan, kementerian dapat mengesan sebarang kenaikan harga barang dan tindakan yang sewajarnya sentiasa diambil untuk memastikan harga barangan tersebut tidak naik secara mendadak. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 2 Mei 1998, iaitu 4 bulan, kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke atas 176,953 premis dan mengambil 1,942 tindakan kes dengan nilai rampasan RM4.866 juta. Sebanyak 1,659 kes telah dikompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM674,005, dan 141 kes lagi dibawa ke mahkamah dan pihak terbabit telah didenda sebanyak RM157,436.

- (b) Kementerian telah berbincang dengan pihak industri dan pengeluar tempatan supaya melabelkan harga runcit yang disyorkan (recommended retail price) pada harga barang tersedia bungkus untuk memberitahu pengguna-pengguna dan mengelakkan peruncit menetapkan harga sewenang-nangnya. Pihak industri dan pengeluar telah bersetuju dan cadangan ini dijangka akan dilaksanakan pada Januari 1999.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sebenarnya kadar inflasi negara kita pada masa sekarang, memandangkan harga barang sekarang naik sampai satu tahap yang mana rakyat jelata terutama golongan yang miskin sedang menghadapi banyak masalah dalam masa kita menghadapi kegawatan ekonomi pada masa sekarang?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi di negara kita pada tahun-tahun yang kebelakangan ini merupakan satu kadar yang boleh dikatakan memuaskan dan yang rendah di rantau ini, iaitu kurang daripada 4%. Tetapi selepas kegawatan ekonomi dan juga penurunan nilai mata wang Ringgit, kadar inflasi telah naik dan sekarang telah pun sampai hampir 7%. Oleh kerana itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu, tetapi dari segi pengguna kita menggalakkan penjimatan wang, kurangkan perbelanjaan dan juga hanya membeli barang-barang yang perlu.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan penurunan penukaran mata wang negara kita berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat, maka ekoran itu barangan pengimportan pun naik harga juga. Apakah tindakan diambil oleh kementerian Yang Berhormat supaya kempen membeli barangan buatan Malaysia akan berjaya. Adakah kempen dijalankan oleh NGO-NGO, misalnya kempen membeli barangan buatan Malaysia dianjurkan oleh Pemuda MCA adakah berkesan?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada penurunan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang Dollar Amerika, harga barang-barang yang dijual oleh negara asing walaupun harganya sama, tetapi oleh kerana bayaran kita lebih, maka dengan automatik harga barang-barang yang diimport telah naik. Ini kita tidak boleh elakkan, melainkan kita minta rakyat kita membeli barang-barang buatan Malaysia kalau mana-mana ada pilihan tempatan. Pihak kementerian dan juga kerajaan pada keseluruhannya telah mengambil beberapa tindakan yang tertentu untuk menjayakan kempen dan dalam hal ini MCA merupakan satu parti politik yang telah menjalankan kempen ini dengan begitu besar-besaran, dan kesannya belum diukur. Ini akan mengambil masa beberapa bulan yang akan datang. Walaupun begitu, sambutan bagi kempen ini adalah baik. Parti-parti politik dalam Barisan Nasional pun sedang menganjurkan beberapa majlis untuk menjayakan kempen ini selain daripada kementerian sendiri yang menyediakan senarai barang-barang buatan Malaysia untuk diedarkan kepada rakyat kita. Kita juga telah pun meminta pengeluar-pengeluar tempatan untuk menggunakan logo yang baru disetujui oleh pihak Jemaah Menteri dan akan dilancarkan tidak lama lagi. Begitu juga dengan pasaraya-pasaraya dan juga tempat-tempat yang menjual barang-barang telah diminta untuk mengadakan satu tempat khas bagi barang-barang buatan Malaysia untuk menyenangkan pengguna mengesan dan juga membeli barang-barang buatan Malaysia. Kempen juga dijalankan oleh media elektronik, radio dan televisyen untuk menggalakkan pembelian barang-barang buatan Malaysia. Dari segi NGO, Persatuan Pengguna adalah memberi bantuan. Dari segi lain-lain belum lagi dapat maklumat yang tepat mengenai peranan mereka.

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN - BILANGAN BERDAFTAR DAN PECAHAN MENGIKUT NEGERI**

2. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah bilangan rakyat termiskin yang berdaftar sehingga kini mengikut pecahan negeri-negeri dan bilangan rakyat termiskin yang telah terlepas dari senarai hasil dari Program Pembangunan Rakyat Termiskin sehingga kini. Apakah kesan yang didapati akibat dari pemotongan belanjawan terhadap pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan kementerian; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan agar Program Pembasmian Kemiskinan ini dapat diteruskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut daftar dan profile keluarga termiskin 1995, 1996 terdapat sejumlah 58,947 ketua isi rumah termiskin di seluruh negara. Pecahan jumlah keluarga termiskin mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah keluarga termiskin
Johor	1,192
Kedah	5,650
Kelantan	12,874
Melaka	428
Negeri Sembilan	546
Pahang	1,459
Pulau Pinang	605
Perak	3,145
Perlis	1,004
Selangor	1,284
Terengganu	8,634
Sabah	11,757
Sarawak	10,379

Berdasarkan kepada rekod sehingga kini seramai 94,217 keluarga termiskin telah berjaya dikeluarkan dari senarai daftar dan profile keluarga termiskin semenjak PPRT dilaksanakan. Program Pembangunan Rakyat Termiskin adalah terkecuali daripada arahan pemotongan belanjawaan kerajaan. Maka soalan (b) tidak berbangkit.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah berikhtiar bertungkus lumus untuk membasmi rakyat termiskin. Apa yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai prosedur ataupun cara mengenal pasti golongan termiskin ini. Kita dapati terutamanya di Kelantan ramai bilangan golongan rakyat termiskin yang tertinggal, tidak termasuk dalam bancian dan cara pelaksanaannya berubah daripada satu kementerian ke satu kementerian. Dahulu saya difahamkan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, kemudian bertukar kepada RISDA. Jadi, bagaimana proses permohonan mempercepatkan bagi membantu golongan rakyat termiskin ini, dan adakah bantuan ini dipertingkatkan memandangkan bantuan asal yang diberi berjumlah RM5,000 untuk membina sebuah rumah adalah tidak mencukupi. Adakah kementerian berhasrat untuk menambah jumlah ini termasuk pendawaian elektrik dan bekalan air sekali di dalam bantuan yang diberikan itu?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya dari pihak kementerian tidak ada perubahan bagaimana kita mengenalpastikan rakyat termiskin ini. Tetapi mungkin ada kekeliruan di peringkat bawah, seperti disebut oleh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat telah menyebut Amanah Ikhtiar Malaysia dan RISDA. Sebenarnya kedua-dua agensi ini adalah agensi dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, maka mereka telah diamanahkan menjalankan beberapa tugas. Berbalik kepada mengenal pasti rakyat termiskin, kita sudah ada senarai. Senarai ini kita gunakan sebagai asas untuk mengetahui di mana rakyat termiskin yang ada. Kita sedar bahawa di beberapa tempat ada rakyat yang layak untuk dianggap sebagai termiskin tetapi belum didaftar. Jadi, kementerian telah mengamalkan dasar pendaftaran terbuka untuk penduduk-penduduk seperti ini. Jadi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui ada di kawasan masing-masing yang

layak menerima bantuan di bawah PPRT ini, sila berhubung dengan pegawai daerah supaya ianya dapat dikaji dan kemudiannya dimasukkan dalam daftar.

Adalah menjadi dasar kerajaan menentukan bahawa tidak seorang pun yang layak masuk program ini tertinggal. Tetapi adalah masalah mungkin tidak mampu bagi kerajaan untuk menentukan semua yang layak itu termasuk dalam senarai, maka kita minta bantuan dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita juga menerima aduan bahawa ada yang tidak layak tetapi masuk dalam senarai PPRT. Di sinilah seperti di negeri Kelantan kita telah amanahkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia yang dianggapkan sebagai orang yang tidak prejudice atau non-adit untuk mengkaji sama ada senarai-senarai ataupun nama-nama keluarga termiskin itu betul-betul memang layak untuk menerima ini. Mungkin itu Yang Berhormat ada mendengar nama Amanah Ikhtiar Malaysia bertugas di negeri Kelantan.

Soalan yang kedua mengenai bantuan-bantuan, memang dari masa ke semasa kita meningkatkan bantuan. Misalnya untuk bantuan rumah ini, baru-baru ini telah ditingkatkan kepada tahap sekarang untuk memasukkan ongkos untuk pendawaian elektrik dan memasukkan air.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita menjangkakan bahawa Program Pembangunan Rakyat Termiskin ini akan selesai, apabila selesai Rancangan Malaysia Ketujuh nanti maka selesailah Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang mana masa sekarang masih lagi ada terdapat 58,000 yang terdaftar. Yang hendak daftar baru lagi kita tidak tahu berapa ramai. Jadi, saya ingin tahu apakah halangan-halangan yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian, kerana Program Pembangunan Rakyat Termiskin ini bukan program sekadar hendak meningkatkan taraf hidup, tetapi program ini merupakan program pembangunan manusia yang mencakupi semua aspek dan sudah tentu kita mengharapkan juga peranan daripada pihak swasta dan juga NGO. Jadi, saya ingin tahu apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak kementerian supaya menarik minat pihak-pihak swasta dan juga pihak NGO dalam usahasama untuk membangunkan pembangunan rakyat termiskin?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang hasrat dan dasar kerajaan serta matlamat kita mengenai program ini adalah kita hendak mengurangkan kadar rakyat termiskin kepada 0.5%, iaitu bermakna kita berhasrat bahawa pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh masalah ini dianggap sebagai selesai khususnya kepada penduduk-penduduk ataupun rakyat keluarga termiskin yang sihat yang dapat bekerja dan sebagainya, maka kita berharap dan sasaran kita adalah untuk menyelesaikan masalah ini. Cuma yang tinggal sebagai rakyat termiskin adalah mungkin mereka yang uzur, yang tua, yang tidak dapat bekerja.

Beberapa halangan yang kita hadapi dalam kita menjalankan program ini. Yang pertama, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita adalah membangunkan manusia. Oleh yang demikian, maka satu tumpuan yang kita buat adalah program pemulihan sikap. Kita memberi tumpuan yang banyak kepada ini kerana kita percaya kalau sikap mereka ini telah bertukar, kalau mereka ini mendapat kemahiran dan mengambil peluang bekerja, kita yakin mereka akan terkeluar dari senarai rakyat termiskin. Yang kedua, masalah adalah projek-projek yang dijalankan kadang-kadang projek itu tidak sustainable. Maka untuk mengatasi masalah ini kementerian telah mengamalkan beberapa program, projek-projek termasuk program oleh FELCRA di mana kita menganggap program-program itu sebagai viable dan sustainable, dengan izin, supaya masalah kemiskinan ini dapat kita selesaikan dengan berkesan.

Dari segi menarik minat swasta dan pihak NGOs, ingin saya memaklumkan di sini bahawa NGOs yang memainkan peranan yang begitu aktif dalam masalah rakyat termiskin ini adalah Amanah Ikhtiar Malaysia. Mereka telah menjalankan pelbagai program, dan program khusus adalah Program Pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia, dalam dua tahun ini mereka telah mengeluarkan RM49 juta kepada kumpulan-

kumpulan, sahabat-sahabat di seluruh negara. Begitu juga Yayasan Pembasmian Kemiskinan di negeri-negeri, misalnya negeri Selangor yang begitu aktif dan juga negeri Kelantan, mereka ini memainkan peranan yang penting dan telah membantu kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

### LINTASAN KERETAPI TRANS ASIA SINGAPURA-KUN MING - CADANGAN PEMBINAAN

3. **Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah cadangan membina lintasan Kereta Api Trans Asia dari Malaysia ke Beijing ditangguhkan memandangkan krisis ekonomi di negara kita; dan
- (b) kalau ya, bilakah pertimbangan akan diberi bagi permulaan pembinaan tersebut dan jumlah kos anggaran bagi pembinaan tersebut di Malaysia sahaja.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan menganggap apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan ialah hubungan rel antara Singapura ke Kun Ming, negara China dan bukan ke Beijing. Pada masa ini kajian kemungkinan bagi projek ini sedang dilaksanakan dan ianya dijangka siap pada pertengahan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang ingin saya memaklumkan bahawa projek landasan kereta api Singapura ke Kun Ming adalah sebuah projek yang diluluskan oleh Persidangan Kemuncak ASEAN ke-5 di Bangkok pada 15 Disember 1995. Sebenarnya adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang mencadangkan pelaksanaan projek ini dan telah diluluskan sebulat suara oleh ketua-ketua negara ASEAN. Selepas itu Mesyuarat ASEAN Peringkat Menteri bagi Pembangunan Kerjasama Negara-negara Lembangan Mekong yang diadakan pada 17 Jun 1996 telah bersetuju bahawa satu kumpulan kerja khas terdiri daripada semua wakil negara-negara ASEAN serta Kambodia, Laos, Myanmar dan China ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Malaysia untuk mengawasi pelaksanaan projek ini.

Malaysia telah memanggil mesyuarat pertama Kumpulan Kerja Khas ini pada 2 dan 3 Disember 1996. Tugas Kumpulan Kerja Khas ini adalah untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi memilih laluan-laluan muktamad. Pada mesyuarat tersebut juga Malaysia telah dilantik sebagai penyelaras projek ini dan KTMB sebagai pengurus projek. Kemudian dari itu, sebuah konsortium pakar perunding yang diketuai oleh KL Consult dari Malaysia telah dipilih untuk membuat kajian kemungkinan hubungan rel ini. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta dan sebuah konsortium swasta telah menyumbangkan RM3 juta untuk membiayai kos kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian kemungkinan ini akan dijadikan asas pertimbangan bagi pelaksanaan projek ini. Mengenai kos anggaran bagi pembinaan tersebut di Malaysia sahaja, saya ingin memberitahu iaitu landasan kereta api sedia ada di Malaysia telah siap dan tidak payah lagi kos tambahan untuk digunakan di Malaysia.

**Tuan Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengikut anggaran kerajaan berapa jumlah kos projek bagi menjayakan kereta api Trans Asia dari Singapura ke Kun Ming dan juga jangka masa yang akan diambil supaya projek ini dapat disiapkan.

Soalan yang kedua, adakah satu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, biasanya soalan tambahan dihadkan kepada satu sahaja.

**Tuan Lim Siang Chai:** Okay, terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran kos projek ini hanya dapat ditentukan apabila kajian engineering disempurnakan, dihabiskan oleh kerana kajian engineering ini meliputi satu bidang kuasa yang begitu luas di mana topografi, terrain, detail engineering design, standard yang minimum perlu dipastikan dan kos dianggarkan untuk membina landasan-landasan kepada tahap minimum yang telah dipastikan. Oleh kerana itu, pada ketika ini anggaran kos susah dipastikan.

Selain daripada itu, jangka masa projek ini dapat disempurnakan, saya percaya ini juga perlu menyempurnakan kajian detail engineering dan beberapa laluan yang boleh dibina. Pada ketika ini pakar perunding sedang mengkaji beberapa laluan antara Singapura, Malaysia, Thailand dan belok ke Kambodia dan Vietnam terus ke Kun Ming. Ada satu laluan yang lain, Singapura, Malaysia, Thailand melalui Laos dan hubung dengan laluan yang melalui Vietnam. Selain daripada itu, daripada Thailand ke Laos terus ke negeri China dan satu lagi, iaitu Singapura, Malaysia ke Myanmar dan melalui Myanmar ke negeri China. Semua ini perlu dihabiskan sebelum satu masa yang perlu untuk projek ini disempurnakan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Projek ini adalah merupakan mega projek. Sebagaimana Yang Berhormat faham bahawasanya negara kita sekarang ini masih belum sihat lagi, masih dalam keadaan tenat.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sakit apa?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apakah projek yang begini besar kalau diteruskan tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita yang tidak sihat sekarang ini. Mengikut pendapat saya, baik projek ini dibatalkan sekarang, tidak ada guna projek ini. *[Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, projek ini adalah suatu projek antarabangsa yang akan meliputi semua negara ASEAN. Untuk Malaysia, landasan telah siap sedia, tidak payah belanja lagi. Rancangan ketua-ketua negara ASEAN adalah apabila kajian kemungkinan ini tamat, ini akan dibentangkan kepada ketua-ketua negara ASEAN dan pada ketika itu ada kemungkinan besar ketua-ketua ASEAN akan menjemput konsortium-konsortium pihak swasta sama ada dari ASEAN atau dari Asia sendiri yang mengandungi negara-negara seperti India, China, Jepun dan Korea yang ada kepakaran dalam bidang landasan kereta api dan rolling stock, dan juga ada kemungkinan negara-negara maju terdiri daripada US, Eropah dapat juga dijemput untuk menyertai konsortium-konsortium yang akan ditubuhkan.

#### TENTERA TAMIL ELAM - PERGERAKAN HARAM

4. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tentera pemberontak Tamil Elam telah bertapak sebagai pusat untuk negara-negara ASEAN bagi mengembangkan sayapnya bergerak secara haram di negara ini dan bagi mencapai matlamat kepentingan ras yang sempit. Jika sedar, apakah langkah yang akan diambil sebelum pelbagai masalah yang tidak diingini menjadi sukar untuk diatasi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, siasatan sehingga ini mendapati tiada sebarang maklumat yang mendedahkan tentera pemberontakan Tamil Elam telah menjadikan Malaysia sebagai pusat untuk mengembangkan sayapnya bergerak secara haram untuk negara-negara ASEAN.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengesan beberapa individu tempatan yang bersimpati dengan perjuangan pertubuhan tersebut. Mereka ini dikesan menjalankan aktiviti pungutan derma serta melancarkan demonstrasi secara kecil-kecilan bagi menyokong perjuangan kaum Tamil di Sri Lanka.

Secara amnya, kegiatan mereka adalah terkawal dan tidak membimbangkan sehingga boleh menggugat dan memudaratkan keselamatan negara. Kegiatan mereka sentiasa diawasi dan sedang diambil perhatian keselamatan yang sewajarnya.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan memang terdapat segelintir orang menyokong perjuangan apa yang dikatakan dalam soalan ini, maka apa langkah yang tegas akan diambil supaya negara kita bebas daripada menjadi tapak kepada pemberontak di Sri Lanka ini.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terutamanya Polis Diraja Malaysia memang sentiasa berhati-hati dan mengawasi gerak-geri apa-apa sahaja kegiatan yang melibatkan orang asing cuba mempengaruhi orang kita, mana-mana pihak di dalam negara kita kalau terlibat, kalau sudah malampai satu batasan yang boleh diterima oleh kerajaan kita, kita tetap akan mengambil tindakan undang-undang mengikut negara kita.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya bila kita menggunakan perkataan 'pemberontak', bukankah ini keterlaluan kerana beberapa tahun sebelum ini perjuangan Palestine pun dikatakan pemberontak, sekarang telah diterima sebagai sebuah negara yang sah di dalam dunia ini.

Jadi, dalam hal ini, Tamil Elam di mana .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Ada pula satu Speaker!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tertib! Beri dia peluang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Jadi, adakah kerajaan akan memberi pertolongan seperti menghantar duta atau kakitangan kita, askar kita untuk pergi menyiasat hal yang benar di Tamil Elam dan selain dari itu, adakah derma-derma yang dikutip di negara ini, adakah ini sah dari segi undang-undang dan adakah ini digalakkan?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah menggunakan perkataan pemberontakan, itu yang digunakan oleh pihak pembangkang dalam soalnya. *[Ketawa]* Saya cuma menjawab satu soalan yang telah menggunakan perkataan ini dengan mengatakan kerajaan setakat ini tidak dapat mengadakan apa-apa siasatan dan tidak dapat mendedahkan apa-apa pemberontakan, cuma yang ada kegiatan mereka hanya secara kecil-kecilan, itu pun kita awasi.

Jadi, kalau bercadang hendak menghantar askar atau apakah pergi ke negara orang lain, saya ingat tak masuk akallah. *[Ketawa]* Macam mana boleh hantar askar kita pergi ke negara orang lain?

**Seorang Ahli:** Suruh dia volunteer!

**Dato' Ong Ka Ting:** Dan lagi pun derma yang dikatakan dikutip itu, kita sentiasa awasi kalau dia selalu mengatakan door to door, itu macam ada sesetengah parti pembangkang, yang selalu pakai tong besar pergi door to door, pergi ke pasar-pasar malam, itu tidak bolehlah. *[Ketawa]* Kalau macam itu melanggar undang-undang, kita boleh mengambil tindakan.

### TANAMAN HYDROPONIC - GALAKAN

5. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Pertanian menyatakan potensi tanaman sayur-sayuran secara hydroponic di negara ini dan langkah yang diambil untuk menggalakkan tanaman ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, penanaman sayur-sayuran secara hydroponic mempunyai potensi yang amat baik. Walaupun ianya memerlukan modal permulaan yang agak tinggi, pengeluaran dan pulangannya adalah lebih tinggi. Hasil keluaran sayur-sayuran daripada penanaman secara hydroponic mempunyai permintaan yang sangat baik, memandangkan penanaman melalui cara ini tidak menggunakan racun perosak, dengan itu hasil pengeluarannya adalah bebas dari saki-baki racun perosak.

Langkah-langkah promosi sedang dipertingkatkan lagi oleh Kementerian Pertanian untuk menggalakkan lebih ramai lagi usahawan dan petani untuk menceburi diri dalam bidang penanaman hydroponic secara komersial. Selain dari itu, penanaman hydroponic dengan menggunakan peralatan yang mudah dan murah dan hydroponic takung digalakkan secara meluas di kalangan pengguna-pengguna. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Buat masa sekarang ini harga bekas atau peralatan yang digunakan untuk tanaman sayur-sayuran hydroponic ini saya rasakan adalah amat mahal, satu bekas itu harganya lebih kurang RM25, jadi, adakah Yang Berhormat Dato' bercadang atau ada langkah-langkah untuk menurunkan harga ini atau dengan menggunakan satu jenis peralatan yang lebih murah untuk kegunaan tanam-tanaman sayur-sayuran hydroponic ini.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini memanglah tidak ada rancangan untuk menurunkan harga, tetapi walaupun harganya lebih kurang RM25 tetapi itu adalah satu harga yang amat berpatutan dan malahan lebih kurang 5,000 takungan telah dijual untuk pengguna dan saya ingat perkara ini adalah terpulang kepada permintaan dan sudah tentulah harga yang dikatakan tadi berpatutan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kempen hydroponic ini begitu meluas, tentu sekali akan banyak pengamal-pengamal hydroponic dan keperluan untuk hydroponic ini adalah cecair galian, apakah ada kawalan ataupun siapakah yang bertanggungjawab untuk mengawal memastikan bahawa kawalan kualiti larutan galian ini supaya seimbang dan sesuai dan jikalau tersalah kuantitinya mungkin memudaratkan kepada pengguna yang memakan sayur tersebut.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, baja yang digunakan dalam cecair itu adalah baja ammonia NPK dan selalunya pokok bahan-bahan ini akan mengambil NPK sahaja, itulah rasa saya perkara ini tidak perlu dipersoalkan dan walau bagaimanapun pihak MARDI dan Jabatan Pertanian selalu mengambil analisa berkenaan cecair ini dan dianalisa dan insya-Allah akan kita pertingkatkan lagi kalau kita dapati perlu.

### KEHILANGAN GADIS DAN WANITA - BILANGAN PENYELUDUP YANG DITANGKAP

6. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perangkaan terakhir mengenai bilangan dan taraf kewarganegaraan gadis-gadis dan wanita yang hilang dan diseludup untuk tujuan pelacuran. Berapa ramai penyeludup yang telah ditangkap dan berapa ramai pula yang dijatuhi hukuman bagi tempoh 1997 hingga sekarang.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1997 seramai 4,221 orang gadis dan wanita yang dilaporkan hilang di seluruh negara. Dari jumlah tersebut seramai 398 orang berumur di antara 10 hingga 13 tahun, seramai 1,886 berumur di antara 14 hingga 17 tahun, seramai 763 berumur di antara 18 hingga 21 tahun dan 1,174 berumur lebih daripada 21 tahun. Dari jumlah tersebut 1,693 orang telah berjaya dikesan ataupun kembali ke pangkuan keluarga atau penjaga masing-masing.

Mengenai gadis-gadis dan wanita asing yang masuk ke negara kita untuk tujuan pelacuran, pihak polis telah berjaya menangkap seramai 2,250 orang dalam tahun 1997 sahaja dan kerana mereka ini terlibat dalam kegiatan pelacuran dan maksiat yang terdiri dari pelbagai warga negara asing. Namun begitu, adalah sukar untuk menentukan sama ada mereka ini diseludup atau memasuki negara ini secara sukarela kerana kebanyakan yang ditangkap mempunyai pas lawatan sosial yang sah dan tidak kurang pula yang memasuki negara ini secara haram. Dalam tahun 1997 seramai 73 orang telah diambil tindakan kerana telah terlibat dalam penganjuran aktiviti maksiat dan pelacuran di seluruh negara kita.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, adakah para pelajar yang terlibat dalam pelacuran untuk menjadikan hasil kegiatan sebagai sumber yuran pengajian dan sumber kewangan untuk perbelanjaan mereka dalam IPT dan juga saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada satu pasukan khas dicadang ditubuhkan untuk mencari gadis-gadis dan perempuan yang hilang, sebab dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kebanyakan yang dilaporkan hilang tidak dapat dikesan.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada bukti yang jelas ataupun tidak ada laporan rasmi yang membuktikan bahawa ada pelajar yang terlibat dalam pelacuran untuk mendapatkan wang untuk perbelanjaan diri atau tidak, daripada pelacuran yang kita telah dapat tangkap ini boleh dikatakan semua mereka ini telah pun meninggalkan persekolahan mereka, tidak bersekolah lagi. Dan bagi pihak polis, memang ada unit khas di peringkat Bukit Aman untuk mengatasi masalah kehilangan gadis dan juga pelacuran.

Ada di antara angka-angka, kalau kita lihat ramai yang tidak dapat dijumpai, sebenarnya sebahagian dari mereka ini didapati bukan dipaksa menghilangkan diri, mereka melarikan diri dari rumah selepas sesuatu tempoh mereka balik dan selepas itu keluarga pun tidak memberitahu pihak polis, ada gejala yang berlaku demikian. Jadi, tidak bermakna angka yang hilang itu semuanya tetap hilang selama-lamanya.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, menyeludup manusia masuk ke Malaysia adalah lebih mudah daripada menyeludup dadah kerana ia tidak ada anjing pengesan. Jadi, bagi maksud yang haram tadi, berapa banyak pihak kementerian dapat mengesan tentang penyeludup-penyeludupnya dan bagi yang mempunyai pas sosial yang masuk secara sah, adakah pihak kementerian dapat memastikan bahawa agensi-agensi pelancongan dan juga agensi-agensi pekerjaan tidak salah guna peluang yang diberi kepada mereka dan kalau ada berapa banyak yang dapat dikesan?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat bilangan pendatang tanpa izin yang ada di negara kita, kita boleh sedar dan faham betapa pada masa dalam beberapa tahun ini berapa ramai pendatang asing yang telah memasuki negara kita ini dan di kalangan pendatang tanpa izin ini juga ada yang melibatkan diri dalam pelacuran dan itu sebabnya banyak kali bila kita bercakap berkenaan pendatang

tanpa izin ini kerajaan telah memberikan semua langkah-langkah dan kita juga meminta semua orang awam membantu kita supaya jangan melindungi mereka dan melaporkan serta mendedahkan kehadiran mereka di mana-mana.

Bagi syarikat-syarikat pelancongan ini memang susah mereka hendak mengenal pasti pelancong yang mana masuk, selepas itu mereka akan menghilangkan diri, tetapi walau bagaimanapun, kerajaan sedang mengadakan peraturan yang sesuai, yang memadai untuk mendapatkan kerjasama dari syarikat-syarikat pelancongan iaitu kita terpaksa, sebab apa yang ejen pelancongan ini tidak dapat memastikan ialah kerana pelancong jenis mana yang akan menaiki kapal terbang di tempat sebelah, maknanya ejen pelancongan di negara lain pun akan memainkan peranan.

Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri sedang mengadakan satu perbincangan dan pernah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak pelancongan bagaimana untuk mengurangkan penyalahgunaan pas lawatan sosial ini dan ini boleh dikurangkan sehingga tahap yang rendah tetapi ada juga pelancong yang benar-benar masuk ke negara kita untuk melancong, selepas melancong dia melacur. *[Ketawa]* Itu yang susah kita hendak menentukan bila dia jadi pelancong dan bila pula dia jadi pelacur.

**Seorang Ahli:** Dua-dua boleh ya! *[Ketawa]*

#### PENAMBAHAN PEMBEKALAN KAYU GETAH - INDUSTRI PERABOT

7. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin *[Muar]* minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah rancangan kementerian untuk menambahkan pembekalan kayu getah untuk industri perabot dan adakah kementerian hendak mengharamkan eksport kayu getah ke luar negara.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk mengharamkan eksport kayu getah ke luar negara kerana bekalan kayu getah untuk kegunaan industri perabot di negara ini masih mencukupi. Dalam pada itu, eksport kayu getah akan terus dikawal dengan rapi dan hanya kayu getah bergergaji dibenarkan untuk dieksport berasaskan kepada sistem kuota.

Walau bagaimanapun, bagi menjamin bekalan kayu getah yang mencukupi untuk tempoh jangka panjang, kementerian ini akan mendapatkan kerjasama kementerian-kementerian berkaitan dan juga pihak kerajaan-kerajaan negeri yang sepatutnya menggalakkan penubuhan ladang hutan getah di kawasan-kawasan yang sesuai dan tanah terbiar.

Di samping itu, pekebun-pekebun kecil akan digalakkan menanam penanaman semula pokok getah dengan menggunakan klon yang boleh menghasilkan kayu yang lebih besar dan lebih bermutu.

Di samping itu juga, industri perabot tempatan juga disaran untuk memaksimumkan penggunaan kayu getah daripada kadar perolehan (recovery rate), dengan izin, 36% sekarang ini ke tahap yang lebih optimum supaya pembaziran bahan mentah dapat dikurangkan.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Harga getah semasa di pasaran secara perbandingan tidaklah sebaik harga kelapa sawit. Justeru itu, banyak kalangan yang lebih berminat untuk terlibat dalam penanaman kelapa sawit, jika keadaan ini berterusan maka ia akan menjejaskan bekalan kayu getah untuk industri perabot dalam jangka masa panjang.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, apakah insentif yang disediakan oleh pihak kementerian kepada pihak yang ingin terlibat dalam penanaman pokok getah ini?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mersing. Pihak kerajaan dan kementerian tidak menafikan bahawa harga getah kalau dibandingkan dengan harga kelapa sawit tidak memberangsangkan. Tetapi kerajaan masih yakin bahawa industri getah mampu bertahan dan juga bersaing sekiranya kelemahan yang sedia ada dapat kita atasi.

Seperti saya sebutkan dalam jawapan asal tadi, yang penting ialah untuk pekebun-pekebun kecil yang merupakan 8% daripada pengeluaran-pengeluaran getah di negara kita untuk membuatkan pemindahan pemikiran dan penyerapan kepada teknik-teknik baru dan kaedah-kaedah baru supaya mereka dapat meningkatkan produktiviti mereka.

Daripada pihak kerajaan, usaha-usaha seperti mewujudkan ladang hutan getah yang telah diwujudkan di Pahang, Selangor, Sabah, Negeri Sembilan, Terengganu dan Sarawak membuktikan bahawa potensi dalam industri dan sektor ini amat menggalakkan. Pada masa yang sama, seperti yang saya sebutkan tadi, klon-klon baru seperti siri klon RRIM 2000 yang boleh menghasilkan kayu yang lebih besar dan bermutu atau siri-siri jenis lain seperti RRIM 2001, 2002 dan 2008 boleh menghasilkan kayu balak dalam tempoh 12 sehingga 15 tahun berbanding dengan klon konvensional yang memerlukan tempoh 25 tahun.

Ini bermakna bahawa sekiranya kesedaran untuk menyerap teknologi dan klon-klon baru ini, bersama-sama menyahut seruan dan usaha kerajaan untuk membantunya, sehingga kerajaan dan kementerian cukup yakin bahawa industri ini dapat bertahan dan bersaing dalam masa-masa yang akan datang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha, adakah pihak kementerian sedar bahawa usaha kerajaan untuk menambahkan penanaman kayu getah akan berjaya sekiranya pihak kerajaan iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menghentikan peruntukan tanaman semula sepertimana yang berlaku di kawasan Beruas iaitu di kawasan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di mana ia dibatalkan sama sekali, macam mana kita boleh menggalakkan penanaman getah yang lebih meluas kalau peruntukan yang disediakan untuk tanaman semula, yang dibayar menerusi ses sebelum ini telah dibatalkan sama sekali dan saya pun hendak tahu macam mana Yang Berhormat sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri akan membuat penyelarasan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai hubungan yang agak tidak begitu setiakawan dengan Yang Berhormat Menteri, ekor pergolakan di antara Pemuda UMNO dan Yang Berhormat Menteri.

Macam mana kita boleh membawa faedah kepada rakyat kalau kedua-dua ini tak 'ngam'. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, perkataan 'ngam' itu apa bahasanya? *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak sepadan!

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menggunakan isu politik dalam Dewan yang mulia ini hendak melaga-lagakan kita. Sebenarnya hubungan .....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:**.....Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional cukup erat dan tidak ada sebab isu-isu yang mengaitkan dasar kerajaan untuk kepentingan masyarakat menjejaskan tindakan kita untuk kebaikan negara.

**Tuan Lim Guan Eng:** Surat khabar hentam sampai teruk-teruk! *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Duduk-duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat!

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Soalan yang ditanyakan berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama dan tujuan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebenarnya, tidak lain tetapi untuk melaga-lagakan kami dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tetapi saya bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama ingin menyatakan bahawa agensi-agensi khususnya Lembaga Getah Malaysia ada hubungan yang cukup erat dengan RISDA dan kepentingan pekebun-pekebun kecil dan industri getah akan dan telah pun difikirkan dan agenda kita hanya semata-mata untuk membela industri ini tanpa kepentingan politik atau persahabatan peribadi di antara kedua-dua pihak. Sekian, terima kasih.

### PEMBANGUNAN INDUSTRI DI NEGERI SARAWAK - CADANGAN

8. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah rancangan-rancangan perindustrian yang sudah dan akan dicadangkan untuk negeri Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha pembangunan sektor perindustrian di negeri Sarawak telah bermula sejak penubuhan Malaysia lagi. Sektor ini terus berkembang pada tahun-tahun 80-an dengan wujudnya beberapa projek perkilangan bersaiz besar dan sederhana khususnya dalam industri-industri berasaskan sumber.

Usaha yang berterusan telah dilakukan oleh kerajaan dengan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur termasuk mewujudkan kawasan-kawasan perindustrian baru yang lebih tersusun.

Pihak kerajaan negeri pula sentiasa berusaha untuk memastikan bekalan air dan elektrik mencukupi bagi menyokong perkembangan sektor ini di Sarawak. Hasil dari usaha yang berterusan ini sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK di negeri Sarawak telah berkembang dari 7.7% pada tahun 1980 kepada 21.3% untuk tahun 1997.

Selaras dengan usaha tersebut Kerajaan Persekutuan telah menawarkan pakej insentif koridor timur dalam bentuk galakan taraf perintis sehingga 85% dan elaun cukai pelaburan sehingga 80%. Ini bertujuan untuk menarik para pelabur melabur ke negeri Sarawak. Dengan pengenalan pakej insentif ini, diharap pembangunan sektor perkilangan di negeri Sarawak dapat dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

Jawatankuasa Bersama Penyelarasan Industri (JBI) di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak yang diurusetikan bersama oleh MITI dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak telah ditubuhkan. JBI adalah berperanan sebagai badan penyelaras dalam merancang dan menentukan arah hala pembangunan industri di peringkat negeri Sarawak selaras dengan perancangan yang dibuat bagi seluruh negara.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dari masa ke semasa, kita difahamkan kita mendengar rombongan pelaburan dari Sarawak, dari Kerajaan Pusat, dari negeri-negeri yang lain pergi ke luar negeri untuk mencari pelaburan.

Jadi, pertanyaan saya apakah bentuk kerjasama di antara negeri dan Kerajaan Pusat dari segi penyelarasan dan apakah kriteria-kriteria pengukuran yang digunakan untuk menentukan rombongan ini tidak menjadi rombongan makan angin?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak payah pergi rombongan ke negara-negara luar, dia boleh makan angin dalam Malaysia boleh - domestic tourism. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyelarasan antara peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, memang ada penyelarasan seperti yang saya katakan tadi dengan Kementerian Pembangunan Perindustrian di negeri Sarawak dengan pihak MITI di Kerajaan Pusat, memang ada penyelarasan, tetapi kita memang mengajak dan mempelawa mereka yang terlibat di dalam perindustrian yang tertentu untuk pergi bersama dalam rombongan industri ini yang diketuai oleh sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahupun Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sama ada ianya bertukar daripada satu rombongan industri kepada rombongan makan angin, saya pun tidak tahu dari segi itu, itu terpulang kepada nawaitu masing-masing, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kita ucapkan kepada kementerian kerana memberi insentif macam pioneer status kepada syarikat-syarikat pelaburan di negeri Sarawak tetapi infrastruktur asas amatlah penting untuk pembangunan industri. Baru-baru ini pada tahun 1997 sebuah syarikat dari Amerika Syarikat yang ingin melabur berjumlah RM2 bilion di negeri Sarawak dalam industri elektronik telah datang ke Sarawak dan apabila sampai di Sarawak walaupun berpuas hati dengan api dan air dan sebagainya, tetapi tidak berpuas hati dengan keadaan fasiliti di lapangan terbang dan warehousing. Jadi, syarikat ini pergi ke Singapura untuk membuat kilang mereka ke Bantam kalau tidak salah saya.

Jadi, persoalan saya apakah koordinasi kementerian agar infrastruktur asas yang mungkin tidak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang boleh dibuat supaya perkara yang berlaku seperti syarikat ini tidak berlaku lagi dan kerugian kepada negara Malaysia.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita cuba memastikan bahawa segala bentuk infrastruktur yang perlu diadakan untuk menarik pelabur daripada luar negara untuk melabur dalam negara kita, tetapi boleh jadi ada ketikanya kita dapati bahawa infrastruktur yang ada mungkin tidak mencukupi, tetapi saya tidak tahu sama ada industri kalau tidak silap 'wafer fabrication', saya tidak tahu sama ada industri wafer fabrication ini keluar dari negeri Sarawak, oleh kerana infrastruktur yang tidak mencukupi ataupun ada sebab-sebab yang lain. Oleh kerana pembesaran Lapangan Terbang Kuching pun telah dijalankan dan saya merasakan bahawa dengan pembesaran lapangan terbang ini, warehousing dan juga tempat-tempat untuk peng storan dari segi meletakkan barangan industri yang ada di Sarawak, saya rasa mencukupi dari segi itu. Saya tidak tahu dari segi sama ada masalah infrastruktur ataupun masalah yang lain. Terima kasih.

#### BUTTERWORTH OUTER RING ROADS - KEDUDUKAN

9. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kedudukan dan butir-butir mengenai Butterworth Outer Ring Roads.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lingkaran Luar Butterworth (Butterworth Outer Ring Road), dengan izin, telah diswastakan dan perjanjian konsesi ditandatangani pada 28 April 1997. Projek tersebut dianggarkan menelan belanja sebanyak RM410 juta iaitu RM282 juta untuk pembinaan dan RM128 juta untuk kos pengambilan balik tanah. Tempoh konsesi yang diberikan adalah selama 30 tahun, termasuk tempoh pembinaan.

Buat masa ini, proses pengambilan tanah menjangkau 85% dan dijangka dapat diselesaikan dalam tahun ini juga.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu nama konsesi yang berjaya mendapatkan projek ini dan sama ada pampasan dan penempatan setinggan-setinggan yang terlibat dalam projek ini di mana mereka yang kebanyakannya adalah orang miskin?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pendapatan setinggi-tingginya yang sedia ada berhampiran dan kawasan aliran jalan itu kita sedang bincangkan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nama konsesi itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia soal nama konsesi itu?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Oh, nama konsesi itu - ya boleh saya berikan! Tuan Yang di-Pertua, nama konsesi itu Raceton Sendirian Berhad - 70% dan Etika Gemilang - 30%. Jadi, kedua-dua syarikat ini menjalankan konsesi itu.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada tol akan dikenakan ke atas projek ini dan jika tol tidak dikenakan, bagaimana konsesi ini akan membayar jumlah sebanyak RM410 juta ini dan memandangkan keadaan ekonomi sekarang tidak memuaskan sama ada jangka masa siap ini akan dipanjangkan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tol mesti dikenakan. *[Ketawa]* Tanpa tol macam mana kita boleh membina jalan melalui penswastaaan tetapi cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi diambil kira sebagai satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, apabila kita akan mengenakan tol bukannya tol tertutup, itu tol terbuka. Bila dia masuk dia bayar sekali sahaja. Jadi, semuanya telah diambil kira oleh kerana kawasan ini mempunyai banyak masalah lalu lintas sekarang. Saya percaya dengan pembinaan jalan ini kita boleh menyelesaikan perkara yang saya sebut tadi.

#### PENGANIAYAAN OLEH TENTERA ALGERIA - CADANGAN MALAYSIA KEPADA OIC

10. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menyatakan bantahan negara ini terhadap penganiayaan yang dilakukan oleh pihak tentera Algeria yang didalangi oleh mustakbirin Perancis dan sekutu Barat ke atas berjuta-juta rakyat Islam yang tidak berdosa di negara itu. Adakah Malaysia bercadang menyeru supaya sidang khas OIC dipanggil bagi membincangkan tragedi itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang hampir serupa telah dibangkitkan pada sidang kelmarin dan dalam hal ini, sukacitanya saya tegaskan bahawa sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan dan kemakmuran, Malaysia mengutuk serta menentang dengan kerasnya segala bentuk keganasan dan pembunuhan di mana-mana sahaja ianya berlaku tanpa kita mengira motifnya mahupun kaum, bangsa dan agama mereka.

Keganasan dan pembunuhan bukan hanya bertentangan dengan ajaran agama Islam, malah pun oleh semua agama lain. Kejadian keganasan dan pembunuhan serta penindasan terhadap umat Islam adalah satu isu yang sering kita bangkitkan dan dibincangkan di persidangan OIC. Buat masa ini sekumpulan pekerja pakar telah diwujudkan untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan keganasan (terrorism).

Walaupun bagaimanapun, setakat ini masih tidak terdapat kata sepakat untuk mengadakan satu persidangan khas mengenai hal ini, malahan negara-negara anggota OIC berpendapat ianya merupakan masalah dalaman Algeria. Jadi, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, sukacitanya saya maklumkan bahawa di samping kita menghantar seorang pemerhati, Malaysia juga telah turut menyumbang US\$20 ribu ke tabung Bangsa-Bangsa Bersatu yang diwujudkan khas untuk membiayai pemerhati dari PBB ke pilihan raya umum Algeria tahun lepas. Jadi, ianya adalah satu

sokongan Malaysia terhadap langkah Algeria untuk mewujudkan proses demokrasi bagi membolehkan pembinaan semula sistem politik dan sosial di negara tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa perjumpaan di antara pemimpin-pemimpin Malaysia termasuk Perdana Menteri telah diadakan dengan pemimpin-pemimpin Perancis termasuk Presiden Jacques Chirac. Adakah pemimpin-pemimpin Malaysia pernah membangkitkan hal ini dan membantah bahawa pihak Perancis adalah menghalang proses demokrasi, adakah menasihati dan mendesak pihak Perancis mengenai demokrasi di Algeria perlu hormat dan menerima keputusan proses demokrasi, tidak kira siapa menang.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan perkara ini dibangkitkan oleh Malaysia di peringkat multi-lateral dan tidak pernah kita mengemukakan perkara ini secara bilateral kerana kita menganggap proses ini adalah satu proses yang boleh diatasi oleh Algeria dan perkara-perkara ini merupakan satu masalah sistem dan politik sosial negara tersebut secara dalaman. Jadi, kita tidak akan mengambil langkah-langkah menerusi bilateral tetapi seterusnya menerusi forum antarabangsa, PBB, OIC dan mana-mana forum wujud yang dapat kita memberi sumbangan dan sokongan atas usaha untuk membolehkan pembinaan semula sistem dan politik sosial negara tersebut.

#### PENDATANG HARAM DI KEM TAHANAN – BILANGAN

11. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang masih berada di kem-kem tahanan di negeri ini. Berapa lama mereka disimpan di kem tahanan ini sebelum dihantar pulang ke negara masing-masing dan kos untuk membiayai mereka.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pendatang tanpa izin yang masih berada di depot tahanan imigresen sehingga Mac 1998 ialah 5,935 orang. Tempoh pendatang tanpa izin ini berada di dalam depot bergantung kepada berapa lama tempoh diperlukan oleh kedutaan masing-masing untuk urusan dokumentasi.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedaya-upaya cuba menyejatkan penghantaran pulang pendatang tanpa izin ini kerana lebih lama mereka berada di depot, lebih banyak kos yang terpaksa dibiayai oleh kerajaan. Kerajaan membelanjakan sebanyak RM3 seorang sehari bagi membiayai pendatang tanpa izin di depot-depot imigresen.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kos membiayai pendatang tanpa izin ini adalah tinggi, dan kita juga maklum banyak pihak yang kononnya bersimpati dengan mereka termasuk NGO-NGO dalam negeri yang sanggup mengkhianati negara dengan memberikan maklumat-maklumat yang salah dan palsu. Jadi, soalan saya adakah selama ini pihak-pihak NGO kita yang kononnya bersimpati itu ada menghulur apa-apa bentuk bantuan kepada pendatang tanpa izin ini sebagai bukti simpati dan prihatin mereka dan adakah kerajaan bercadang untuk meminta mereka turut menghulurkan bantuan – jangan hanya bercakap kosong sahaja tanpa memberi apa-apa sumbangan kepada negara.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, NGO-NGO yang lantang bercakap mengkritik kerajaan ini memang mereka yang tidak menyumbang apa-apa kepada mereka yang berada di depot. Sumbangan mereka ialah menarik perhatian antarabangsa secara negatif terhadap negara kita. Saya rasa rakyat jelata semua perlu mengkritik mereka, siapa yang makan cabai, dia rasa pedas, tidak payah kita sebut namanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa sudah cukup untuk sesi soal jawab.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 42 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA  
(PINDAAN) 1998**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [5 Mei 1998]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri diminta mengemukakan rang undang-undang.

3.38 ptg.

**Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]:** Tuan Yang di-Pertua, anggapan di bawah Akta Dadah Berbahaya bagi pendedaran untuk mereka yang didapati memiliki dadah berbahaya dengan kuantiti tertentu tidak meliputi perangsang jenis Amphetamine ini. Oleh itu adalah wajar bahawa anggapan juga diperuntukan bagi kes-kes pemilikan kuantiti besar sebanyak 50 gram atau lebih bagi MDMA dan bahan-bahan segolongannya atau perangsang jenis Amphetamine yang kini dikawal sebagai dadah berbahaya. Oleh itu Fasal 5 mencadangkan pindaan pada Seksyen 37 dengan memasukkan senarai pil-pil ecstasy ini dengan kuantiti sebanyak 50 gram atau lebih bahan-bahan ini. Mereka yang memiliki bahan-bahan itu akan dianggap sebagai "pedegar" atau "trafficking".

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8. Berikutan pindaan kepada seksyen 37 itu fasal 8 bercadang meminda seksyen 39A untuk memasukkan 14 jenis perangsang jenis Amphetamine sebagai dadah berbahaya supaya seseorang yang didapati memiliki mana-mana dadah itu dalam amaun yang kurang daripada amaun yang boleh menimbulkan anggapan bahawa dia mengedar dadah untuk itu akan dikenakan hukuman lebih berat yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

Tuan Yang Di Pertua, mengenai Fasal 6 dan 7. Kajian yang dibuat oleh Agensi Dadah Kebangsaan mendapati bahawa daripada 12,911 orang penagih dadah yang berada di pusat serenti dalam tahun 1996, 14.2% daripada mereka adalah terdiri daripada penagih-penagih yang mengidap HIV/AIDS, berpenyakit kronik, gila dan lain-lain "multiple disease" yang mana mereka ini tidak mempunyai "propensity" (kecenderungan) untuk dipulihkan. Kemasukan penagih-penagih dadah dari kategori tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan keseluruhan sistem pemulihan di pusat serenti tidak dapat dijalankan dengan berkesan dan gagal mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi pusat-pusat serenti tidak mempunyai pegawai-pegawai perubatan yang khusus yang boleh merawat penagih-penagih dadah seperti yang dihuraikan di atas. Sedangkan objektif utama pusat serenti ialah untuk memulihkan penagih-penagih dadah dari penggantungan fizikal dan psikologikal terhadap dadah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah ini Majlis Dadah Kebangsaan telah mengarahkan supaya pusat-pusat serenti diklasifikasikan mengikut kategori penagihan seperti Pusat Serenti Penagih Ringan, Pusat Serenti Penagih Sukarela, Pusat Serenti Penagih Remaja, Pusat Serenti Penagih Wanita dan Pusat Serenti Penagih Tegar atau hardcore, dengan izin. Pusat-pusat serenti sekarang dengan secara berperingkat-peringkat sedang diklasifikasikan semula mengikut lima jenis klasifikasi pusat serenti di atas. Melalui sistem mengkategorikan dan mengklasifikasikan pusat-pusat serenti ini, Majlis Dadah Kebangsaan telah menetapkan dasar supaya hanya penagih-penagih yang mempunyai "propensity" untuk dipulihkan sahaja akan diberi keutamaan menjalani program pemulihan di pusat serenti. Penagih-penagih dadah yang berpenyakit kronik, mengidap HIV/AIDS, tidak siaman dan "multiple disease" yang

mana tidak mempunyai "propensity" untuk dipulihkan akan diletakkan di bawah pengawasan pegawai iaitu Program Penyeliaan Di Luar Institusi Pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, Agensi Dadah Kebangsaan mendapati program jagaan lanjutan di bawah seliaan pegawai pemulihan yang dikenakan ke atas penagih-penagih dadah yang dibebaskan dari pusat serenti tidak berjaya mencapai matlamat mengintegrasikan penagih-penagih berkenaan ke dalam masyarakat sekelilingnya. Ini adalah kerana beban kes yang jauh lebih besar berbanding dengan kemampuan seseorang pegawai pemulihan di peringkat daerah. Sebagai contohnya nisbah tertinggi antara pegawai pemulihan dengan kes jagaan lanjutan ialah 1:443 orang. Pada hal nisbah yang manageable, dengan izin, ialah 1:23 penagih dadah sahaja.

Sebagai langkah untuk mengatasi kelemahan dan ketidakupayaan pegawai pemulihan melaksanakan pengesanan penagih-penagih dadah di dalam fasa jagaan lanjutan ini, Majlis Dadah Kebangsaan telah memutuskan supaya mereka yang telah dibebaskan dari pusat serenti diletakkan di bawah pengawasan pegawai pemulihan atau pegawai polis.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu penglibatan pegawai-pegawai polis di dalam pengawasan penagih-penagih dadah yang diletakkan di bawah pengawasan pegawai dijangka akan dapat mempertingkatkan keberkesanan sistem pengesanan manakala pegawai-pegawai pemulihan pula memberi tumpuan dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ke atas penagih-penagih dadah.

Sehubungan dengan itu Fasal 6 bercadang meminda seksyen 38A untuk memberi mahkamah kuasa untuk memperlakukan seseorang pesalah juvana mengikut peruntukan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pesalah juvana adalah mangsa dan patut dibantu untuk dipulihkan. Mereka yang didapati bersalah kerana pemberian kepada diri sendiri dadah berbahaya (self administration of dangerous drugs) dengan izin, di bawah seksyen 15 dicadangkan di bawah seksyen 30A yang baru supaya mahkamah memperlakukan ke atas pesalah juvana ini. Mahkamah boleh memerintahkan pesalah juvana untuk menerima rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama dua hingga tiga tahun dan selepas itu mendapat rawatan lanjutan (aftercare), dengan izin, atau diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai pemulihan bagi tempoh dua hingga tiga tahun. Sebelum cadangan pindaan ini mahkamah boleh memerintahkan pesalah juvana dimasukkan ke pusat pemulihan setelah menimbangkan laporan daripada pegawai pemulihan.

Walau bagaimanapun, peruntukan seksyen ini tidak meliputi juvana yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 6B iaitu sekatan ke atas penanaman beberapa tumbuhan tertentu yang mana candu mentah, daun kokar, jerami popi atau ganja boleh diperolehi dan seksyen 39B iaitu kesalahan pengedaran dadah berbahaya atau kesalahan yang melibatkan amaun tertentu dadah berbahaya seperti yang disebutkan dalam seksyen 39A.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 38B untuk menghendaki seseorang pesalah yang didapati bersalah di bawah Seksyen 15 – pemberian kepada diri sendiri dadah berbahaya atau self administration, dengan izin, akan menjalani pengawasan oleh pegawai pemulihan atau pegawai polis selepas menjalani hukuman yang dikenakan keatasnya.

Tuan Yang Di Pertua, pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan Akta ini.

Tuan Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

3.47 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong penuh rang undang-undang ini kerana pindaan yang sedang kita bincangkan hari ini akan membolehkan pengedar-pengedar pil yang boleh membawa maut, seperti pil ecstasy, jika terbukti kesalahannya, boleh dihukum mati mandatori. Ini adalah selaras dengan Peruntukan 39B(2) akta ibu iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tidak akan bangkit mana-mana pihak baik di dalam negeri atau dari luar negeri yang akan mempolitikkan hukuman mati ini yang akan dijatuhkan ke atas pengedar dadah yang telah terbukti kesalahannya oleh pihak mahkamah. Saya berharap pihak pembangkang, termasuk Kepong, tidak akan mempolitikkan hukuman mati ini. Saya juga harap Amnesty International tidak akan melabelkan undang-undang ini sebagai tidak berperikemanusiaan dan seterusnya saya berharap tidak akan wujud mana-mana NGO tempatan yang akan mengecam hukuman ini. Sekali gus saya juga menggantungkan harapan supaya tidak ada wartawan serta media asing yang akan cuba-cuba menggunakan hakikat capital punishment, dengan izin, ke atas pengedar pil ecstasy sebagai satu contoh kononnya Kerajaan Malaysia zalim dan menindas.

Tuan Yang di-Pertua, saya melahirkan harapan ini supaya semua pihak faham dan insaf mengapakah Malaysia mengenakan hukuman mati ke atas pengedar dadah, termasuklah pengedar pil ecstasy, yang baru kita masukkan ke dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 ini, termasuklah pengedar pil ecstasy yang dibuktikan kesalahannya oleh mahkamah. Malaysia mengenakan hukuman mati ini semata-mata untuk melindungi.....

**Tuan R. Karpal Singh: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jelutong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payahlah, dia sudah hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan takut. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun, parti DAP menerima gejala pengedaran dadah dan sebagainya boleh dipanggil "public enemy number one" dalam negara ini, tidak boleh dinafikan dan hukuman mati mandatori yang boleh dijatuhkan di bawah seksyen 39B adalah satu langkah yang boleh digunakan untuk membanteras gejala ini. Tetapi adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong bersetuju dengan saya. Adakah checks and balances dalam undang-undang untuk menentukan seorang yang dapat hukuman mati dari tangan mahkamah mendapatkan satu perbicaraan yang adil apabila ada anggapan dalam Peruntukan 37D dan 37(da). Adakah satu anggapan, walaupun dalam negara ini kami menggunakan undang-undang Inggeris di mana ada dikatakan "There is a presumption of guilt, di bawah seksyen 37D dan 37(da) adalah satu presumption of guilt. Bolehkah anggapan-anggapan seperti ini digunakan oleh mahkamah untuk menjatuhkan satu hukuman yang amat serius sebagai hukuman mati mandatori – di bawah seksyen 39B. Barangkali Menteri boleh menolong, dia seorang lawyer, Yang Berhormat dari Parit Sulong.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong diingatkan tujuan soalan itu kepada Parit Sulong, bukan kepada Menteri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya banggalah kerana DAP juga mengiktiraf bahawa dadah adalah, dengan izin, public enemy number one. Jadi, bermakna kita ada perkongsian sentimen dan juga perception terhadap dadah dan soalan yang selanjutnya mengenai the assence of law itu, dengan

izin, saya minta Yang Berhormat nanti dijelaskanlah. Dengan terus terang saya tidak pakar dalam undang-undang. Jadi, saya tidak mahu menimbulkan satu suasana perbalahan secara membabi buta di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi menyatakan bahawa Malaysia mengenakan hukuman mati ini semata-mata untuk melindungi survival generasi mudanya dari ancaman dadah yang boleh membawa maut. Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam dan hari ini telah pun menghuraikan statistik di dalam Dewan, bagaimanakah masalah dadah ini telah menimbulkan multi-dimensional problems, dengan izin, problem yang berbagai-bagai sehingga timbul lima kategori pusat serenti, klasifikasi lima pusat serenti untuk lima jenis penagih dadah di dalam negara. Jadi, di dalam hal ini saya ingin menyatakan bahawa sebab itulah Malaysia berhak memperkenalkan hukuman ini kerana hak untuk hidup juga merupakan sebahagian dari hak asasi manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, atas hakikat ini saya mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk memberi peringatan, kalau tidak amaran kepada mana-mana pihak, baik elemen-elemen lokal mahupun media atau NGO international bahawa sesuatu negara - bangsa (nation) mempunyai hak sepenuhnya untuk menentukan survival serta destini negara itu sendiri. Hak ini terhurai di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948. Tetapi hak asasi yang memastikan survival dan destini sesuatu nation - state ini selalu dan sengaja diperkecil-kecilkan oleh kelompok negara maju. Sebaliknya, negara-negara maju cuma menggembar-gemburkan hak asasi manusia yang berkaitan dengan political rights ataupun civil liberty, dengan izin. Tindakan seperti ini adalah tidak adil kerana pihak negara maju seolah-olah mahu mendera, menggodam atau membuli negara-negara miskin seperti kita yang tidak mengikut corak dan selera serta cita rasa hak asasi manusia yang diperjuangkan oleh Barat.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak Barat adalah pihak yang paling hipokrit, paling lidah bercabang dan paling double standard dalam konteks hak asasi manusia dalam ertikata yang seluas-luasnya. Pihak Barat ini termasuklah *British Broadcasting Corporation (BBC)*, bukan Backbenchers Club, akhbar *Independent* dan juga mingguan *Observer* di Britain yang dua, tiga hari yang lalu telah melemparkan fitnah kepada Malaysia.

Kepada *British Broadcasting Corporation, Independent, Observer* dan terbaru sekali *Asiaweek*, saya tegaskan bahawa satu daripada hak paling asasi kepada majoriti manusia di jagat ini adalah hak menegakkan kebenaran, hak menyebarkan kebenaran dan hak mempertahankan kebenaran. Apa yang dilakukan oleh *BBC, Independent, Observer* serta *Asiaweek* yang terbaru, adalah sebaliknya. Kepada pihak-pihak ini, saya mahu bertanya, mengapakah disebarkan fitnah dan kepalsuan? Adakah ini hak negara besar dan negara maju? Adakah ini hak kuasa besar untuk melaga-lagakan serta untuk memperkotak-katikkan negara kecil apatah lagi negara-negara itu adalah negara yang sedang dalam krisis seperti Malaysia dan Indonesia? Contohnya, adakah akhbar Barat berhak untuk menabur fitnah bahawa, dengan izin, "thick smoke hanging over Kuala Lumpur" - maksudnya laporan ini laporan *Independent* 3 Mei 1998 ini mengatakan bahawa Kuala Lumpur sekarang ini sedang diselubungi oleh jerebu yang tebal. Mengapa keluar dalam *Independent* 3hb., "Thick smoke hanging over Kuala Lumpur" dan kononnya ini akan menjejaskan Sukan Komanwel. Ini adalah sabotaj, ini elemen fitnah, inilah dia tugas negara-negara besar untuk memfitnah. Adakah ini terkandung di dalam hak asasi manusia sejagat? Saya menganggap laporan ini sebagai satu usaha untuk mensabotaj Sukan Komanwel yang akan diadakan dua, tiga bulan yang akan datang. Akhbar ini juga menulis, kononnya beberapa atlet Barat tidak akan menyertai Sukan Komanwel di Kuala Lumpur kerana ada pakar-pakar Barat yang mendakwa kononnya atlet yang akan bergerak dalam suasana jerebu adalah sama dengan seseorang manusia yang menghisap 1,000 batang rokok pada setiap hari. Cerita ini dikait-kaitkan. Kalau Teluk Intan hendak tahu, I can pass over manuscripnya.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payahlah.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk! Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan.

**Tuan M. Kulasegaran:** 36(1)

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Isu-isu ucapan. Saya hairan apakah yang dikatakan BBC, adakah ia berkaitan dengan Dangerous Drug Act?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik, saya akan buat keputusan, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Parit Sulong, walaupun itu sekadar contoh tetapi Yang Berhormat adalah diingatkan bahawa ini agak jauh daripada apa yang kita tengah bahaskan sekarang ini. Walaupun Yang Berhormat cuba hendak bangkitkan contoh.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan takzimnya saya mengambil ingatan. Tetapi saya membangkitkan masalah 39B(2), iaitu hukuman maut ke atas pengedar-pengedar dadah. Jadi, contohnya sekarang kalau hal ini saya kata jangan dibawa sehingga untuk memfitnahkan. Jadi, saya berilah contoh fitnah itu. Salah satu contoh fitnah dia kata, banyak atlet dari Britain tidak hendak datang kerana "thick smoke hanging over Kuala Lumpur", betulkah? Kita memanggil *Independent* datang ke sini, tengok ada atau tidak jerebu tebal menyelubungi Kuala Lumpur.

DAP senyap, bisu. Mana ada suara pembangkangan daripada DAP terhadap apa yang disuarakan oleh *BBC*, *Independent* atau *Observer* ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah, saya sudah kata 'bisu', tidak payah cakap.

**Seorang Ahli:** Tidak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payah. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong, dia tidak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Lepas itu, Tuan Yang di-Pertua, dia kata bergerak dalam suasana jerebu adalah seperti bergerak dalam suasana bilik di mana 1,000 batang rokok dihisap. Ini adalah satu perkara yang tidak betul. DAP tolong betulkanlah. Doktor dari Kepong tolong betulkanlah, kenapa bisu?

**Dr. Tan Seng Giawa:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun lagi. Dia bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi, saya hairan. Tuan Yang di-Pertua, kenapakah diadakan perkara seperti ini? Ini namanya fitnah sebab itu saya tidak mahu apabila Menteri Kesihatan memperkenalkan dua keluarga dadah iaitu keluarga ecstasy dengan syabu tadi, bukan Md. Sabu - keluarga-keluarga dadah baru ini dikategorikan sebagai dadah berbahaya bahawa pengedarinya sekiranya didapati salah boleh dihukum maut mandatori. Sebab itu saya membabitkan kes ini.

Jadi kalau Teluk Intan tidak faham, kalau Setiausaha Agung tidak berani membantah mengenai kefitmahan.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jelutong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah. Mengenai fitnah yang ditaburkan oleh BBC.

**Tuan R. Karpal Singh:** Berani bagi atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk sahajalah, saya sudah beri peluang tadi tidak apa, sekali cukup, dua kali tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh tadi adalah seperti umpamanya, kalau kita tidak hari ini berdiri tegas dengan apa yang diluluskan dalam Dewan, hakikat ini boleh putar belit apa yang mengikut cita rasa dan selera media barat. Satu contoh lagi mengenai fitnah yang sedang menyelubungi Malaysia, pada 2 Mei British Broadcasting Corporation dalam ruangan mingguan bernama Correspondent, dia kononnya mewawancara sekelompok orang yang dituduh sebagai pendatang haram Indonesia yang telah dihantar pulang di Pantai Pekanbaru, Sumatera, Indonesia. Orang yang diwawancarakan tidak ditunjuk muka. Hanya dengar suara. Mukanya disamar-samarkan, dikelabu-kelabukan. Mengapa? Dan orang ini mengatakan "kerusuhan berlaku disebabkan racun dalam minuman, ramai yang pengsan dan muntah darah. Jadi kami mengamuk dari pukul 10.00 hingga 4.00. Pergaduhan berlaku antara Aceh dan Polis. Sampai ada yang ditembak mati. Kami diperlakukan seperti binatang. Kami dipukul sesuka hati, disiram air panas, dipukul sampai patah kaki, dipukul sampai kepala bocor dan dipukul di dada sampai muntah darah. Kemudian kami dipulangkan ke sini, Pekanbaru sehelai sepinggang, wang dan baju kami semuanya diambil". Ini fitnah. Kenapa tidak ditunjuk wajah orang yang bercakap, kenapa disamarkan wajahnya, kenapa tidak diminta hakiki kebenaran dari pemerintah Malaysia. Kenapa diinterview orang di tebing pantai. Apa niatnya?

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua,** kita semua tahu apa yang disiarkan oleh BBC itu fitnah. Orang yang diinterview tidak ditunjukkan wajahnya. Kenapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidakkah mungkin suara itu suara orang upahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak beri jalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Di zaman ini semuanya boleh terjadi. Tetapi biar pun tidak betul, BBC tetap menyiarkan dokumentari itu kerana BBC mahu Malaysia dan Indonesia berbalah, bermusuhan dan bersengketa. Motif jurnalisisme atau cara kewartawanan seperti inikah yang dikatakan model yang secocok dengan kebebasan akhbar serta hak asasi manusia sejagat. Saya mempersoalkan ini Tuan Yang di-Pertua, kerana sekarang kita membincangkan satu Rang Undang-undang yang boleh mengenakan hukuman mati mandatori kepada pengedar-pengedar yang terbukti kesalahannya di mahkamah. Saya tidak mahu dan tidak rela negara ini diporak-perandakan oleh corak dan citarasa manusia Barat. Saya amat insaf bahawa akan terdapat kalangan yang akan menuduh bahawa saya bertindak seperti anjing

menyalak bukit. Saya tidak mampu untuk menangkis tuduhan sedemikian. Pokoknya, saya mahu semua pihak sedar bahawa mengapakah manipulasi media Barat terhadap negara kecil seperti ini tidak dilabelkan sebagai melanggar prinsip hak asasi manusia? Dalam konteks dokumentari BBC 2 Mei 1998, mengapakah BBC membuat kesimpulan di akhir fitnah tersebut bahawa dengan izin, "the Asian economic crisis shouldn't involved human lives". Maksudnya krisis ekonomi di Asia tidak patut membabitkan umat manusia atau nyawa manusia. Adakah BBC membuat kesimpulan ini kerana ia yakin terhadap dakwaan kononnya Malaysia meracun pendatang haram Indonesia sebagaimana yang disiarkan oleh pihak BBC. Adakah kebenaran hanya dibuktikan oleh dakwaan manusia yang diwawancara tetapi wajahnya disiarkan dalam keadaan yang samar-samar. Kalau mahu menegakkan kebenaran kenapa tidak ditemuduga pihak-pihak berkuasa di Malaysia? Kenapa tidak ditemuduga Pesuruhjaya British di Malaysia? Kenapa tidak dicari kebenaran di pihak yang berpijak teguh di atas kebenaran?

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ulangi, saya masih tertanya-tanya dan saya berada dalam keadaan amat kehairanan mengapakah hingga ke hari ini pun belum terdengar suara pembangkang Malaysia mengancam BBC, *Independent Observer*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak payah, kalau hendak jawab berucap - nanti yang memfitnahkan Malaysia dua, tiga hari yang lalu. Adakah kebusuan ini merupakan endorsement pembangkang kepada laporan jahat ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order !

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Menyampuk dalam bahasa Tamil*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia timbulkan point of order Yang Berhormat! Ya, sila.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan baca teks sampai mahu mati. [*Ketawa*] Point of order ini!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Iakah itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah, sudahlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** 36(1).

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu dia kurang ajar dalam Dewan. Saya tidak mahu tolerance diberikan kepada orang yang kurang ajar. Jangan kurang ajar, hendak minta cakap-cakap ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat! Sudahlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Sabar, sabar!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Apa hendak sabar dengan orang yang kurang ajar?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Baca you punya point of order Yang Berhormat! Bacakan you punya point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, apa dia point of order?

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order! Tuan Yang di-Pertua, 36(1). Apa kena-mengena dengan apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dengan rang undang-undang ini? Langsung dia tidak mengetahui rang undang-undang ini. Dia mahu mencari peluang untuk bercakap tajuk-tajuk yang tidak ada langsung kena-mengena dengan rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Can he stopped in his track?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tak akan ulang lagi dah. Saya cuma hairan. Saya ingat dia hendak bangun dia hendak mempertahankan bahawa BBC sudah bersuara! Jadi, bermakna dia bangun endorse, bermakna DAP endorse ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh dapat ...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk, saya sudah beri peluang. Duduklah, cukuplah. Jangan kurang ajar!

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh dapat penjelasan!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk, duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat! Jelutong!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau hendak bangun, jawab selepas ini!

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang tidak waras!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya sudah beri peluang dah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Macam gila dia!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hei, tarik balik, jangan kurang ajar!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dia cakap perkataan 'gila' tadi!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dia panggil saya punya BBC, backbencher 'gila'!

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jangan sebut perkataan 'gila, Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak matang langsung.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tarik balik, kalau hendak gila, biar semua orang ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jelutong tarik baliklah Jelutong!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sakni kita semua naik gila nanti you susah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Perkataan gila?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, perkataan gila.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebut, tarik balik!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tarik balik, tetapi tidak waras.

**Seorang Ahli:** Okay duduk!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tarik balik! Tuan yang di-Pertua, saya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat! Tidak waras itu sama dengan gila jugalah Yang Berhormat! *[Ketawa]*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tahu bahasa, Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik perkataan tidak waras pun atau kurang waras. Minta tarik balik!

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta tarik balik Yang Berhormat! Janganlah panjang-panjangkan soal ini. Ya, ya!

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika saya tarik balik pun, apa yang benar tidak boleh jadi tak benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila tarik balik Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** [Bangun]

**Dato' Badruddin bin Amiruddin:** Hei, Teluk Intan, apa fasal? Duduklah! Ini budak-budak, you mahu main-mainkah?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Teluk Intan, duduk! Tuan Yang di-Pertua, saya tadi, saya sudah hendak tutup dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya! Sudahlah cukuplah!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya kata, saya hendak tutup. Saya ingat dia hendak bangun, dia hendak refute ataupun hendak membangkang dakwaan saya bahawa DAP tidak bersuara kerana dia endorse BBC, dia endorse *Independent*, dia endorse *Observer*. Rupanya tidak!

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk! Jangan jadi orang yang kurang waras.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Nanti saya beri peluang kepada Yang Berhormat ucap lepas ni!

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika ia tidak memberi jalan, boleh cakap!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup bicara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebagai penutup bicara...

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** .....sebagai penutup bicara,

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri Yang Berhormat lepas ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah, jangan saya cakap kurang waras pulak,

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun].....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah, duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** I will get it afterwards.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebagai penutup bicara, saya mengajak seluruh rakyat jelata Malaysia termasuk sahabat-sahabat saya daripada PAS, termasuk sahabat-sahabat saya daripada DAP, tetapi mungkin Keponglah sahabat saya paling rapat, termasuklah NGO supaya insaf bahawa dunia barat ini sudah menguasai dan mendominasi berita, maklumat dan budaya. Dalilnya ialah bahawa hampir 90% berita dan maklumat asing yang disiarkan dalam media cetak di dunia ini pada setiap hari adalah dikuasai oleh empat agensi berita yang besar dan beroperasi di

barat. Agensi-agensi berita ini bersama-sama dengan ratusan surat khabar, majalah, setesen radio dan network televisyen adalah penyebar berita dan maklumat paling cekap dan pantas termasuklah ke negara kita. Sebab itu media barat bersikap bongkak dan boleh menafikan kebenaran serta kesaksamaan kepada dunia ketiga. Mereka bertindak kononnya atas prinsip hak asasi manusia dan kebebasan. Sebenarnya mereka lupa bahawa dominasi kuasa besar ke atas semua aspek kehidupan majoriti umat sejagat adalah satu bentuk authoritarianisme dalam konteks hubungan antara-bangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak hendak duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Pilihan lain. Point of order 31(1) apa kena mengena dengan rang undang-undang depan kami, ucapan dia. Bolehkah saya dapat satu ruling Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Saya setuju.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, 39B(2) mengatakan saya baca dengan izin....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya membuat keputusan terhadap....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, nanti sekejap.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** ....any person who contravene any...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** ....of the provision of subsection (1)...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis dah dia punya point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** Belum dapat keputusan daripada .....

**Seorang Ahli:** Hei Benggali, duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh dapat keputusan. Sit down!

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, duduk dulu, Yang Berhormat dari Parit Sulong, panjang lagi ke Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah di penutup kata tadi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak jelaskan kepada Jelutong....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, yang hendak menjelaskan saya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**... dia yang selalu dolak dalik Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan. Dia hendak fight untuk orang yang sudah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**...memang sudah sah oleh mahkamah, dia hendak fight juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tapi dalam Dewan ini tadi, dia kata agreed that dadah adalah public enemy number one.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Cukup. Sila. Ya, habiskan perkataan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menutup kata. Sebenarnya bahawa dominasi kuasa besar ke atas semua aspek kehidupan majoriti umat sejagat adalah satu bentuk 'authoritarianism' dalam konteks hubungan antarabangsa yang jelas melanggar prinsip hak asasi manusia sejagat.

Saya harap semua pihak, seluruh rakyat Malaysia termasuk DAP, PAS, BBC, *Independent* termasuk *Observer* insaf terhadap hakikat ini dan kita harus terus menerus memerangi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tawau.

4.12 ptg.

**Puan Chua Soon Bui [Tawau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Dadah Berbahaya 1952 yang sedang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Kita sedia maklum bahawa dadah adalah musuh utama negara. Oleh kerana itu adalah menjadi kewajipan setiap individu dalam negara kita untuk menyumbangkan peranan secara serius bagi menangani gejala ini. Negara kita terletak di posisi yang strategik di 'golden triangle'. Pantai serta sempadan kita adalah panjang dan adalah sangat sukar bagi kita untuk mengawal gerakan para pengedar dadah dari dalam dan luar negara. Kemungkinan kerana faktor inilah negara kita pernah disebut sebagai satu transit point bagi pengedaran dadah di rantau ini. Kalau di Semenanjung Malaysia, kita menghadapi ancaman dadah seperti ecstasy, candu, heroin, kokain, morfin atau ganja, Sabah pula terutamanya di Pantai Timur seperti Sandakan, Lahad Datu dan Tawau kini sedang dilanda masalah 'syabu'.

Untuk makluman ahli-ahli Dewan yang mulia ini, 'syabu' ialah nama panggilan atau icebaby bagi satu jenis bahan psychotropic di mana istilah kimianya disebut sebagai 'dmeth amphetamine hydrochloride'. Perkataan 'syabu' berasal daripada bahasa Tagalog dan ianya telah menjadi satu nama yang paling banyak digunakan di Sabah. Oleh kerana pengaruh pengguna-pengguna dan pengedar-pengedar pioneer di Sabah yang terdiri daripada pendatang tanpa izin, pada 'syabu' adalah berbentuk ketulan cerah yang halus atau colourless, rock-like transparent granules dan odourless. Syabu sukar dikesan oleh polis atau anjing polis. Cara menggunakan syabu berbeza di antara satu pengguna dengan pengguna lain. Syabu yang dibakar dan asap dihidu oleh penagih, ia juga dinamakan sebagai chasing the dragon, dengan izin. Adalah dikatakan bahawa kesan syabu termasuklah:-

- (i) kononnya paling mengantuk dan boleh berjaga lebih daripada 24 jam;
- (ii) menambah kekuatan mental dan fizikal;
- (iii) membawa keseronokan dan khayalan; dan
- (iv) hilang selera makan.

Dengan kesan-kesan tadi, saya tidak hairan kebanyakan pemuda dan pemudi telah menjadi penagih dadah syabu. Jelaslah syabu adalah satu bahan dadah yang berbahaya dan adalah sangat tepat ia terletak di bawah kawalan Akta Dadah Berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada mulanya syabu lebih digunakan oleh pendatang tanpa izin khususnya di Sabah, kini ramai rakyat tempatan telah dipengaruhi dan menjadi penagih, malah sudah ada menjadi pengedar. Bagi suku tahun 1998 ini, terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah tangkapan dadah di Sabah. Ini termasuklah pada 28 Februari tahun ini, pihak keselamatan telah berjaya menangkap

dua pengedar tempatan dari rekod syabu, rampasan seberat 1 kilo di Sabah bernilai RM1 juta.

Penangkapan banyak kes di Sandakan dan dua orang di Lahad Datu pada 12 Mac dengan 211 gram syabu, dan ramai lagi yang sentiasa ditangkap di seluruh Sabah. Pada 19 April yang lalu, polis berjaya membuat tangkapan ubat batuk dan hallucinatory pills bernilai RM4 juta (RM4 million) di Kota Kinabalu. Ia tangkapan yang terbesar tahun ini. Sehingga April 1998, 2,000 gram syabu telah dirampas berbanding dengan hanya 1,178 gram tahun 1996 dan 1,501 gram bagi tahun 1997.

Nampaknya dari statistik ini, kes-kes syabu dirampas sudah meningkat secara serius dalam kegawatan ekonomi negara kita. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas tindakan polis perlu diberikan sanjungan yang tinggi. Semua kes yang saya sebutkan tadi boleh dihukum di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) bagi Akta yang sama iaitu penjara 5 tahun dan denda maksimum RM20,000. Hukuman yang ada sekarang masih belum berat untuk menakutkan penagih dan pengedar. Oleh yang demikian, saya menyokong agar pindaan akta ini dibuat dan dapat, dikuatkuasakan dengan seawal mungkin. Saya juga menyokong agar dadah, methamphetamine ini diletakkan di bawah Akta Dadah Berbahaya yang membawa hukuman mati mandatori. Mudah-mudahan ia dapat memberi keinsafan kepada para penagih untuk jauh dari menagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah hasrat saya untuk menekankan 'panic button' tetapi kita juga tidak dapat menafikan bahawa Sabah, khususnya Sandakan, Lahad Datu dan Tawau telah menjadi 'gateways' kepada syabu. Walaupun masalah ini dikatakan dapat dikawal, namun kita perlu melengkapkan pihak keselamatan kita dengan strategi dan senjata yang canggih untuk menangani permasalahan ini. Jika kita gagal mengatasi masalah ini, sudah tentulah kita juga turut bertanggungjawab ke atas kesan buruk yang akan timbul akibat dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian bahawa ada beberapa pekan kecil di Sabah seperti Keningau, Tambunan, Ranau dan beberapa lagi yang lain sudah wujud fenomena penagihan syabu ini. Saya menyeru agar pihak yang bertanggungjawab dapat menangani masalah ini di peringkat awal sebelum menjadi parah dan sukar untuk diubah. Saya difahamkan bahawa negara jiran kita khususnya Filipina mempunyai hukuman mati mandatori bagi pengedar bahan ini. Saya bukan sahaja mohon menyokong meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 agar satu mekanisme dapat diwujudkan, saya juga mencadangkan bahawa masalah dadah dan penalti ini dibincangkan ke peringkat rantau Asia. Saya berharap melalui kerjasama dan tindakan bersepadu di antara negara rantau Asia, bekalan dadah akan dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 6 dan seksyen 38A, penalti bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun tidaklah seberat orang dewasa. Perlu diingatkan bahawa kelonggaran sedemikian, kemungkinan besar akan dieksploitasikan oleh sindiket-sindiket pengedar dadah. Dalam erti kata lain, mereka kemungkinan memperalatkan kaum remaja di bawah umur 18 tahun khususnya mereka dari golongan pelajar untuk mengedar dadah bagi mereka. Oleh yang demikian usaha membanteras najis dadah termasuk syabu di bangku sekolah perlu dipertingkatkan lagi dan menggembelng tenaga dan usaha dari pelbagai pihak khususnya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri. Di samping itu mereka yang disabit kesalahan memperalatkan kaum remaja di bawah umur patut dihukum dan dikenakan penalti yang lebih berat agar eksploitasi kaum remaja oleh sindiket-sindiket pengedar dadah yang tidak bertanggungjawab tidak menjadi satu arah aliran yang sukar dibendung nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua: Jelutong.**

## 4.23 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun untuk mendapatkan satu pengesahan daripada pihak pembangkang adakah ingin meluluskan rang undang-undang ini. Dalam ucapannya beliau ada menyentuh mengenai hukuman mati mandatori. Tuan Yang di-Pertua, hukuman mati mandatori telah berkuatkuasa pada 15 April tahun 1983 sehingga hari ini. Walaupun, dengan izin, 'I do not believe in the death penalty', barangkali kerana gejala dadah dalam negara ini serius, barangkali tidak ada jalan lain oleh kerajaan tetapi kuatkuasakan satu hukuman seperti itu. Tetapi apa yang saya nyatakan tadi, apabila saya meminta penjelasan daripada Pengerusi BBC, iaitu rakan saya dari Parit Sulong, adakah checks and balances untuk menentukan seseorang yang menghadapi satu pertuduhan di bawah seksyen 39B dalam mahkamah mendapat satu perbicaraan yang adil kerana 'what is as take', dengan izin, adalah the supreme penalty of death.

Tuan Yang di-Pertua, rakan saya tadi dari Parit Sulong, dia tidak ada di sini, saya tidak tahu mengapa dia 'mengeluarkan' dirinya dari Dewan ini sekarang. Dengan izin, the death penalty, adalah satu penalti which is affect not only seorang yang menjalani hukuman itu tetapi juga keluarganya. Jika seseorang yang tidak bersalah tetapi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh polis dan polis kita dalam negara ini bukan semua matang, boleh jadi frame-up, di mana undang-undang apa yang saya katakan tadi anggapan di dalam peruntukan seksyen 37, beberapa anggapan di sana yang boleh digunakan untuk membuktikan satu kes pengedaran dadah dalam mahkamah. Jika itu tidak dijalankan dengan conscious yang baik oleh polis, jika ada salah guna kuasa untuk menentukan seseorang yang dituduh di mahkamah didapati bersalah dan menjalani hukuman mati. Jika dia tidak bersalah dan digantung, adakah itu satu langkah yang boleh diterima oleh satu sistem yang wujud di negara ini.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan tak.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jelutong. Yang Berhormat telah dua kali membangkitkan soal presumption di bawah seksyen 37(d) dan 37(da) tadi kepada rakan saya dari Parit Sulong, dan sekali lagi sekarang. Adakah Yang Berhormat sendiri sedar bahawa anggapan di bawah seksyen 37(d) dan seksyen 37(da) adalah rebuttable presumption of law, iaitu satu anggapan undang-undang yang boleh disangkal, boleh dibuktikan kembali oleh tertuduh. Itu adalah hanya satu anggapan dan anggapan itu boleh disangkal. Bukankah penyangkalan itu sendiri adalah merupakan satu check and balance di mana orang yang dituduh boleh mengemukakan keterangan bahawa dia tidak bersalah. Dia boleh sangkal di bawah seksyen berkenaan. Bukan satu sangkalan atau anggapan yang langsung tidak boleh di 'rebut' atau disangkal, tetapi ia adalah satu 'a rebuttable presumption of law' yang telah diterima, sebagai contohnya, di bawah Enakmen Jenayah Syariah (No. 2) di negeri Kelantan pun ada anggapan seperti itu juga yang membawa hukuman lebih teruk lagi, iaitu rejam sampai mati. Di mana orang yang mengandung jika dia tidak mempunyai suami, tidak mempunyai perkahwinan maka dia didapati mengandung secara haram, secara zina, ini juga membawa hukuman yang lebih teruk lagi tetapi anggapan seperti itu wujud. Jadi mengapa Yang Berhormat pertikaikan masalah anggapan ini?

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tahu anggapan itu rebuttable - sedimentary Mr. Watson, [Ketawa] saya tahu, saya tidak berucap tadi, itu irrebuttable, tetapi ini jadi reversal of the onus of proof. Standard of proof on the prosecution to prove it beyond case reasonable - a reversal. Please, dengar.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun]

**Tuan R. Karpal Singh:** Seorang pensyarah undang-undang sekarang. Bolehkah di dalam criminal law, undang-undang jenayah ada reversal of the onus of the burden walaupun rebuttable di mana ada mandatori death penalty, tidak ada pilihan, itu yang rakan saya tidak faham.

Saya berbalik kepada apa yang saya nyatakan tadi dan rakan saya tadi dari Machang ada menyatakan dalam Islam ada hukuman yang lebih berat - rejam. Saya beri satu contoh, bagi Islam minuman arak adalah satu kesalahan yang serius, bukan? Barangkali saya cadangkan bagi itu pun mandatory death penalty. Adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong bersetuju dengan cadangan saya bagi minum arak pun mendapat satu hukuman mandatori mati. Dia tidak ada di sini, tentu dia tidak bersetuju dengan saya kerana disabit dalam Mahkamah Syariah kerana minum arak. Dia tidak ada di sini untuk menafikan itu. Pengerusi BBC sabit dalam Mahkamah Syariah apabila pembantu kepada Musa Hitam di Johor Bahru. Di mana dia sekarang?

Saya bagi contoh ini kerana, Tuan Speaker, tadi dia mengkritik parti DAP, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan sebagainya dengan suara yang garang. Saya ada bagi amaran kepada dia, I'd like something to say about it, tapi dia tidak ada, dia menghilangkan diri, boleh masuk jika berani, beralih kepada ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, saya teruskan. Ini kerana tadi, Tuan Speaker, sikap ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, dia kata kepada DAP Yang Berhormat, bukan kepada sesiapa.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan hentam, bersihkan diri sendiri, dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita dalam siasah ini selalunya, kita mengata di antara parti dan parti itu diharuskan..

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, tetapi suara tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** A man who lives in glass houses should not undress without making sure that the window is closed.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itulah, itu jadi satu pengajaran kepada orang ini, dia pun disabitkan dalam Mahkamah Syariah, bukan Mahkamah Civil, lebih teruk bagi seorang Islam, cakap bagi orang lain, gantung semua, dia tak peduli, dia kena gantung sendiri, macam mana ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat, ucapan kepada rang undang-undang ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, saya akan teruskan. Saya menyatakan tadi Tuan Speaker, pilihan yang diberi kepada Peguam Negara untuk menilai bagi seseorang untuk membawa satu pertuduhan di bawah Seksyen 39B atau di bawah Seksyen 39A (12) dan sebagainya. Ini jadi satu discretion, budi bicara yang diberi kepada Peguam Negara, tetapi pagi ini, Tuan Speaker, dalam satu kes di mana kelmarin seseorang ada dipertuduh di bawah Seksyen 39D, saya membuat satu rayuan kepada Peguam Negara untuk meringankan pertuduhan itu kerana ada unsur-unsur yang boleh digunakan untuk mengurangkan pertuduhan itu dan hari ini beliau mengurangkan pertuduhan itu di bawah Seksyen 39A. Saya ingat itu satu sikap yang baik, mengambil kira semua, kerana di sini bahan bukan banyak, 22 grams of heroin and the morphine, itu baik.

Tetapi Tuan Speaker, kerana apa yang terjadi atau apa yang diperuntukkan dalam satu alasan penghakiman oleh Gopal Sri Ram, Hakim Mahkamah Rayuan dalam

kes Lim Guan Eng, Tuan Speaker. Alasan hukuman ada saya quotekan, saya tidak mahu Yang Arif ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak usah quotekan, Yang Berhormat, yang itu subjudice, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan, apa yang ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak benarkan Yang Berhormat, yang itu subjudice Yang Berhormat, itu ada di dalam appeal sekarang, tidak boleh diucapkan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Machang bangun buat apa, hendak minta penjelasan? Hendak bagi jalan ke atau tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, kerana ini bukan subjudice, saya mahukan quotekan daripada apa yang ada dalam alasan hukuman ini, itu saja, tidak lebih daripada itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baca, jangan buat komen apa-apa Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, Tuan Speaker, ini keputusan di antara lain oleh Yang Arif itu: "*thus the public pillorying of Attorney-General for exercising any of his powers under Article 145(1) of the Federal Constitution in one way rather than another would fall squarely under the purview of Section 3(1)C of the Sedition Act – to allege double-standard against the Public Prosecutor in deciding which cases ought to be brought before the court amount to denigrating and undermining the administration of criminal justice ...*"

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup Yang Berhormat, jangan komen apa-apa Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak komen pun, tak berapa ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, subjudice Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik, baik, Tuan Speaker. Apabila Parlimen memperuntukkan sesuatu peruntukan mengenai hukuman. Dalam tahun 1983, daripada mandatory death atau life imprisonment menjadi mandatori, orang yang didapati bersalah menerima itu, walaupun kadang-kadang boleh jadi dia tidak bersalah, menerima. Sekarang apa yang ada dicadangkan dalam Fasal 3 adalah untuk menaikkan denda daripada RM10,000 kepada RM100,000 bagi satu kesalahan di bawah Seksyen 12(3) dan jika apabila ini dikuatkuasakan, orang yang didapati bersalah, tidak ada jalan lain untuk menerimanya. Tetapi, adakah Pendakwa Raya atau kerajaan menerima apabila seseorang dibebaskan, it must work two ways, both ways dan ada beberapa contoh, Tuan Speaker.

Ada satu kes lagi, seorang bekas ASP – Abu Bakar Osman, Tuan Speaker, pada 18 Februari 1997, beliau telah dibebaskan oleh Mahkamah Persekutuan, rayuan dia dibenarkan dan beliau dibebaskan dan apabila beliau dibebaskan, beliau ada menyuarakan ini: "*Terima kasih, Yang Arif, hanya Allah Taala sahaja yang membalasnya*". Hakim Azmi segera menyatu kata-kata Abu Bakar itu sambil menasihatkannya dengan berkata: "*Kamu bertaubatlah*". Abu Bakar yang kelihatan mengantuk, berkata lagi "*Terima kasih, Yang Arif, Allah Taala sahaja yang membalasnya, lapan tahun saya menderita di penjara.*"

Kenapa, kenapa, Tuan Speaker, Pendakwa Raya tidak menerima keputusan Mahkamah Persekutuan, kerana beliau ditangkap apabila keluar daripada Mahkamah. Ditangkap di bawah Seksyen 3, dengan izin, Dangerous Drug Special Preventive Measures Act 1985 dan selepas 60 hari daripada penangkapannya semula di luar Mahkamah, beliau dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak, di bawah

satu perintah bertarikh 14 April 1997 yang telah ditandatangani oleh Ong Ka Ting, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan orang ini sampai hari ini ada, Tuan Speaker, di Batu Gajah, adakah ini keadilan? Itu satu contoh, Tuan Speaker.

Contoh yang kedua, di mana dua orang pensyarah bernama Profesor Lufti Ibrahim dan Fadzulah Shuib, kedua-duanya telah ditahan untuk 60 hari di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Pada 20 Disember 1997, kedua-dua ini berjaya dalam permohonan *habeas corpus*, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan kedua-duanya dibebaskan, keluar daripada Mahkamah, menangkapnya semula, adakah itu keadilan, Tuan Speaker? Barangkali Menteri, ini pun satu lawyer, you answer that afterwards.

Ini semua, Tuan Speaker, jika mahu keadilan ini tentulah ada keadilan pada kedua-dua belah pihak, tidak boleh keadilan kepada kerajaan saja, bukan kepada orang yang dituduh atau orang yang ditahan. Itu dalam fikiran saya, Tuan Speaker, bukan keadilan. Tuan Speaker, bagi beberapa orang lain yang berjaya dalam *habeas corpus*, majoritinya saya ingat 95% berjaya keluar daripada Mahkamah, menangkap dan apabila perkara ini berbangkit dalam Dewan yang mulia ini, saya ada, kerap kali, jawapan adalah ini, Tuan Speaker, walaupun Tuan Speaker adalah seorang hakim pada masa lampau.

Oleh itu perkara tektikal, yang mendapat kebebasan kerana ada kecacatan dalam perintah. Oleh itu, ini tektikal.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang ada, melulus dalam Dewan yang mulia ini, memperuntukan jika ada satu procedural defect, *habeas corpus*, goes. Dapat satu perintah *habeas corpus*. Itu pun adalah satu procedural means, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, tektikal. Jika Dewan ini boleh meluluskan, jika atas tektikal point boleh mendapat kebebasan, kenapa apabila saya bertanya mengenai tangkapan semula, kenapa jawab, "oh ini tektikal". Jika tektikal dan kerajaan tidak bersedia untuk menerima itu, tidak payah meluluskan undang-undang seperti itu, don't be hypocrite, meluluskan tetapi apabila dalam mahkamah seseorang mendapat faedah daripada undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak mahu menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang saya nyatakan tadi, DAP sokong undang-undang seperti ini kerana tidak ada jalan lain. Tetapi apa yang tidak boleh diketepikan Tuan Yang di-Pertua ialah untuk the principle of justice. Saya baca Tuan Yang di-Pertua apa yang disuarakan oleh Ketua Hakim masa itu ialah Tan Sri Hashim bin Yeop Sani dalam kes Hoo Ching Tay yang ada diputuskan pada 30 Mei 1990. I think what is stated oleh dia here is very significant,

*"We are fully conscious of the government effort to combat the drug menace in this country. But there is a fundamental principle involved here. The power of detain a person without trial cannot be exercised by inference. The power must be expressed clear and unequivocal. If the detention law and the liberty of the individual are concern, this is the most correct approach for the court to apply. There is hardly be any need to repeat what has been said on the principles to be followed by the court in dealing with detention law and number of other cases are cited".*

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, pada masa hadapan apabila seseorang dibebaskan oleh mahkamah walaupun bagi satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan atau di bawah Akta Dadah Berbahaya ataupun seseorang dibebaskan, apabila berjaya di dalam suatu permohonan *habeas corpus*. Saya harap semua ini tidak harus ditangkap semula. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Machang.

4.45 ptg.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Dadah, Tuan Yang di-Pertua adalah sejenis najis yang amat keji. Dalam negara kita sekarang sejak 1983, Dewan yang mulia ini telah memperuntukan bahawa hukuman yang sekeras-kerasnya ke atas pengedar dadah ialah hukuman mati.

Dan kita juga telah meluluskan banyak Rang Undang-undang dalam Dewan yang mulia ini tahun demi tahun dan sekurang-kurangnya 4 akta yang mengawal dari pendedaran, penyalahgunaan sehinggalah kepada pemulihan penagih-penagih dadah dalam negara kita. Ini termasuklah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan), Akta Penagih Dadah, Langkah-langkah Pencegahan Khas, Akta Dadah (For Feature of Property) dan termasuk juga Poisons Act. Kesemua akta-akta ini adalah merupakan suatu bentuk perundangan yang pada pandangan saya adalah baik dan lengkap untuk menyelesaikan masalah penggunaan dadah dalam negara ini.

Apabila kita memperkenalkan hukuman mati dalam tahun 1983, sebahagian besar daripada mereka membangkitkan perasaan tidak puas hati dan menyatakan ini adalah bercanggah dengan prinsip dan asas demokrasi. Tetapi sekian lama hukuman ini berjalan dalam negara kita ada pula pihak yang memuji bahawa hukuman mati adalah merupakan hukuman yang paling wajar dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah. Dengan kata lain tindakan yang dilakukan oleh kita dalam tahun 1983 sekarang ini telah diterima oleh banyak negara termasuk hampir keseluruhan negara-negara anggota ASEAN yang telahpun memperkenalkan hukuman mati ke atas penagih-penagih dadah.

Sekarang soal bahawa hukuman mati layak atau tidak dikenakan ke atas pengedar dadah sudah tidak diperkatakan lagi malah Yang Berhormat dari Jelutong sendiripun tadi sudah mengakui bahawa oleh kerana seriusnya masalah penyalahgunaan dadah dalam negara ini kerajaan tidak ada cara lain selain mengenakan hukuman mati ke atas penyalahgunaan dadah.

Pada tahun lepas saya membaca satu kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara bahawa setiap tahun penagih dadah menggunakan wang lebih kurang RM1.2 bilion untuk mengambil dadah. Sebanyak RM1.1200 juta disalahguna melalui proses penagihan dadah. Dan bagi menyelesaikan masalah ini, kita telah mengadakan 27 pusat serenti sekarang ini dan saya percaya Yang Berhormat Menteri mengakui hakikat bahawa tidak kurang daripada 200,000 penagih dadah yang berdaftar wujud dalam negara kita sekarang. Dan mengikut kenyataan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kalau seorang penagih dadah berdaftar di belakangnya ada tiga penagih yang tidak berdaftar. Dan kalau angka ini diambil kira Tuan Yang di-Pertua ianya cukup menggerunkan kita. Dan yang paling malangnya Tuan Yang di-Pertua remaja-remaja kita, sebahagian besarnya ialah orang-orang Melayu yang beragama Islam, anak bangsa saya sendiri. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, hukuman ketat telah kita perkenalkan, langkah-langkah pencegahan kita telah ambil tetapi di mana silapnya makin hari masalah penyalahgunaan dadah ini makin bertambah.

Kita ada Majlis Dadah Kebangsaan, kita ada Pemadam sebagai sebuah agensi NGO yang mengawal dan membantu, membentasi penyalahgunaan dadah tetapi kian hari, kian merebak. Tentulah ada sesuatu yang tidak kena, selama ini kita meletakkan beban untuk membasmi penyalahgunaan dadah hanya kepada kerajaan. Seorang penagih dadah ditangkap, dibawa ke mahkamah, dijatuhkan hukuman, masuk ke pusat serenti, menjalankan pemulihan selama tempoh 2 tahun keluar 3 hari kembali lagi menagih dadah, ditangkap kembali, dibawa ke mahkamah. Yang mengambil tanggungjawabnya ialah kerajaan, polis, mahkamah kerajaan yang mengambil tanggungjawab tetapi kita lupa bahawa orang yang sepatutnya juga bertanggungjawab dengan mereka yang terlibat dengan najis keji dadah ini ialah ibu bapa. Pada

pandangan saya sudah tiba masanya tanggungjawab ini terpaksa dipikul bersama melalui proses undang-undang oleh ibu bapa.

Dalam sistem yang ada sekarang ini ibu bapa lepas tangan jika anak terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah, seperti yang saya katakan tadi yang mengambil tanggungjawab ialah kerajaan bukan polis yang menangkap, bawa ke mahkamah masuk pusat serenti, pusat serenti yang kawal selia, beri makan kepada mereka ini, beri pakaian dan sebagainya, ibu bapa lepas tangan. Di mana tanggungjawab ibu bapa?

Saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya bagi menangani masalah ini supaya semua orang sedar bukan sahaja najis dadah ini menjadi tugas dan tanggungjawab kerajaan, tetapi menyedarkan anggota masyarakat termasuk ibu bapa dan diri saya sendiri. Sudah tiba pada masanya ibu bapa mesti menanggung beban daripada gejala yang amat keji ini.

Saya mencadangkan supaya mereka yang dihantar ke pusat serenti melalui perintah mahkamah atau pun melalui penyerahan secara persendirian oleh ibu bapa supaya mereka ini menanggung kos pemulihan yang dibuat ke atas anak-anak mereka di pusat-pusat serenti ini. Kalau makanannya RM10 satu hari mereka mesti menanggung jumlah ini kerana merekalah yang sepatutnya yang bertanggungjawab sehingga anak menjadi penagih dadah. Kalau kita tidak memperkenalkan peruntukan seperti ini seolah-olah bahawa beban menagih dadah ini terserah kepada kerajaan. Kerajaan yang hanya memikul tanggungjawab dan kerajaan telah melaksanakan tugas secara jelas daripada tahun 1983 daripada mengenakan hukuman mati daripada memperkenalkan satu demi satu akta, tetapi masalah ini masih lagi berterusan malah menjadi lebih buruk. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya mengambil kira tanggungjawab bersama ibu bapa dalam menyelesaikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah, penagih dadah tidak akan wujud jika tidak ada pengedar, adanya penagih dadah ialah kerana adanya bekalan dadah, yang menjadi musuh nombor satu negara ialah pengedar-pengedar ini. Walaupun kita memperkenalkan undang-undang yang ketat termasuk hukuman mati sekarang ini. Tetapi kita tahu dengan bantuan-bantuan perundangan peguam seperti Yang Berhormat dari Jelutong, mereka boleh terlepas banyak kes yang dibuat di mahkamah mereka terlepas. Kita tahu sejak keputusan misalannya mengenai makna *prima facie*, misalannya hasil daripada keputusan kes mengenai makna *prima facie* sahaja berpuluh-puluh orang telah dibebaskan daripada hukuman mati-teknikal, sebab ini undang-undang buatan manusia tidak akan sempurna. Dan kadang-kadang pihak polis menghadapi masalah untuk menangkap mereka ini kerana keterangan tidak ada. Orang hendak mengedar dadah dia tidak membuat secara terang-terang Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sukar untuk mendapat maklumat, oleh yang demikian langkah yang paling berkesan Tuan Yang di-Pertua ialah langkah pencegahan (*preventive detention*) yang sekarang sudah ada tetapi malangnya *preventive detention* ini jarang-jarang digunakan. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya mereka-mereka yang ada bukti.....

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun].

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Nanti saya habiskan ayat saya dulu nanti saya habiskan. Mereka-mereka yang terlibat secara langsung dengan pembekalan najis dadah ini diberi tindakan yang keras. Sekarang ini saya akui kerajaan sudah pun mengenakan hukuman keras termasuk memperkenalkan dan *preventive detention* merampas harta mereka tetapi kadang-kadang ada mereka yang terlepas dan kadang-kadang mereka ini sudah lama menjalankan kegiatan ini tetapi masih lagi berleluasa.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Silakan, Yang Berhormat..

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah rakan saya dari Machang menerima walaupun teknikal apa yang diputuskan dalam kes S. Arulpragasam adalah sah harus diterima oleh semua pihak, there are no quarrel with it.

Kedua bagi preventive detention adakah rakan saya dari Machang pendirian dia atau sekarang dia UMNO, apabila dalam Semangat 46 hantam ISA semua preventive detention dan sebagainya. Adakah pendirian itu ditukar sekarang atau masih dipegang keras dengan pendirian dulu bahawa ISA dan undang-undang seperti itu harus dihapuskan?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, hendak jawab soalan yang kedua dulu tadi, dalam soal menangani masalah najis dadah bukan soalan DAP, bukan soal UMNO, bukan soal PAS ini ialah soal musuh negara. Saya hendak tegaskan kepada Yang Berhormat daripada Jelutong tidak ada pendirian soal sama adasaya dalam UMNO, saya dalam PAS, saya dalam 46, pendirian saya mengenai najis dadah jelas. DAP sendiri bersetuju bahawa najis dadah kita tidak ada kompromi itu jawapan soalan pertama, baru yang pertama sabarlah, kalau Yang Berhormat minta orang lain sabar Yang Berhormat kena belajar menjadi seorang yang penyabar [Tepuk]. Tadi Yang Berhormat bertanya, sekarang saya menjawab.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Mengapa tidak jawab ISA!

**Dato' haji Sukri bin Haji Mohamed:** ..... nanti dahulu, saya belum habis pun lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong, biarlah dia jawab biarlah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kementerian Dalam Negeri! Bukan di sini hentam.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat minta orang lain beradab dalam Dewan Yang Berhormat juga mesti beradab, apabila Yang Berhormat bertanya saya beri jalan Yang Berhormat saya menjawab Yang Berhormat diam, nanti dulu saya belum habis saya belum habis lagi menjawab..

**Tuan R. Karpal Singh:** [Menyampuk].

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong, Jelutong.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** You take the floor, you bercakap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia bagi saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh Yang Berhormat, tak boleh begitu, tak boleh begitu peraturannya tidak boleh. ...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Itu saya hendak tegaskan Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam Dewan ini ada peraturan..

**Tuan R. Karpal Singh:** Tadi dia bagi.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau kita tidak ada peraturan jadi kanggaru.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kanggaru lompatlah, itu benar, kanggaru. Lompat daripada sini ke UMNO, mana Semangat 46?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong, Jelutong cukup, itu tidak bersangkutan Yang Berhormat.

**Tuan R. Kirpal Singh:** Lompat, kanggaru betul, Ahli Yang Berhormat 'kanggaru'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong sudahlah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Inilah saya tengok hari pertama bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sudah lima penggal dalam Dewan ini tapi

tidak matang malangnya Tuan Yang di-Pertua. Tidak sabar sebagai seorang peguam yang disegani Yang Berhormat pernah.....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Menyampuk*] Ahli Yang Berhormat tidak ikhlas 'pengkhianat' kepada rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Jelutong.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya hendak tanya Yang Berhormat

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, cukuplah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, cuba dengar bahasa Tuan Yang di-Pertua. Ini depan-depan pegawai kerajaan semua Yang Berhormat menilai tingkah laku sebagai Ahli Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa 'pengkhianat'? Tidak boleh jawab dari sana.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tengok bahasa yang digunakan oleh Yang Berhormat daripada Jelutong cukup biadap Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa 'pengkhianat'?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup-cukup duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Menyampuk*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Jelutong, Jelutong. [Pembesar suara dimatikan]

**Tuan R. Karpal Singh:** Seorang peguam langsung tidak ada prinsip, lompat sini, lompat sana, bagi faedah sendiri, naba Semangat 46? Mana Tengku Tan Sri Razaleihg?

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah Jelutong, sudahlah!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat menuduh orang lain kerana kepentingan diri. Kalau Yang Berhormat sendiri pun Yang Berhormat bercakap tadi kes-kes semua Yang Berhormat bela itu bukan ada kepentingan peribadi dalam kes-kes itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah cukup..

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Cuba sebut? tak kira undang-undang itu pun kepentingan peribadi, guna kedudukan dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yang Berhormat tidak pernah gunakan undang-undang?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Itu satu lagi tuduhan yang liar Yang Berhormat, dia ingat dia seorang peguam yang pandai.

**Tuan Yang di-Pertua:** cukuplah..

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Oh.. dia ingat dia dalam dunia ni peguam yang tak ada tanding, orang lain tak boleh menang kes-pora!!Masuk bakul angkat sendiri. Inilah sikap dari Jelutong masuk lif tekan sendiri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu tidak boleh diterima dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Jelutong, Jelutong cukuplah soalnya kenapa Yang Berhormat Jelutong begitu [*Ketawa*] dia berucap biarlah dia berucap ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan berucap, dia hentam saya, jadi saya hentam balik.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya berucap dia minta jalan saya beri jalan, dia tanya saya jawab belum habis jawab dia sudah marah kepada saya, ini sikap Tuan Yang di-Pertua semua orang tahu..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, sudahlah..

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya berucap bukan atas peribadi seperti mana Yang Berhormat dari Jelutong, memukul Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya tidak mahu soal peribadi dalam Dewan ini, itu soal peribadi kita main atas prinsip dan perkara yang sebenar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa prinsip?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat dari Jelutong, cukup sila-sila Yang Berhormat dari Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini, lepas ini saya tak beri layanan lagi dah, saya tak beri layanan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang sedia ada dalam negara kita sekarang ini, kita mempunyai banyak peruntukan undang-undang yang nyata dan jelas, tetapi seperti yang saya katakan tadi, yang menjadi persoalan kepada kita mengapa masalah ini, hari demi hari semakin bertambah dan semakin serius. Jumlah mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah makin bertambah. Dan yang menjadi malang seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah remaja-remaja, golongan belasan tahun dan sekarang ini merebak pada golongan pekerja. Dan kalau mereka ini dibiarkan berterusan seperti ini, saya percaya negara ini satu masa akan hancur dan porak-peranda.

Sebab itulah saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba pada masanya, saya rasa langkah-langkah pencegahan khas adalah merupakan satu tindakan yang tepat untuk menangani mereka yang menjadi pengedar-pengedar dadah ini. Tidak ada negara ASEAN, Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri sendiri pun tahu, sebagai Presiden AIPO, kita telah berjuang banyak kali supaya hukuman mati dikenakan, sekarang ini boleh dikatakan majoriti negara-negara sudah terima, Convention Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sudah terima, bahawa dadah ialah satu gejala yang amat merbahaya. Dan jika kita biarkan, ianya akan menjadi satu masalah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jenis-jenis pil yang disebut di dalam Akta ini, Rang Undang-undang ini, ada satu lagi jenis penyalahgunaan cordeine atau ubat batuk. Ini satu lagi gejala yang amat besar sekarang.

Satu lagi ialah gejala hidu gam. Gejala ubat batuk ini cukup merebak khususnya di negeri Kelantan. Sekarang ini hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka yang menjual cordeine atau ubat batuk ini hanyalah di bawah Poisons Act yang membawa hukuman denda maksimum RM3,000 sedangkan bahayanya ialah juga hampir sama dengan dadah-dadah jenis lain yang kesemuanya membawa khayal. Sebab itu saya hendak cadangkan sama ada kementerian overlook mengenai masalah ini - supaya penyalahgunaan ubat batuk ini yang hanya sekarang ini boleh dihukum di bawah Poisons Act atau Akta Racun yang hanya membawa hukuman denda RM3,000. Saya cadangkan ianya dikelaskan juga sebagai dadah berbahaya dan boleh dihukum di bawah seksyen 12 Akta Dadah Berbahaya, 1952 iaitu membawa hukuman, jika sabit kesalahan seperti yang dicadangkan oleh akta ini ialah RM100,000 sekarang. Hukuman yang ditambah ini saya cukup menyokong. Sekarang ini hukuman maksimum ialah RM20,000. Hukuman maksimum RM20,000 yang dikenakan di bawah seksyen 12 yang sedia ada, iaitu seksyen 12(3) biasanya mahkamah tidak akan mengenakan hukuman maksimum sehingga RM20,000, biasanya RM3,000 pesalah kali pertama dan ianya adalah merupakan satu amaran yang kecil kepada pesalah-pesalah. Dan apabila hukuman ini dinaikkan, kita berharap ianya akan menjadi suatu pencegahan yang berkesan ke atas mereka yang akan melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin mempersoalkan ialah peranan Pemadam sekarang. Kita ada lihat satu badan, selain daripada Majlis Dadah Kebangsaan, kita ada Pemadam, Pemadam Pusat, Pemadam Negeri-Negeri. Saya tidak tahu di tempat lain, tetapi di negeri saya Kelantan, Pemadam tidak memainkan peranan yang aktif. Dalam membantu masalah penyalahgunaan dadah, sudah tiba masanya, Tuan Yang di-Pertua, kita menggerakkan semua jentera termasuk sukarela Rela, supaya mereka dapat memainkan peranan, dan kalau perlu diberi kuasa-kuasa untuk menangkap sekali, kepada ketua-ketua kampung, sebab masalah penyalahgunaan dadah ini bukan sahaja tertumpu sekarang ini di kawasan bandar, tetapi juga telah merebak ke kawasan-kawasan luar bandar. Remaja-remaja belasan tahun sudah pandai menyalahgunakan dadah. Dan remaja-remaja pun sudah ada yang dihantar ke pusat tahanan dan dikenakan di bawah sekatan 'tempat tinggal'.

Ini menunjukkan bahawa masalah ini sudah menyeluruh sekarang ini - sudah menyeluruh. 27 pusat seranti yang ada sekarang - saya difahamkan 27 buah, yang menampung - saya difahamkan tidak kurang daripada 20,000 penagih-penagih yang sedang menjalani pemulihan.

Saya percaya bahawa walaupun banyak lagi pusat seranti kita bentuk, tetapi kalau langkah-langkah yang saya cadangkan tadi, terutamanya termasuk meletakkan tanggungjawab kepada ibu bapa menanggung beban sama dengan najis ini, saya percaya ianya tidak akan membawa apa-apa kesan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah mengklasifikasikan jenis ataupun penagih-penagih mengikut degree penagihan adalah satu langkah yang baik. Pernah dalam Dewan yang mulia ini saya cadangkan, masa itu saya tanyakan dalam Dewan ini mengapa penagih-penagih dadah ini, tanpa mengira kategori dan umur dicampurkan di dalam satu tempat. Mereka yang 'hard-core' dengan mereka yang baru menagih kali pertama memerlukan sistem rawatan yang berbeza. Sudah tentulah mereka ini perlu dipisahkan supaya sistem pemulihan tadi dapat ditumpukan kepada mereka.

Jadi langkah kerajaan membahagikan, klasifikasi penagih-penagih kepada kumpulan masing-masing adalah satu langkah yang amat tepat. Sebab itu selepas daripada ini saya percaya bahawa 'hard core addict' yang benar-benar ini perlu diberi tumpuan.

Dan yang keduanya ialah golongan penagih kali pertama yang kita yakin, mereka ini mempunyai peluang untuk dipulihkan, menjalani proses hidup yang biasa. 'Hard-core' ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada yang sampai menjadi gila. Tengok bahayanya penyalahgunaan dadah. Manusia apabila terlibat dengan dadah, satu sen tidak ada harganya, otak tak boleh pakai, fikiran tak boleh pakai, semua tak ada makna. Kerja tak boleh buat. Sebab itu kita nyatakan bahawa penagihan dadah, penyalahgunaannya jika ianya tidak dikawal cukup membahayakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya tanpa ragu-ragu memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan di hadapan kita iaitu untuk meminda semula Akta Dadah Berbahaya 1952. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua : Kemaman**

**5.09 ptg.**

**Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952. Saya kira Rang Undang-undang ini dan pindaannya amat penting kerana ia melibatkan kesihatan orang awam dan keselamatan negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri kerana bertindak cepat dan tegas dalam hal penyalahgunaan dadah yang menuju ke arah trend yang baru.

Dalam pindaan ini, terdapat dua perkara yang penting iaitu yang pertamanya ialah pil Amphetamine abuse iaitu kita memasukkan 14 jenis peransang jenis Amphetamine dan yang kedua ialah penambahan penalti terhadap kesalahan mengikut seksyen 12, termasuk penalti tambahan terhadap pegawai-pegawai penjara, pusat seranti dan polis yang bersubahat dengan pengedar-pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Amphetamine abuse ataupun penyalahgunaan Amphetamine ini, telah menjadi satu masalah global sejak sekian lama. Amphetamine psychostimulate yang lain digunakan di seluruh dunia. Di setengah-tengah negara, ianya merupakan satu masalah yang lebih serius daripada penagihan dadah heroin ataupun morfin. Ini kerana, pil-pil ini senang didapati kerana pembuatan adalah lebih murah dan bahan-bahan kimia yang digunakan adalah murah dan senang didapati. MDMA ataupun Methylenedioxymethamphetamine mine ataupun lebih dikenali dengan pil ecstasy. Pada mulanya, pil ecstasy ini dibuat ataupun disintesis pada tahun 1914 lagi. Pada masa itu, ianya digunakan untuk mengurangkan selera makan, ataupun appetite suppression tetapi telah hilang dari pasaran setelah didapati ianya kurang berkesan.

Penggunaan secara haram hanya dikesan pada tahun 1970, apabila didapati MDMA ini dapat mengubah dan meransang keadaan conscious manusia untuk menjadi lebih gairah sehinggalah tahun 1985, barulah dadah ini dikesan oleh pakar-pakar perubatan akan kesan toksik yang teruk terhadap urat-saraf ataupun neuro-toxic, apabila ianya digunakan untuk tujuan rekreasi. Untuk rekreasi, pil ecstasy ini digunakan di dalam dua setting, satu di dalam kumpulan kecil kebanyakan oleh lelaki pada hujung-hujung minggu dan yang keduanya di dalam kumpulan yang lebih besar, di dewan-dewan tarian yang besar, di kelab-kelab malam, ataupun disko yang diiringi dengan musik computerise video, dan lampu-lampu laser. Dalam setting begini, kebiasaannya diambil sama-sama dengan apa yang dipanggil 'smart drink'. Amount yang diambil biasanya tidak terbatas banyaknya dan amat membahayakan. Di antara kesan-kesan yang dirasakan selepas mengambil pil ini, ialah menjadi lebih elated, euphoria mendapat tenaga fizikal yang lebih, mendapat tenaga ataupun emosi yang lebih. Bagi mereka mengambil lebih banyak ataupun lebih daripada 200 miligram akan mendapat 'intermittent panic attack', keletihan, loya-loya, gangguan koordinasi dan mereka ini kurang merasa takut dan lebih banyak bercakap dan yang lebih merbahaya, pil ecstasy ini boleh membawa neuro-toxic dan maut. Di Malaysia, pil ini dikesan pada tahun 1966, di mana apabila pembekal mendapati pasaran yang baru di kalangan anak-anak remaja kita yang kaya-raya di bandar-bandar, terutama di bandar-bandar di negara kita. Dengan angka-angka tangkapan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam, iaitu 51 kes pada tahun 1996, dan 67 kes pada tahun 1977, menunjukkan satu trend atau paten yang baru di dalam masalah dadah negara kita. Ini adalah satu permulaan chapter yang baru di dalam masalah penyalahgunaan dadah dan besar kemungkinan akan menjadi lebih serius daripada penyalahgunaan heroin ataupun morfin. Oleh yang demikian, Tan Sri Yang di-Pertua, selain daripada meluluskan Rang Undang-undang ini yang meletakkan sesiapa yang memiliki 50 gram ataupun lebih 14 jenis Amphetamine ini sebagai pengedar dan dikenakan hukuman mati yang kita sokong, kementerian harus juga mengadakan satu polisi ataupun langkah-langkah tertentu untuk membendung gejala ini.

Kita memerlukan kerjasama dan commitment dari semua pihak, selain daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian-kementerian yang lain harus mengambil sikap proaktif, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Penerangan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Penguasa-penguasa Tempatan, harus menggembleng tenaga dan berusaha memberi nasihat dan maklumat kepada orang ramai mengenai kesan-kesan dari gejala ini. Akhbar-akhbar, mass media, radio, televisyen harus mengambil peranan yang lebih untuk memberi nasihat terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar. Sekolah-sekolah, PIBG dan NGOs, perlu mengadakan program-program tertentu terutama kepada masyarakat-masyarakat di bandar. Pengamal-pengamal perubatan, klinik-klinik, pembantu-pembantu perubatan, harus

peka dan akan kesan-kesan awal dan mengambil tindakan seawal mungkin untuk menganali tanda-tanda yang terdapat pada pesakit-pesakit yang mengambil pil ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting sekarang ini ialah menyebarkan maklumat seluas-luasnya dan memberi pertolongan seawal mungkin kepada yang terlibat supaya mereka ini tidak terdedah kepada kesan-kesan ataupun komplikasi yang lebih teruk di mana ia bukan sahaja memberi kesengsaraan kepada mangsa, tetapi juga negara keseluruhannya.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai program pemulihan dadah di negara kita. Kerajaan banyak membelanjakan wang untuk program pemulihan penagih-penagih dadah ini. Lebih RM500 juta dibelanjakan setiap tahun untuk mengendalikan 20 buah pusat serenti di seluruh negara. Masalahnya apa yang dibelanjakan selama ini kurang memberi kesan. Malah bilangan penagih-penagih bertambah setiap tahun. Ini kerana kadar ataupun 'relapse rate' adalah amat tinggi iaitu 70 hingga 75 peratus. Maka kita bertanya sama ada, adakah kegagalan kita ini di dalam pemulihan penagih-penagih ini disebabkan oleh kesilapan di dalam sistem pemulihan kita sendiri. Perlukah sistem dan program di pusat-pusat serenti ini dinilai semula.

Ada beberapa perkara yang mungkin harus diberi perhatian, yang pertamanya, penagih-penagih kurang receptive terhadap rawatan kerana mereka-mereka ini dibawa secara paksa setelah ditangkap oleh polis. Oleh sebab itu, mereka tidak mendapat kesedaran yang mendalam dan mereka ini akan kembali kepada keadaan asal mereka selepas keluar nanti. Yang keduanya, terlalu ramai penagih di dalam sesebuah pusat serenti dengan kakitangan ataupun pegawai-pegawai menjaganya yang terhad. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa nisbah pegawai dengan inmate yang idealnya ialah satu pegawai dengan 23 inmate. Tetapi sekarang ini kita mempunyai lebih daripada itu. Jadi, saya ingin tanya sama adakah kita ingin menambah pegawai-pegawai ini. Yang ketiga, apabila terlalu ramai di dalam sesebuah pusat serenti, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Machang tadi, first timer addict ataupun penagih baru yang ditangkap dicampur bersama-sama 'hardcore addict', ini sudah tentulah menyulitkan lagi keadaan dan memungkinan first timer addict ini akan kembali menagih apabila keluar nanti.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kajian yang telah dibuat untuk memulihkan penagih-penagih dadah di luar negara. Terutama sekali di Amerika Syarikat, mengikut kajian yang dibuat dan dikeluarkan oleh US National Institute On Drugs Addict Abuse (NIDA) bahawa terdapat empat jenis ubat yang berkesan untuk mengurangkan penagihan dadah ini, iaitu methedon, naltrexone, bupropion dan LAAM. Mengikut kajian ini yang dijalankan terhadap 10,010 penagih dari tahun 1991 sehingga 1993, dengan menggunakan ubat methedon sebagai rawatan di pesakit-pesakit luar dan dengan tiga lagi method yang lain dan dari pemerhatian ini yang menariknya ialah didapati ubat methedon ini dapat mengurangkan penagihan sehingga 70 peratus.

Di Singapura, kajian terhadap 60 hardcore addict menggunakan naltrexone dilancarkan pada tahun 1993. Di dalam kajian ini menunjukkan bukan sahaja ianya berjaya mengurangkan penagihan tetapi juga rawatan secara perubatan ini dapat membantu memperbaiki cara hidup mereka, termasuk berjaya diterima di kalangan keluarga dan berfungsi di dalam masyarakat. Di negara kita, difahamkan kajian sekarang dijalankan oleh kementerian terhadap 4,000 orang penagih sebagai yang telah diumumkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini.

Dengan peruntukan lebih daripada RM10 juta dengan menggunakan ubat naltrexone. Jadi saya ingin membangkitkan beberapa persoalan yang ingin kita tahu di dalam program ini:

- (i) adakah penagih yang dipilih ini datang secara sukarela ataupun secara paksaan;
- (ii) apakah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa itu sendiri;

- (iii) adakah kita mempunyai cukup kaunselor kerana untuk mendapatkan pemulihan yang berjaya mengikut kajian ini ia memerlukan tiga perkara iaitu ubat, yang kedua kaunselor atau pegawai-pegawai yang terlatih di dalam bidang ini untuk mengawasi penagih-penagih dan ketiganya ialah sudah tentu sokongan yang kuat oleh ibu bapa sendiri;
- (iv) adakah mereka ini dipusatkan di pusat serenti ataupun di'centralise'kan rawatannya sebagai pesakit luar kerana kajian menunjukkan rawatan secara pesakit luar dengan bantuan keluarga dan kaunselor yang terlatih adalah lebih baik daripada rawatan yang dipusatkan;
- (v) apakah peranan hospital di seluruh negara. Adakah hospital-hospital di negara kita ini akan dilengkapkan dengan kemudahan untuk rawatan ini;
- (vi) apakah peranan klinik-klinik swasta; dan
- (v) apakah kesan sampingan daripada ubat naltrexone ini.

Soalan-soalan ini perlu mendapat jawapan dan kita berharap sistem pemulihan yang dibuat sekarang diubah dengan lebih ramai penagih digalakkan datang secara sukarela. Penglibatan ibu bapa, masyarakat, pihak-pihak swasta dipertingkatkan dan penggunaan ubat-ubat yang disebutkan tadi dapat diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penagih dadah, heroin atau morfin ataupun Amphetamine abuse kita juga mempunyai masalah tentang psychotherapy drugs dan juga ubat batuk sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi. Pengambilan ubat batuk yang mengandungi codeine ini semakin menjadi-jadi dan semakin serius. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang kedua-duanya tidak termasuk di dalam Akta Dadah Berbahaya ini. Ianya dikawal di bawah Akta Racun yang saya difahamkan sedang didrafkan untuk dipinda.

Jadi, terdapat kesulitan untuk mendakwa authorised person iaitu farmasi dan juga doktor-doktor di klinik-klinik yang menjadi 'culprit' sebagai pengedar-pengedar di bandar-bandar ataupun di luar bandar. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah cadangan untuk meminda seksyen ini di mana sekarang ini tidak ada peruntukan untuk mendakwa authorised person ini sama ada doktor ataupun farmasi yang mempunyai stok ataupun possession yang begitu banyak. Sekarang ini kita hanya membawa mereka ini ke pengadilan apabila dia melakukan kesalahan seperti merekod ataupun rekod-rekodnya tidak betul. Jadi ini adalah merupakan satu kesulitan.

Jadi saya ingin bertanya sama ada ini perlu dipinda di mana possession yang banyak yang melebihi daripada yang sepatutnya digunakan dalam klinik itu ataupun farmasi itu diambil tindakan ataupun kita boleh menghadkan possession ini kepada klinik-klinik untuk masa-masa yang tertentu. Saya berharap penaltinya yang terlampau sedikit ini dinaikkan. Di kawasan saya pengedaran ubat batuk ini cukup banyak. Penedarnya memang kita kenalpasti seorang doktor yang berpangkat 'Datuk' dan mempunyai klinik di Kuantan. Kita telah pun mendakwanya sekali dan dikenakan denda yang begitu minimum sekali. Sekarang ini masih lagi menjalankan aktiviti-aktiviti ini.

Jadi saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi, apakah ada cadangan supaya ubat batuk yang mengandungi codeine ini dimasukkan ke dalam DDA kerana kita dapati bahawa kesan daripada ubat batuk codeine ini amat serius kepada anak-anak dan remaja-remaja kita pada masa ini. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada kita bersedia untuk meminda Poisons Act ini dan dimasukkan ubat-ubat batuk dan psychotrophy ini kepada DDA.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nampaknya ramai yang ingin mengambil bahagian. Oleh yang demikian saya kena mengehendkan masa perbahasan kepada 10 minit seorang. Batang Lupar.

5.27 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya 10 minit mungkin cukup, mungkin tidak cukup tetapi macam manapun saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, dadah kalau dipandang dari segi gejala yang berbangkit, oleh kerana penggunaan dadah memang tidak dinafikan bahayanya kepada negara. Bahkan dadah pernah digunakan sebagai satu political instruments. Mungkin kita menyebut ini over dramatisation of dadah, dengan izin. Oleh kerana kita pandang di negara China dahulu pihak British menggunakan dadah melemahkan semangat orang China masa itu. Kalau kita pandang juga di Vietnam, Amerika pun lari kerana dadah di Vietnam. Persoalan yang berbangkit yang patut kita tanya, kenapa orang Melayu terkena dadah di Malaysia. Adakah ini juga satu instrumen politik untuk mengena orang Melayu.

Jadi kalau kita hendak menyelidik soal dadah go beyond the conviction di mahkamah dengan izin. Kita kena selidik semua orang yang terlibat dengan dadah ini. Selidik peguam-peguam yang membela kes-kes dadah, jangan tengok cerita Hollywood pandang begitu sahaja. Mungkin benar cerita Hollywood itu. Kita kena selidik doktor-doktor yang terlibat dengan pengeluaran dadah berlebihan ini. Kenapa, adakah agenda-agenda yang tertentu mereka ini buat satu network di seluruh negara supaya semua orang Melayu ini nanti akan menjadi lemah dan tidak bermaya. Adakah ini satu agenda, agenda yang terselit yang belum kita tahu pada masa sekarang. Kenapa di Kuala Lumpur, di mana-mana sahaja. Bahkan di kawasan saya di luar bandar, jalan raya tidak ada, kereta tidak ada, ada juga dadah sampai. 7,000 orang Kampung Bladin, semua orang Melayu, dadah juga, kenapa? Pernahkah kita bertanya kenapa.

Saya minta pihak kerajaan bukan Kementerian Kesihatan sahaja tetapi kerajaan menyelidik beyond the conviction di mahkamah. Kenapa dadah ini berlaku dengan orang Melayu. Kenapa 70% orang di pusat serenti itu orang Melayu terkena dadah? Kenapa 70% anak-anak orang Melayu yang terkena dadah? Adakah kelemahan daripada orang Melayu sendiri ataupun orang lain yang menjalankan gejala ini supaya melemahkan orang Melayu.

Jadi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, peguam yang membela di mahkamah itu perlu dilihat-lihat latar belakangnya, kenapa? Doktor yang mengedar sama ada pil yang tersebut dalam Rang Undang-undang ini ataupun dadah lain kita kena selidik, kenapa? Kita kena tanya, kenapa?

Kalaulah orang Melayu itu lemah daripada segi pendiriannya, ajar orang Melayu macam mana jadi kuat. Kalau pendidikan di sekolah kita lemah, pihak Kementerian Pendidikan mesti memperkuatkan pendirian dan semangat orang-orang Melayu, boleh mempertahankan diri. Jangan kita mendapati telah terlambat iaitu dadah diedar ke seluruh Malaysia, adalah satu political instrument yang melemahkan semangat dan kedudukan orang Melayu. Walaupun "tidak Melayu hilang di dunia" tetapi dadah akan menyerap semua nadi orang Melayu, melemah semangat Orang Melayu pada satu ketika nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cakap-cakap saya ini diambil kira, oleh kerana tindakan-tindakan polis. Tadi Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan mungkin ada frame-up bukan semua polis itu memang baik. Saya bersetuju, tetapi

menggunakan perkataan 'frame-up' kepada pegawai kerajaan yang sepatutnya kita sokong dan sepatutnya kita beri penggalakan pula dia kata buat frame-up menangkap orang supaya Jelutong datang ke mahkamah dan membela orang itu, tanya kenapa Jelutong membuat begitu? Jadi kenapa sampai begitu sangat kata frame-up. Saya ingat polis tidak ada mempunyai agenda lain, selain menguatkuasakan undang-undang. Di dalam undang-undang, terutama sekali soalan dadah yang mana bukti-bukti yang nyata mungkin susah hendak dicari. Jadi kalau preventive measures ini kita kongkongkan, pihak polis, jangan buat. Saya tidak tahu apa akan berlaku, bukan orang Melayu, bahkan semua orang Malaysia nanti akan habis oleh dadah.

Saya pernah pergi ke Amerika dan saya berjumpa dengan pegawai-pegawai polis Amerika, mereka kagum yang kita berkuasa menggunakan political will, meluluskan undang-undang sebagaimana yang kita ada sekarang ini. Undang-undang yang mana kita boleh hukum gantung, yang mana kita boleh tangkap oleh kerana teknikaliti, oleh kerana kes ini tidak boleh secure conviction di mahkamah dan orang itu terlepas daripada cengkaman mahkamah dan terkeluar daripada itu, tetapi bukti-bukti yang mana tidak boleh digunakan sebagai bukti nyata di mahkamah, menunjukkan orang itu betul terlibat dengan pengedaran dadah. Kenapa pula salah, mereka ini ditangkap 'disorok' ke dalam jel supaya menjaga keselamatan rakyat Malaysia.

Saya faham daripada konsep demokrasi yang mereka ini agung-agungkan iaitu kebebasan individu, tidak kisah komuniti, apa jadi komuniti ini kemudian? Tetapi asalkan democratic principal, the right of individu ini dipertahankan. Jadi dalam kita mempertahankan negara, saya memang rasa sedihlah kalau preventive measures ini kita tidak boleh buat, kalah terhadap orang yang memang kita sudah ada bukti yang nyata. Fail kita mungkin sudah tebal menunjukkan orang ini betul-betul terlibat dengan dadah, orang ini mengedar dadah tetapi oleh kerana teknikaliti terkeluar daripada mahkamah, tidak boleh masuk jel apa tidak boleh tangkap. Saya bersetuju tangkapan dibuat dan disorokkan di dalam jel. Jangan masuk jel biasa, cari satu tempat macam Pulau Jerejak dahulu, simpan dekat sana, 'isolate'kan daripada hamba Allah yang lain, kerana mereka tidak layak duduk di negara ini, tidak layak duduk bercampur dengan orang lain. Apatah lagi hendak dibebaskan di dalam masyarakat biasa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyaklah sekarang. Dahulu kita dengar heroin, morfin, ganja dan sebagainya. Sekarang ubat batuk, ubat pening, ubat sebagainya, doktor sudah sebut bermacam-macam, saya hendak pronounce pun susah. Ubat semua sudah jadi satu bahan untuk mengkhayalkan, bahan dadah. Kalau diambil berlebihan sudah menjadi satu dadah. Jadi kenapa pula, benda seperti ini kita hendak biarkan. Kalau negara lain oleh kerana tidak mempunyai political will, oleh kerana bangkangan yang begitu sangat daripada masyarakat yang mungkin kurang celik pengetahuan mereka, apa sebenarnya kesan-kesan dadah ini pada mereka, undang-undang sebagaimana yang ada pada kita sekarang tidak boleh diluluskan. Tetapi kenapa pula apabila undang-undang ini yang telah diluluskan di sini kita hendak bantah begitu rupa. Kenapa pula daripada segelintir rakyat, segelintir mulut-mulut sahaja yang mengatakan undang-undang ini sepatutnya tidak berlaku, kenapa kita kena tanya, kenapa, kenapa, sampai kita tahu kenapa.

Tuan Yang di-Pertua, memang penguatkuasaan undang-undang, kalau orang ini salah, kalau hukuman gantung perlu dibuat, kita bagi hukuman gantung. Kalau hukuman gantung tidak buat, kita tahu mereka ada kata "tepek dada tanya selera". Kalau betul dia melakukan pengedaran dadah, kalau tidak dijel atau digantung, tangkap mereka masukkan ke dalam satu tempat simpanan yang mana mereka tidak boleh berhubung dengan masyarakat lain. Kalau Jelutong hendak bantah, kalau Kepong hendak bantah, siapa sahaja hendak bantah biarlah dia bantah. Mungkin kita tidak tahu kenapa dia bantah? Jadi kalau kita boleh selidik orang yang saya sebut tadi, kita dapati kenapa ini berlaku? Kenapa agenda ini ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi satu lagi soal orang yang terlibat dalam pemulihan. Saya akan gulong selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, orang yang terlibat dengan NGO ini, ada orang NGO dilantik oleh kerana dia pegawai kerajaan yang nampak boleh buat ini, buat itu, tetapi sebenarnya bukan orang yang bersemangat kesukarelawanan. Orang yang tidak ingin berkerja lebih daripada pukul 5. Jadi dengan adanya orang yang sebegini, wujudlah satu badan yang kita harapkan untuk menolong kerajaan memperbaiki keadaan di negara ini, tidak memperbaiki keadaan, oleh kerana pandang pukul 5 sudah tiada, buat kerja apa-apa lain, kerana terkeluar daripada jam mereka. Jadi saya berharap kalau orang hendak terlibat dengan Pemadamkah, apa sekali pun, kita kena lihat. Balik rumah, pandang sendiri tanya, "saya ini adakah betul-betul sukarelawan atau bukan sukarelawan?" Kalau bukan sukarelawan, minta Pemadam letak semua jawatan dan bagi peluang orang lain yang sanggup membuang masa, tenaga dan sumber kewangan mereka untuk memperjuangkan keperluan negara demi mengurangkan gejala-gejala dadah di negara ini. Oleh kerana masa saya 10 minit. Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu, dua perkara hendak sebut, kawan-kawan lain hendak cakap, saya menyokong undang-undang ini dan jangan dengar sangat Kepong ataupun Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kubang Kerian.

5.40 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Kesihatan Rang Undang-undang 5/98 ini memang masalah dadah, masalah yang telah kita bercakap berulang kali tetapi yang lebih memeningkan kepala kita kebelakangan ini mereka mengedar dadah itu bukan daripada taukeh-taukeh sahaja, sudah sampai ke peringkat pegawai-pegawai polis. Kelmarin Berita *Star*, Ketua Polis Negara terkejut, bila senior officer di Sabah yang terlibat dalam mengedar dadah di Sabah. Begitu juga di Semenanjung, pegawai polis berpangkat ASP di antara yang ditangkap mengedar dadah. Jadi kita katakan undang-undang telah pun kuat, tinggi tetapi bagaimana sudah sampai ke peringkat pasukan uniform terlibat dalam perkara ini.

Ini satu perkara yang perlu kita pandang serius sungguh sekarang ini, terutama di zaman kegawatan ekonomi ini boleh berlaku apa sahaja kalau hendak mencari wang atau sebagainya termasuk Ketua Polis Negara sendiri terkejutlah bila sampai ke peringkat taraf senior officer terlibat dalam mengedar dadah. Jadi, kalau orang biasa boleh ditangkap tentulah hendak kesan pegawai-pegawai polis ini lebih susah dan kita dengar pula kementerian lain misalnya Pegawai Polis, Pegawai Kastam terlibat dalam menyeludup pendatang. Ini semua kita lihat dengan secara serius, kita kasihkan negara ini supaya kerajaan sungguh-sungguh check sekarang ini, bukan setakat pengedar-pengedar biasa, tetapi dalam pasukan beruniform sendiri, kerana ini masalah yang cukup serius dan dipandang berat oleh Ketua Polis Negara.

Begitulah juga dadah, kita dengar bermacam-macam nama, yang saya bimbang dadah jenis syabu. Ini barangkali orang sangkut paut saya dengan Kangar kerana kami ada nama 'Sabu'. Saya pun tidak faham apa dia dadah syabu ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga dadah, bukan sahaja masuk kadangkala di pusat serenti, masuk juga di dalam lokap, dalam penjara. Jadi, kalau tempat kawalan dan pasukan uniform yang ada di situ, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri mesti lebih hebat berpadu tenaga untuk mengawal keadaan ini kerana dadah boleh masuk ke tempat itu. Paling pelik sekali misalnya tuduhan akhbar luar negeri, *London Observer*, *London Independent*, *BBC* dan sebagainya, misalnya mengatakan orang yang duduk dalam tahanan Semenyih, diracun ataupun didadahkan. Ini satu tuduhan yang cukup biadap di buat oleh akhbar luar negeri. Kerajaan kita bukan

hendak bertindak mengikut tuduhan akhbar luar negeri, tetapi kita mesti membersihkan nama kita.

Kita harap Kementerian Kesihatan bersama dengan UNHCR buat bedah siasat, periksa mayat yang telah mati itu, buktikan kepada dunia bahawa mereka tidak didadahkan atau mereka tidak diracun. Kita tidak mahu statement yang berbelah bagi. Tiga hari lepas Menteri Dalam Negeri berkata kita akan ambil tindakan kepada NGO, tangkap dan dakwa mereka. Semalam kata tidak jadi ambil tindakan. Ketua Polis pun agak berlembut, rakyat boleh tafsir macam-macam. Apakah dadah atau racun masuk ke dalam kem tahanan ini.

Ini mesti kita bersihkan imej Malaysia terutama menjelang Sukan Komanwel, kerana kita dengar negeri ini hendak boikot, negeri ini tidak datang, negeri ini hendak hantar ragbi kelas tiga. Semua ini kita kena bersihkan imej kita, bukan kerana respon daripada akhbar yang biadap tadi, tetapi kita kena bersama dengan UNHCR. Pegawai-pegawainya buat bedah siasat mayat-mayat yang dikatakan diracun itu, dan dedahkan kepada dunia yang kita tidak bersalah dan kita tidak meracun orang-orang tahanan. Kalau ini boleh dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan, saya yakin nama Malaysia, imej Malaysia akan dapat dibersihkan di peringkat antarabangsa, sebab kita lihat Perdana Menteri mula berlembut dalam masalah ini, tidak mahu bertindak dengan NGO, kenapa? Ini semua persoalan yang saya hendak timbulkan supaya Kementerian Kesihatan bertegas bahawa Kem Semenyih yang dibuat serbuan itu tidak diracuni, tiada dadah dan tiada pegawai yang memberi racun kepada mereka. Usaha ini perlu dibuat sebab kita lihat keadaan imej ini menyebabkan ekonomi kita teruk, saham petang ini jatuh mata dari 588 - kepada mereka yang main saham, ertinya keadaan kita makin hari, makin teruk kalau imej-imej ini tidak kita pulihkan di peringkat antarabangsa. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Labuan.

5.44 ptg.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam dan sebentar tadi. Akta yang bertujuan bagi pengawalseliaan jenis dadah yang disenaraikan sebagai dadah berbahaya.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Dalam Negeri yang telah membuat inisiatif dan dapat membuat pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya ini. Pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri, sememangnya bertepatan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita ini, khususnya yang melibatkan pengguna, pengedar serta pegawai-pegawai yang terlibat.

Saya menyambut baik dan menyokong langkah kerajaan kerana memasukkan 14 jenis perangsang, jenis amphetamine ke dalam jadual dadah berbahaya ini dan dadah ini, di tempat saya juga dikenali sebagai designer drug. Contoh yang paling popular kini ialah yang disebutkan 3,4 - Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) atau methamphetamine dan amphetamine yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam.

Saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana Labuan, kawasan saya telah disebutkan oleh bekas Pesuruhjaya Polis, Sabah, yang telah pun bersara yang menyebutkan Labuan dan Sandakan adalah merupakan pintu masuk kepada jenis dadah yang disebutkan amphetamine atau methamphetamine ini atau yang lebih popular di kawasan saya sebagai 'syabu' ataupun 'ice-ice baby' dan ada juga yang menyebutnya sebagai 'batu' di kalangan orang muda di tempat saya. Jadi, ini begitu merunsingkan kepada kita apabila ianya sudah meresapi bermula daripada penggunaan di kalangan

penduduk, di kalangan pendatang haram, kerana saya difahamkan kemasukan syabu ini adalah datang dari negara jiran, dari Filipina dan oleh kerana Labuan adalah merupakan salah satu pintu masuk dalam perdagangan tukar barang (barter trading) di antara negara Malaysia dengan Filipina ini, dan sambil itu menggunakan 'kompit' atau kapal-kapal yang masuk ini, mereka seludupkan jenis dadah yang kita sebutkan sebagai syabu ini.

Saya melihat urutan kemasukan dadah, khususnya ke kawasan saya ini, yang mula-mula memang kawasan kita ini merupakan sebuah kawasan yang bebas daripada penyalahgunaan dadah, tetapi akhir-akhir ini sudah mula masuk dadah, yang mula-mula ubat batuklah, cordeine, kemudian pil khayal ini. Oleh kerana pil khayal ini tidak begitu popular di kalangan masyarakat ataupun orang-orang bumiputera kerana harganya mahal, maka syabulah menjadi pilihan mereka, kerana syabu ini harganya jauh lebih murah kalau dibandingkan dengan pil khayal ini.

Saya sendiri pernah melihat dan pernah juga mencuba bagaimana caranya untuk mendapatkan bekalan syabu ini. Walaupun tidak menggunakannya, tetapi setakat untuk mencuba bagaimana untuk mendapatkan bekalan ini di Pulau Labuan, jadi saya pergi ke kawasan perkampungan pelarian inilah, pendatang tanpa izin ini, dan hanya menggunakan lampu kereta, dengan flashing light kita, kemudian mereka datang dan menawarkan berapa banyak yang dikehendaki. Ada boleh RM10, RM20 satu tiub yang mengandungi bahan seolah-olah kristal. Kalau RM20 itu katanya, kepada pengguna yang saya tanyalah, RM20 itu bolehlah tahan, dia kata main 6 jam. Saya tidak tahulah apa jenis 'main' dia itu. Dia kata, dia boleh tarik 6 jam. Kalau yang RM10 itu, dia kata boleh tahanlah 3 jam, tetapi kalau guna seorang yang RM20 itu boleh tahan 2 hari 2 malam tidak tidur, itu kesannya. [Ketawa] Jadi, ini pengalaman saya dan saya pernah juga mengendap bagaimana mereka ini menggunakan dadah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan. 'Main' ini apa maksudnya ini? Main, main 6 jam, main 2 jam ni apa istilahnya. [Ketawa] Beri penjelasan, terima kasih.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Saya rasa, bagaimana mereka khayallah, 6 jam khayal, 24 jam khayal dan sebagainya. Itu yang disebut dengan perkataan local.

Tuan Yang di-Pertua, yang bahaya sekali ialah apabila pengedaran dadah ini dalam pengalaman yang saya perhatikan ialah kerana ianya menggunakan target kepada golongan muda dan juga menggunakan kanak-kanak sekolah. Yang pertama, pengedar ini memberikan mereka ini percuma, penggunaan secara percuma diberikan setiap hari, setiap dua hari sekali, sehinggalah kepada tahap di mana mereka ini sudah ketagih. Bila mereka sudah sampai ke tahap yang ketagih ini, maka pengedar ini sudah tidak mahu lagi membekalkan syabu ini secara percuma kepada pengguna ini. Pada ketika itu sipengguna tadi terpaksa membelinya, dan kalau tidak dapat membeli kerana kebanyakan anak muda ini tidak mempunyai wang atau tidak mempunyai 'pocket money' yang begitu banyak setiap hari. Jadi, apa yang dilakukannya, mereka ini dijadikan sebagai pengedar, di mana bila pengguna tadi boleh mengedarkan sebanyak 10 tiub ini, maka mereka boleh menggunakan 2 tiub secara percuma untuk kegunaan mereka. Jadi, dari sinilah saya lihat berkembangnya pengedar ini, tetapi yang paling penting dalam aspek ini ialah bagi mendapat ataupun menangkap pengedar ataupun 'chief' dalam aspek ini.

Jadi, usaha sedemikian perlu digiatkan, bukan sahaja oleh pihak Kementerian Kesihatan tetapi Kementerian Dalam Negeri khususnya polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Labuan. Tadi Yang Berhormat dari Labuan nyatakan, seseorang pengedar itu adalah golongan belia dan orang muda. Adakah golongan belia yang merokok itu menjadi sasaran yang lebih senang atau tidak? Itu pertanyaan saya yang pertama. Yang kedua, Yang Berhormat juga menyatakan kalau yang tak mampu bayar itu akan dijadikan pengedar. Kalau lelaki jadi pengedar, kalau perempuan boleh jadi perkara lain, mungkinlah ditarik ke dalam 'industri pelacuran'. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat dari Labuan memberi penjelasan sama ada itu betul atau tidak.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, saya kurang pastilah sama ada yang biasa merokok ini lebih mudah untuk menjadi pengedar tetapi saya rasa yang pernah saya temui mereka yang tidak merokok pun boleh menjadi penagih. Yang kedua tadi, tentang masalah sama ada kalau wanita, tetapi dalam konteks ini saya perhatikan lebih ramai anak muda lelaki daripada anak-anak muda dari kalangan wanita yang menjadi pengedar ataupun menjadi pengguna kepada jenis dadah ini. Saya rasa fenomena ini samalah seperti yang berlaku juga di negeri Sabah seperti di Sandakan dan Kota Kinabalu, ia mula digunakan oleh pendatang haram kemudian ianya merebak masuk kepada anak tempatan, jadi ini yang membahayakan kepada kita. Dan pada ketika itu bila kita minta pihak polis untuk bertindak, untuk menangkap dan memberikan maklumat kepada mereka polis menyatakan tidak ada undang-undang yang boleh kita sabitkan kerana pada ketika itu jenis syabu ini belum lagi disenaraikan sebagai jenis dadah berbahaya, maka tidak boleh dikenakan tindakan yang lebih berat selain daripada ianya dikategorikan sebagai kesalahan di bawah Akta Racun sahaja. Dengan itu maka penggunaan syabu di negeri Sabah dan juga kawasan Labuan dan kini saya difahamkan sudah merebak ke negara jiran kita iaitu di negeri Sarawak. Ini saya rasa perlu perhatian yang khusus, yang serius serta bersepadu daripada semua pihak khususnya Kementerian Dalam Negeri, pihak polis untuk mengambil tindakan yang lebih serius.

Saya juga difahamkan ada beberapa masalah dalam soal ini kerana saya difahamkan setiap stesen-stesen ataupun balai-balai polis yang ada di daerah-daerah ini tidak mempunyai cukup pegawai yang ditugaskan untuk membuat tangkapan dan penyelidikan tentang dadah ini. Jadi kita mengharapkan supaya dari sekarang supaya Kementerian Dalam Negeri dapat memperbanyakkan lagi pegawai-pegawai yang ditugaskan khusus bagi membuat penyelidikan, tangkapan dan dakwaan bagi yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah ini khususnya di Sabah dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** Saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya saya juga ingin menyeru supaya pihak kerajaan dapat membuat syor-syor kepada pihak-pihak kerajaan tempatan kerana saya dapati kebanyakan tempat-tempat pengedaran ini juga melibatkan pusat-pusat hiburan atau night-spots, khususnya di Sabah dan termasuk jugalah Labuan dan apatah lagi apabila didapati masa mereka beroperasi ini dipanjangkan lebih daripada yang ditetapkan oleh kerajaan pada jam satu malam. Di tempat saya ada kelab-kelab malam yang beroperasi sehingga pukul empat, pukul lima pagi. Dan di sinilah tempatnya di mana pengedar-pengedar syabu ini berleluasa, jadi kita harapkan pihak kerajaan dapat mengambil langkah-langkah ke arah memperbaiki kedudukan ini. Saya mengharapkan akhirnya agar Labuan sebagai sebuah pusat kewangan pesisir antarabangsa dapat bebas daripada segala jenis dadah berbahaya di negara kita. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada usul.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATUARAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

**Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meyakong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya sila, Gelang Patah.

5.57 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Dadah Berbahaya, 1952. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum sekiranya masalah penyalahgunaan dadah di kalangan rakyat Malaysia tidak dikawal dan dibendung, ia akan menjadi batu penghalang kepada kemajuan bangsa dan negara. Oleh yang demikian saya menyokong sepenuhnya sebarang usaha yang bertujuan mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah di negara ini. Pada pendapat saya, rang undang-undang untuk meminda Akta Dadah Berbahaya yang sedang dibahaskan di Dewan ini merupakan salah satu daripada usaha berterusan pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk memerangi najis dadah. Saya percaya masyarakat umum juga akan memberi sokongan yang penuh terhadap cadangan-cadangan yang terkandung dalam pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 rang undang-undang ini telah mencadangkan agar seksyen 12 Akta Dadah Berbahaya 1952 dipinda untuk menambah denda maksimum bagi kesalahan yang berhubungan dengan pemilikan dadah berbahaya daripada RM20,000 kepada RM100,000. Saya menyokong sepenuhnya pindaan ini memandangkan jumlah denda maksimum sebanyak RM20,000 yang diperuntukkan dahulu sangat kecil. Walau bagaimanapun, saya berpendapat denda maksimum baru yang berjumlah RM100,000 mungkin tidak begitu berkesan dalam menghalang individu yang terlibat secara langsung dengan sindiket yang memperdagangkan dadah berbahaya secara besar-besaran. Sungguhpun kita juga mempunyai undang-undang yang memperuntukkan perampasan harta-benda individu yang dipercayai hasil aktiviti pengedaran dan pengagihan dadah, namun perampasan hanya akan dapat dilakukan sekiranya harta-benda tersebut dapat dikesan. Oleh yang demikian, penambahan denda maksimum bagi kesalahan yang berhubungan dengan pemilikan dadah berbahaya mungkin tidak memadai dalam konteks sindiket pengedaran dadah. Kita perlu melipatgandakan usaha untuk menumpas sebarang sindiket yang mempunyai hubungan

dengan aktiviti pengedaran dan pengagihan dadah. Berhubungan dengan perampasan harta-benda pesalah yang dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah, saya ingin mencadangkan agar undang-undang digubal bagi menggunakan hasil jualan lelong harta benda rampasan ini bagi membiayai aktiviti-aktiviti anti dadah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 rang undang-undang ini juga bertujuan memasukkan subseksyen baru (4) ke dalam seksyen 12 bagi akta ini yang memperuntukkan bahawa pegawai awam yang bekerja di mana-mana penjara, pusat pemulihan, lokap polis atau mana-mana tempat tahanan yang melanggar peruntukan subseksyen 12(2) boleh dikenakan hukuman sebat. Saya juga menyokong pindaan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa kita nampaknya telah menunjukkan kecenderungan yang berlebihan dan keterlaluan terhadap penggunaan hukuman sebat sebagai cara penyelesaian yang mudah kepada pelbagai masalah.

Apabila jenayah kolar putih meruncing, terdapat pihak yang mencadangkan agar mereka yang disabit kesalahan disebat. Apabila masalah pendatang tanpa izin menjadi kritikal, hukuman sebat pun juga diperkenalkan sebagai salah satu hukuman terhadap pendatang tanpa izin yang menyeludup masuk ke negara ini lebih daripada satu kali. Apabila kadar kemalangan jalan raya bertambah terdapat juga pihak yang mencadangkan agar hukuman sebat dikenakan kepada pemandu yang cuai. Masyarakat kita nampaknya telah menganggap hukuman sebat sebagai ubat penawar kepada segala masalah yang kita hadapi. Ini merupakan satu tanggapan atau sikap yang perlu diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa kita telah mempunyai hukuman gantung sampai mati yang boleh dikenakan terhadap mereka yang terlibat dengan kes-kes pengedaran dadah yang serius, tetapi kenapa masih ramai yang berani mengedar dadah? Pada pendapat saya, kita perlu tumpukan lebih perhatian kepada pendidikan dan pemupukan akhlak yang mulia di kalangan rakyat Malaysia bagi tujuan mengurangkan apa jua masalah jenayah yang sedang kita hadapi. Penggunaan hukuman yang berat harus dijadikan cara penyelesaian yang terakhir.

Di samping itu, kita juga perlu sedar bahawa penggubalan undang-undang bagi memperkenalkan hukuman yang berat semata-mata tidak akan dapat mencapai matlamat yang diharapkan sekiranya tidak diikuti dengan penguatkuasaan yang berkesan. Pada pendapat saya, negara kita telah mempunyai undang-undang yang cukup ketat berhubung dengan kebanyakan jenis kesalahan, walaupun bukan kesemuanya. Namun demikian, nampaknya masih terdapat banyak ruang untuk kemajuan di segi penguatkuasaan undang-undang.

Salah satu sebab kenapa pegawai-pegawai awam boleh terlibat dalam kegiatan pengagihan dadah sehingga hukuman sebat terpaksa dikenakan adalah kerana penguatkuasaan undang-undang kita yang sedia ada yang berkaitan dengan pengawalan kelakuan pegawai awam masih tidak memuaskan. Pada hemat saya, walaupun tanpa hukuman sebat, undang-undang sedia ada yang membolehkan pegawai-pegawai awam yang terlibat ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga hukuman-hukuman lain sudah lebih daripada mencukupi untuk menghalang pegawai-pegawai awam daripada turut terlibat dengan kegiatan penyeludupan dadah di penjara atau pusat pemulihan, sekiranya undang-undang ini dapat dikuatkuasakan dengan sempurna. Oleh kerana masih terdapat banyak kelemahan dari segi penguatkuasaan undang-undang berkenaan, terdapat sebilangan kecil pegawai-pegawai awam telah melakukan perbuatan yang dikatakan 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Sekiranya kita tidak memberikan penekanan yang sewajarnya terhadap penguatkuasaan undang-undang secara berkesan, maka kita akan dapati masih terdapat pegawai-pegawai awam yang sanggup menjadi orang tengah kepada banduan dalam tahanan pihak berkuasa bagi tujuan pemerolehan dadah, walaupun pegawai-pegawai ini tahu bahawa mereka boleh dikenakan hukuman sebat.

Kita juga perlu mengkaji dengan teliti kenapa bilangan pegawai-pegawai kerajaan yang sepatutnya menjadi penguatkuasa undang-undang boleh sendiri melanggar undang-undang. Kegiatan menyeleweng di kalangan kakitangan awam tidak lagi terhad kepada penerimaan wang kopi oleh pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan atau oleh polis trafik, tetapi telah meliputi kegiatan yang mengancam keselamatan negara. Sudah terdapat anggota pegawai imigresen yang terbabit dengan kegiatan pemalsuan dokumen perjalanan, sudah ada anggota polis yang membantu kemasukan pendatang tanpa izin, sudah terdapat pegawai-pegawai awam yang menyeludup dadah dalam penjara. Pada pendapat saya, kemerosotan disiplin yang begitu ketara dalam pasukan yang sepatutnya mengutamakan disiplin sedikit sebanyak berkaitan dengan pendapatan yang diperolehi oleh kakitangan awam. Nampaknya masih banyak yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan berhubungan dengan skim saraan kakitangan awam kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa cukup.

**Tuan Chang See Ten:** Saya gulung. Walaupun masalah kekurangan wang tidak dapat dijadikan alasan untuk melanggar undang-undang, tetapi ini sedikit sebanyak tentu akan menjejaskan komitmen dan mutu perkhidmatan kakitangan awam. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan satu skim saraan yang lebih menarik untuk kakitangan awam, supaya mereka boleh berasa bangga untuk kekal menjadi sebahagian daripada jentera pentadbiran awam. Kakitangan awam perlu disediakan satu kerjaya dan bukan satu kerja semata-mata. Ganjaran yang diberikan kepada mereka juga harus munasabah. Jangan sampai terdapat kakitangan yang berkhidmat lebih daripada sepuluh tahun tetapi masih tidak mampu memiliki satu unit rumah kos rendah. Kita perlu ada satu sistem yang lebih menyeluruh bagi mengagihkan kekayaan negara secara lebih adil dan saksama. Peluang untuk kakitangan awam mengikuti kursus bagi memperolehi kelayakan pada peringkat yang lebih tinggi perlu diperbanyakkan.

Selain daripada sebilangan kecil pegawai kerajaan yang menyeleweng, saya percaya kebanyakan daripada kakitangan awam kita telah memberikan sumbangan yang ikhlas kepada pembangunan negara, tetapi ganjaran yang mereka perolehi tidak setimpal dengan sumbangan yang dicurahkan. Oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji semula skim saraan kakitangan awam kerana mengikut pengalaman Hong Kong dan negara Singapura, ganjaran yang lumayan kepada kakitangan awam akan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan awam dan seterusnya mengurangkan perbuatan menyeleweng, termasuk penerimaan rasuah dan penglibatan dalam kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Dengan pindaan undang-undang ini, 14 jenis perangsang jenis Amphetamine seperti pil ecstasy telah dimasukkan sebagai dadah berbahaya. Saya harap dengan pindaan seksyen 37 ini akan dapat mengurangkan atau menghapuskan masalah pil ecstasy dan lain-lain jenis perangsang yang kini melanda masyarakat kita. Kerjasama rapat antara pegawai-pegawai penguatkuasa dan golongan masyarakat adalah sangat penting untuk mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kepong

6.10 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memang bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri mengenai dadah berbahaya dan usaha-usaha mesti ditingkatkan untuk mengatasi masalah yang serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun undang-undang diluluskan di Dewan yang mulia ini dan juga pusat-pusat serenti dan lokap-lokap polis yang ditambahkan untuk

pedegar dan penagih dadah tetapi di dalam negara ini masalah ini bertambah teruk, ini satu hakikat dan kenyataan. Dan bilangan penagih, kita pun tidak tahu dengan tepat bilangan mungkin 400,000 atau 500,000 tetapi bagi kalau misalnya kalau 400,000 orang penagih dan bakinya kita tidak tahu mungkin pada setiap orang yang kita ketahui mungkin ada tiga lagi yang kita tidak ketahui. Walau bagaimanapun yang boleh dimasukkan ke dalam pusat-pusat pemulihan tidak sampai 40,000 orang. Ini bermakna hanya 10 peratus daripada jumlah penagih di negara ini. Ini pun bererti masalah yang begitu serius daripada misalnya tidak sampai 40,000 yang di dalam pusat pemulihan iaitu tempoh mereka dipulihkan dilanjutkan daripada dua tahun kepada tiga tahun.

Itupun bila mereka dianggap pulih dikeluarkan daripada pusat itu maka ada lebih 60 peratus sehingga 70 peratus kembali kepenagihan. Inilah masalah yang tidak dapat diatasi walau apapun dilakukan oleh pihak kerajaan dan semua rakyat di Malaysia. Dan sebab itulah saya sebagai ahli Pemadam Kebangsaan saya bangun untuk menyampaikan pendapat saya cara-cara untuk mengatasi. Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat semua Ahli Parlimen mesti bersetuju termasuk Rompin setuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa pilihan, yang merangkumi semua Commission macam mana .....

**Seorang Ahli: Merapu.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak merapu. Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa cukup, lebih panjang kerana ada kekacauan di sini. *[Ketawa]* Saya ada point-point yang bernas dan jawatankuasa pilihan mengenai dadah di Parlimen yang pertama.

Yang kedua, semalam Yang Berhormat ada sebutkan mengenai tanggungjawab polis yang ditambahkan untuk menjaga penagih-penagih yang sudah dianggap dipulihkan dan kerana lebih 60 peratus kembali kepada penagihan dan pihak polis diminta menjaga mereka. Misalnya pihak polis mengawal kegiatan mereka di tiap-tiap daerah. Dan di sini saya hendak mencadangkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri melatih anggota polis ini untuk menjaga penagih kerana sebelum ini mereka dianggap orang yang sangat ditakuti kerana mereka itu menangkap/penahan penagih-penagih dan pedegar-pedegar bukan menjaga penagih, sekarang ditugaskan satu peranan lagi untuk menjaga penagih. Memang satu peranan yang baru dan saya percaya kebanyakan ahli tidak mampu untuk menjaga kerana fikiran dia nak tangkap saja. Sekarang bukan nak tangkap dia nak jaga pula. Memang Rompin tidak faham kerana ini hal polis. Sebab itulah saya mencadang supaya kementerian buat satu program latihan khas, tambahan pula kita ada kekurangan anggota polis, sangat kurang, nak jaga aktiviti atau kegiatan lain pun susah apatah lagi nak tambah satu tugas lagi. Memang Chenderoh tidak begitu berminat kerana dia merapu sahaja yang dia tahu.

Itu satu cadangan dan yang lain Tuan Yang di-Pertua, mengenai ecstasy ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin, tidak ada masa, masa kecederaan 'injury time' dia tak mahu benar.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Kepong, kawan .... Kepong minta menjelaskan sedikit, terkejut dan tertarik saya dengan cadangan Kepong. Tetapi kalaulah benar Kepong, kita tahu kepakaran dia tentang sakit kulit, kalau benar dia betul-betul untuk membantu negara kita bukanlah kerajaan, negara, dalam isu dadah mengapa tidak dalam klinik kulit dia itu buat satu sesi, satu bahagian baharu menasihati tentang penyakit dadah ini, kaunseling dadah ini. Tidak perlulah kita wujudkan satu jawatankuasa, lakukan sendiri dahulu, tunjukkan satu contoh yang baik dan berjaya insya-Allah kita akan ikut. Saya minta sedikit penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia hendak ikut saya, saya ahli Pemadam Kebangsaan dan dia mesti ikutlah. Rompin dimasukkan sebagai ahli Pemadam Kebangsaan. Ahli macam mana, tidak aktif langsung. *[Ketawa]* Mesyuarat langsung tidak hadir, macam mana aktif pula. Mungkin kita tugaskan dia sebagai

seorang yang mengambil perhatian kerana tiap-tiap tahun kita rampas pengedar-pengedar dadah, tahun lepas pihak polis merampas 22 juta harta benda pengedar kerana tahun lepas 1,700 lebih pengedar ditangkap, banyak lagi tidak ditangkap dan kita tugaskan Rompin untuk menjaga, ini satu cara yang baik. Kalau setakat untuk menjadi ahli Pemadam yang tidak pernah hadir mesyuarat itu tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada banyak perkara yang Rang Undang-undang ini ada lapan fasal, di antaranya termasuk ahli farmasi yang berdaftar, denda maksimum bagi kesalahan yang berhubungan dengan pemilikan dadah dan sebagainya dan termasuk hukuman ke atas pegawai awam yang bertanggungjawab di mana-mana tempat tahanan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ia ada tiga fasal yang ada kena mengena dengan 14 jenis amphetamine. Yang saya tidak begitu faham ialah seolah-oleh 14 jenis amphetamine ini semua itu mempunyai potensi yang sama. Sebab tiap-tiap satunya ia disebutkan misalnya Fasal 5, 50 gram. atau lebih dan kurang daripada 50 gram dan sebagainya dan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ... dan tiap-tiap satu jenis Tuan Yang di-Pertua, sama .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa dah habis, lebih Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lebih kah, nak minta gulung? *[Ketawa]* Tadi mukadimah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebagai ahli Pemadam saya memang mempunyai banyak perkara nak bangkit.

**Seorang Ahli:** Pasal banyak merapu, itulah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana merapu pula, semua itu bernas *[Ketawa]* misalnya saya minta masa sedikit sahaja hendak terangkan. Sebab saya ada dengar dari rakan-rakan saya, dia kata memang dengan amphetamine termasuk ecstasy ini perasaan terjaga-jaga, lebih khayalan, paranoia, darah tinggi dia tak sebut, convalescence, suhu badan terlalu tinggi dan koma, matilah. Neuro-toksic, dia kata. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang mengguna pil ecstasy yang mati ini kebanyakan kerana keracunan air. Sebab mengapa keracunan air, apabila dia haus, pihak yang menjual pil ecstasy ini termasuk setengah-setengah kelab tidak bermoral kerana dia jual pil ecstasy dengan mahal kemudian dia jual air mineral dengan mahal juga, kerana mereka ini haus, bila haus minum dengan banyak, kerana minum dengan terlalu banyak dan tidak tidur sepanjang malam dia minum dan kemudian mendapat keracunan air. Mati kerana keracunan air. Yang Berhormat Chenderoh tak berminat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya dengar saya minatlah ni..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sudah tiga minit lebih Yang Berhormat.

**Dr. Teng Seng Giaw:** Dan saya berharap supaya siasatan dibuat oleh pihak kementerian.

**Seorang Ahli:** Gulung-gulung

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak gulunglah ni. Saya hendak gulung sekarang. Suatu siasatan yang lebih menyeluruh terhadap penggunaan semua jenis amphetamine termasuk ecstasy dan untuk mengetahui sebab musabab kematian

penguna pil ecstasy ini. Sebab setahu saya pihak kementerian dan juga pihak Kementerian Kesihatan dan juga pihak Kementerian Dalam Negeri tidak buat penyiasatan yang lengkap mengenai penggunaan pil ecstasy dan pil-pil haram yang lain. Kerana pihak manusia memang ada banyak kelemahan termasuk Chenderohlah, apa yang baik dan yang kuat untuk kebaikan adalah juga kuat untuk kejahatan, itulah masalah Chenderoh sekarang. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Tuaran.

6.22 Ptg.

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangkit untuk membahas Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998 ini sudah tentulah saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana ini membayangkan kesedaran masyarakat betapa bahayanya dadah yang melanda masyarakat negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin bangkit di sini terlebih dahulu tentang senarai ataupun senarai dadah yang dimaksudkan di dalam pindaan ini yang mana semuanya very scientific dengan izin kerana adalah mustahil bagi pegawai-pegawai polis untuk membawa semua definisi-definisi di situ bila menjalankan tugas. Jadi bagaimanakah boleh mereka mengambil tindakan kecuali sesudah dihantarkan ke makmal Chemistry Department dengan izin.

Jadi bukankah lebih wajar kalau definisi ini diperluaskan di mana kalau seseorang itu didapati memiliki atau pun mengedar dadah yang mempunyai implikasi yang membahayakan kesihatan masyarakat hendaklah dikenakan tindakan undang-undang ataupun hukuman seperti yang diperuntukkan dan tidak mahu mengkhususkan definisi drugs seperti yang dipaparkan di dalam peruntukan yang dicadangkan ini. Itu hanyalah satu cadangan dan terpulang kepada pihak kementerian untuk mengkajinya supaya menyenangkan lagi pihak berkuasa menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat malang sekali oleh kerana dalam pembangunan negara kita lebih maju di dalam pembangunan, masalah dadah ini juga bertambah rumit dan yang lebih menyedihkan lagi ialah seperti yang diperkatakan oleh sahabat-sahabat yang lain iaitu kaum belia atau remaja menjadi mangsa. Mereka ini adalah harapan kita untuk meneruskan agenda negara untuk membangun. Tetapi malangnya ada pula petualang-petualang yang mahu merosakan mereka. Saya rasa sangkaan dibuat oleh seorang sahabat bahawa ada agenda merosakan bangsa khususnya di dalam negara kita ini adalah satu perkara yang sangat merungsingkan kerana saya fikir tidak ada agenda seperti itu. Ia hanyalah fenomena yang harus diambil kira, kenapa fenomena itu berlaku? Untuk kita mengatasi masalah itu haruslah diambil kira penyelidikan kenapa itu berlaku, penting tetapi jangan ada sebelum kita membuat kajian ada pula sangkaan jahat bahawa ada agenda bangsa-bangsa atau lain untuk menghancurkan bangsa-bangsa atau etnik lain. Saya fikir kalau kita mempunyai pandangan begitu serong seperti itu sukar untuk kita mengatasi masalah. Ia boleh bertambah rumit sebelum kita boleh selesaikan ini. Tapi saya setuju bahawa satu kajian mengapa fenomena ini berlaku, perlu dijalankan oleh kementerian.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, masalah di mana Pegawai-pegawai Penguatkuasa pula yang terlibat di dalam pengedaran dadah. Saya ambil contoh misalnya di Sabah yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Kubang Krian dan juga Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Polis yang beliau dan saya bersetuju dengan beliau, sangat memalukan di mana Timbalan Penguasa Antinarkotik Unit dengan izin, di bahagian polis, dia sendiri terlibat di dalam pengedaran dadah dan saya harap ini bukanlah on the tip of the iceberg, dengan izin. Satu penyiasatan menyeluruh haruslah dilakukan dalam pembongkaran itu oleh kerana saya difahamkan kontena yang membawa narkotik itu datang dari Penang dan di bawa ke Sabah. Jadi, persoalannya bagaimanakah kuantiti begini banyak boleh dilepaskan dari Penang oleh pihak berkuasa di situ dan bagaimanakah ini boleh masuk ke Sabah tanpa dikesan oleh pihak berkuasa Kastam atau pun Marin oleh kerana di dalam kontena yang besar. Jadi, saya mintalah pihak kementerian yang berkenaan untuk membuat penyelidikan dan

penjelasan bagaimana ini boleh berlaku dan saya difahamkan juga bahawa ini hanya sebahagian daripada kejadian dan ini penting untuk diambil kira atau pun dibuat penyelidikan juga, kenapa ini boleh berlaku? Mereka yang diharapkan untuk menjaga atau pun menghapuskan pengedaran dadah ini pula terlibat, tidak kurang seperti "harapkan pagar, pagar pula makan padi".

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tentang masalah pengedaran syabu yang berluasa di Sabah. Kita semua faham seperti keluhan dari Tawau dan juga Labuan di mana pembawa syabu ini adalah daripada negara jiran dan masalah timbul oleh kerana pendatang asing boleh datang dengan sesuka hati dan merekalah yang membawa syabu ini masuk, mereka juga yang menggunakannya tetapi boleh merebak kepada masyarakat tempatan dan masalah ini perlu ditangani dan cadangan ialah supaya jangan dibiarkan masyarakat atau pun rakyat asing masuk ke negara kita ini tanpa izin, oleh kerana mereka sukar dikawal ataupun tidak dikawal maka mereka boleh membawa berbagai dadah dalam negara kita ini yang boleh menghancurkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini cukup dari segi pengedaran dadah tetapi saya ingin menyentuh sedikit tentang penguatkuasaan undang-undang, iaitu, walaupun kita mahu bahawa undang-undang itu perlu dijalankan dengan berkesan dan hukuman juga hendaklah setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan, tetapi satu fenomena atau plan, dengan izin, ialah di mana Peguam Negara juga terus menulis surat kepada "Lord President", dengan izin, supaya mengenakan hukuman yang ditentukan di dalam satu-satu kes. Dan demikian juga Menteri menulis surat kepada pihak kehakiman untuk meminta supaya sesuatu tindakan dikenakan. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua masih ingat, sebagai seorang Hakim dulu, Tuan Yang di-Pertua mengenakan hukuman berasaskan fakta-fakta yang dikemukakan dan bukan berasaskan dorongan atau tekanan dari mana-mana pihak.

Tetapi kalau sudah ada tekanan begitu, saya rasa amat malang dan "if this were to spread to the other part of judiciary system" boleh merosakkan sistem perundangan kita. Dan saya fikir ini tidak boleh dibiarkan, biarlah pihak kehakiman menggunakan budi bicara untuk mengenakan "sentence" sebagaimana yang difikirkan setimpal dan hanya kalau betul-betul hukuman itu tidak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa, sudah cukup.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan gulung. Kalau hukuman dikenakan tidak setimpal maka barulah pihak Pendakwa Raya ataupun Attorney General kita mahu merayu seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang, tetapi jangan menggunakan tekanan sebelum sesuatu perkara itu timbul.

Dengan demikian, saya mohon menyokong, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Teluk Intan, selepas itu Menteri menjawab.

6.33 petang

**Tuan M.Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya. Seperti yang kita semua maklum dadah adalah satu perkara yang sangat serius di negara kita. Walaupun saya sendiri percaya bahawa kerajaan telah membuat banyak perubahan dan banyak polisi yang tertentu untuk membasmikan penyalahgunaan dadah di negara ini, akan tetapi mereka tidak berjaya dengan sepenuhnya. Ini adalah kerana implementasi undang-undang yang ada di negara ini.

Saya juga difahamkan bahawa untuk setiap satu orang penagih dadah, terdapat lebih kurang 3 ke-5 orang dependant, yang ada kena mengena, atau tidak dapat dipastikan oleh kerajaan, bahawa mereka itu ada terlibat dalam penggunaan dadah. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini saya sendiri telah mendapat

aduan dan telah berjumpa di beberapa forum yang telah dianjurkan di negara ini bahawa ramai remaja yang terlibat.

Yang lebih menghairankan ialah remaja-remaja itu adalah perempuan, yang banyak terlibat dalam hal-hal penyalahgunaan dadah. Jadi saya harap bahawa satu tindakan dapat diambil untuk membasmi perkara ini.

Saya percaya, walaupun saya telah membangkitkan perkara ini sebelum ini di Dewan yang mulia ini, bahawa kebanyakan perkara ini terjadi oleh kerana kawalan di sekolah-sekolah sangat kurang. Walaupun saya sendiri percaya bahawa ramai guru-guru berusaha dalam hal ini, akan tetapi oleh kerana ibu bapa tidak memberi masa yang cukup untuk menjaga anak-anak mereka, maka perkara ini terjadilah, bukan sahaja di satu sekolah, tetapi di banyak sekolah.

Di kawasan saya sendiri ramai murid-murid terlibat - bila saya kata 'ramai' itu kalau dalam satu ribu, mungkin 10 atau 15 - itu pun cukup, kerana dalam 10 ke 15 orang dari 1,000 murid yang terlibat dalam penggunaan dadah, bukan dadah yang serius, tapi dadah ganja dan sebagainya, ada yang menggunakan pil-pil, tetapi di kawasan saya sendiri yang boleh dikatakan di luar bandar - di kawasan saya pun dikatakan ramai murid-murid yang dapat dadah macam ini.

Jadi saya hendak tahu, macam manakah, dan sebab apakah mereka ini dapat dadah macam ini? Dan di mana mereka dapat wang untuk membeli pil-pil ini? Dan apakah tindakan kerajaan dalam hal ini? Walaupun kita selalu mengatakan bahawa guru-guru dan ibu bapa perlu memberi perhatian dalam hal ini, akan tetapi kalau gejala penggunaan dadah, dan dadah senang diperolehi, perkara ini susah hendak dielakkan dari didapati oleh murid-murid sekolah. Jadi, saya hendak tahu, apakah dasar kerajaan dalam hal ini?

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 6 di mana saya sendiri percaya Fasal 6 ini adalah satu perkara yang baik kandungannya. Akan tetapi saya rasa kalau ia dihadkan dan tidak kena kepada seksyen 6B dan 39B dan 39A. Tidak - seksyen 39A tidak kena. Saya rasa ini tidak berpatutan. Ini adalah kerana kalau seorang itu adalah kurang dari 18 tahun dan dia adalah seorang trafficking dadah, dia tidak tahu mengenai hal ini, macam manakah serius mengenai hal ini, dan kalau dijatuhkan hukuman mati dan sebagainya, tidaklah berpatutan.

Saya harap perkara ini akan dikaji dan mungkin Yang Berhormat Menteri dapat mengatakan sesuatu supaya fasal ini dapat dikaji balik, atau mungkin dihantar ke select committee, masih tidak lambat lagi. Saya harap perkara ini di pertimbangkan, kerana kita semua tahu, kita semua kebanyakan ada anak-anak, di mana bila anak itu kurang dari 18 tahun umumnya, ada sekali sekala dia terikut atau telah tertipu oleh kawan-kawan mereka, di mana mereka terlibat dalam hal-hal ini.

Jadi, kalau kita katakan mereka telah dewasa, lebih dari 18 tahun umurnya, di mana mereka mengetahui apakah sifat dan akibat perbuatan mereka. Itu cerita lain. Jadi, di mana mereka itu kurang dari 18 tahun, saya berpendapat bahawa mereka tidak patut disabit dengan kesalahan yang serius, tetapi dibenarkan di paragraph yang akhir. Dengan izin, saya baca:

*"The Court may, if it is satisfied that such person is a drug dependant as certified by a government medical officer or a registered medical practitioner and that it is inexpedient to inflict the punishment provided, deal with such person under section 6 of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983."*

Saya pohon bahawa semua orang, tidak kira umur dan tidak kira berapa serius, asalkan mereka kurang dari 18 tahun, kalau disabit salah di Mahkamah, mengikut akta ini dibenarkan di bawah seksyen 6, Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai seksyen 3 dan 4, Drug Dependants Act yang ada kena mengena di sini di bawah Fasal 7 di mana kerap kali pihak-pihak berkenaan menggunakan kuasa dengan senang-

senang. Ini adalah kerana di section 3 Drug Dependants Act, sangat-sangat senang untuk seseorang ini ditangkap dan disimpan di lock-up, walaupun di segi undang-undang mereka perlu mendapat perintah dari majistret dalam tempoh 24 jam selepas seseorang disyaki ada kena mengena dengan penyalahgunaan dadah. Walaupun sedemikian, yang menjadi masalah adalah bila mereka ditahan di bawah peruntukan tersebut, disimpan di lock-up polis di mana saya difahamkan semua lock-up polis di negara ini adalah digazetkan sebagai sebagai detoxification lock-up area.

Sebenarnya hajat akta mula-mula dibentangkan adalah bila seseorang ditangkap di bawah seksyen berkenaan dan ditahan untuk 14 hari, mereka sepatutnya dihantar ke hospital untuk dirawat dan di masa itu doktor-doktor dapat tahu apakah withdrawal symptom dan sebagainya supaya dapat menganalisa dan mengambil tindakan pada masa itu. Tetapi apa yang terjadi sekarang adalah mereka disimpan di lock-up polis dan saya difahamkan doktor-doktor tidak langsung datang ke lock-up polis untuk berjumpa dan berbual dengan mereka untuk mengetahui apakah masalah "why this withdrawal symptom" kerana saya difahamkan bila seseorang mengambil dadah, dalam sistem badannya akan ada dadah untuk tempoh 72 jam. Jadi dalam tempoh ini "withdrawal symptom" ini dapat dianalisa, apakah sebab, macam mana untuk mencari jalan.

Tetapi oleh kerana kekurangan wang dan tempat di hospital, dan di lock up polis, mereka disimpan sahaja di sana. Dan sekarang apa yang terjadi baru-baru ini apabila mereka ditangkap, air kencing mereka dihantar ke hospital untuk dianalisa. Tetapi apa yang terjadi bukan pegawai perubatan yang mengambil air keching ini tetapi pegawai polis sendiri yang tidak ada kelayakan mengambilnya. Di sini ada loop-hole dan saya harap tindakan yang tegas akan dapat diambil. Dari segi aspirasi akta ini, saya harap mereka dihantar terus ke hospital dan dianalisa di sana dan diberi perubatan atau apa-apa yang mereka perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, seperti yang dikatakan semalam oleh Yang Berhormat Menteri "diharapkan pagar, pagar makan padi". Ini telah disalurkan oleh beberapa Ahli Parlimen mahupun pihak pembangkang atau dari Barisan bahawa perkara ini sangat menjadi-jadi di merata-rata tempat, di mana kita percayai mereka mengambil hal-hal yang mementingkan atau memberi satu perkara macam ini tidak terjadi, orang yang dipercayai, tetapi walaupun telah dinafikan oleh kerajaan sebelum ini saya dengan suka hati hari ini bila saya nampak satu seksyen di Fasal 3(b) untuk membawa supaya pihak-pihak yang dengan izin, "public officer employed at any prison, rehabilitation centre, police lock-up or place of detention shall, on his conviction,...." bermakna kerajaan sendiri telah sedar bahawa perkara ini sangat rumit dan saya harap tindakan yang tegas dapat diambil. Saya sendiri telah diberi aduan bahawa bila pengguna dadah berada di lokap, mereka dapat menggunakan handphone untuk menghubungi pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, saya tahu walaupun ini bukan semestinya bidang kuasa Yang Berhormat Menteri, tetapi 'over-lapping'.

Saya harap tindakan dapat diambil kerana saya juga difahamkan di lokap, di lokap Ipoh yang saya tahu di mana saya sendiri diberitahu bahawa sangat senang untuk memperolehi dadah. Dan dengan izin, 'exchange of money' sangat senang, walaupun aduan ini saya terima di mana beliau mengatakan kepada saya, bila saya ada di lokap, nasib baik keluarga saya boleh beri sedikit duit untuk membeli makanan yang baik. Saya tidak hisap dadah, tetapi dia kata, bila dia ada di lokap, senang memperolehi, sangat senang. Jadi, saya harap perkara macam ini dapat dielakkan dan satu uniform.

Saya rasa kita semua tahulah di bahagian ini kita nak beritahu katakan kerajaan tidak membuat siasatan, saya adalah seorang yang tahu bahawa kerajaan banyak mengatasi masalah ini. Tapi, masalah yang terjadi adalah mungkin seperti yang dikatakan oleh ramai Ahli Parlimen, kakitangan yang diambil oleh kerajaan tidak ada prestasi yang baik, tidak ada kualifikasi yang baik, dan dalam hal ini kita nak menghapuskan ini sekali gus bukan senang. Jadi, kita perlu berusaha, atau macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Siput, bila orang curi air, meter

readers perlu tukar, tukar bawa orang yang baru mungkin sebagai di lokap-lokap perlu selalu membawa orang-orang baru supaya perkara ini tidak terjadi.

Akhir sekali, yang saya sendiri tahu adalah 'first offender' iaitu, dengan izin first offender yang telah diperdayakan atau telah terlibat dalam penggunaan dadah pun disimpan di lokap, di mana 'hardcore' pun ada. Jadi, inilah di mana tindakan perlu diambil supaya mereka diasingkan. Saya sendiri tahu di mana satu kes yang saya jalankan, di mana 'juvenile' masa dia ada di lokap, dia dibenarkan untuk merokok. Jadi, perkara macam ini kalau kita benarkan dan tidak mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak yang berkenaan, dia akan membawa satu perkara yang buruk dan kalau akta-akta macam ini diubahsuai atau diubah tidak akan ada makna yang baik untuk negara ini. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jawapan daripada kementerian. Yang Berhormat, ada 12 orang. Kalau boleh, pada pendengaran saya kebanyakan perbahasan yang dikeluarkan itu lebih kurang sama dan sekiranya boleh, Yang Berhormat rangkumkan jangan mengambil masa yang terlampau panjang kerana kita hanya ada tiga hari sahaja.

6.45 ptg

**Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]:** Ya, saya ambil ingatan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong, Tawau, Jelutong, Machang, Kemaman, Kubang Kerian, Batang Lupar, Labuan, Gelang Patah, Kepong, Tuaran dan Teluk Intan yang mengambil penyertaan dalam perbahasan dalam Rang Undang-Undang ini.

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah menyokong peruntukan-peruntukan yang kita cadangkan pada Dewan yang mulia ini. Saya hendak rujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan anggapan yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat daripada Jelutong, iaitu mengenai 'check and balances' di dalam undang-undang dan dalam mahkamah untuk menjamin keadilan kepada si tuduh. Tuan Yang di-Pertua, anggapan ini telah pun diadakan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952, sejak lama lagi. Perkara ini telah pun dibahaskan banyak kali. Kerap kali di forum-forum lain dan anggapan ini sedia wujud dalam undang-undang dadah di Singapura dan perlu digunakan lagi di negara kita. Untuk menangani masalah dadah yang semakin berleluasa di negara ini, anggapan ini masih diperlukan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama mahkamah biasanya oleh kerana kalau andaian ini digunakan dan diterima oleh mahkamah, mahkamah masih hendak 'the prosecution', bukan prosecution, andaian ini boleh di "rebounded" oleh si tuduh dan beban masih di atas bahu pendakwa untuk membuktikan bahawa 'custody atau control' sebelum andaian pemilikan boleh diaplikasikan. Sebelum andaian untuk penilaian boleh digunakan, pemilikan terlebih dahulu mesti dibuktikan juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Pendakwa Raya lwn. Mohamad bin Hassan, satu keputusan Mahkamah Persekutuan, di mana Yang Berhormat dari Jelutong mengambil penyataan sebagai peguam kepada si tuduh, Yang Arif Chong Siew Fai, pernah memutuskan dan saya petik: "*the prosecution cannot rely on both the presumption, i.e. possession and therefore deem to have knowledge and under (da), trafficking together. There can only be one presumption resorted to in one case, therefore the effect of presumption has been applied with great care and caution*", oleh mahkamah-mahkamah kita. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, mahkamah kita memandang serius mengenai andaian ini dan dengan sendirinya memberikan 'check and balances' mengenai andaian yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang mencadangkan penagih dadah yang baru pertama kali menagih diasingkan daripada penagih-penagih dadah hard-core. Untuk makluman Yang Berhormat Majlis Dadah Kebangsaan telah mengarahkan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) Kementerian Dalam Negeri supaya

hard-core. Untuk makluman Yang Berhormat Majlis Dadah Kebangsaan telah mengarahkan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) Kementerian Dalam Negeri supaya memperkenalkan dan melaksanakan sistem klasifikasi pusat serenti mengikut kategori penagih-penagih dadah. Pihak ADK telah pun mula melaksanakan sistem mengklasifikasikan Pusat Serenti tersebut kepada lima klasifikasi. Antaranya Pusat Serenti untuk penagih dadah yang ringan dan penagih dadah yang tegar.

Yang Berhormat dari Machang juga menimbulkan perkara mengenai mencadangkan peruntukan rang undang-undang diwujudkan untuk melibatkan tanggungjawab ibu bapa penagih untuk menyara kos saraan anak-anak mereka yang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan undang-undang yang menghendaki ibu bapa menyara kos sara anaknya yang dimasukkan ke pusat serenti sudah ada di dalam seksyen 22(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) tahun 1983.

Walau bagaimanapun, sebelum seorang majistret mengeluarkan sesuatu perintah yang menghendaki seseorang ibu bapa penagih membayar apa-apa amaun terhadap kos saraan semasa anaknya berada di pusat serenti, majistret itu hendaklah menimbang latar belakang dan kemampuan ibu bapa berkenaan berhubung dengan keupayaannya untuk menyara kos saraan anaknya di pusat serenti.

Yang Berhormat dari Kemaman mencadangkan supaya program kaedah merawat pulih penagih-penagih dadah di pusat serenti dan di dalam masyarakat hendaklah dikaji semula demi untuk mempertingkatkan kadar kejayaan program pemulihan.

Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) dan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) pada awal tahun 1996 sebagai langkah tegas untuk meningkatkan keberkesanan jentera kerajaan menangani masalah dadah di negara ini. MDK dan ADK telah merangka beberapa dasar, strategi dan beberapa pendekatan baru bagi memantapkan keberkesanan program merawat pulih penagih-penagih dadah. Antaranya ialah:

- (a) melaksanakan sistem klasifikasi pusat serenti seperti yang saya katakan tadi;
- (b) memperkenalkan sistem pengawasan penagih-penagih dadah di dalam komuniti melalui penglibatan anggota-anggota Polis Diraja Malaysia di samping mengenakan syarat-syarat dan hukuman-hukuman yang lebih ketat;
- (c) menjalankan kajian ke atas penggunaan kaedah (medication) seperti ubat-ubatan 'viva' dan naltrexone sebagai compliment kepada pendekatan cold turkey yang diamalkan sekarang;
- (d) menubuhkan pusat khidmat di pejabat-pejabat ADK daerah untuk memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk penagih-penagih dadah untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan;
- (e) mengehadkan kapasiti semua pusat serenti kepada 500 orang sahaja bagi setiap pusat serenti; dan
- (f) menghantar pegawai-pegawai kaunselor untuk mendapatkan latihan kemahiran dengan kerjasama universiti-universiti tempatan.

Yang Berhormat dari Kemaman juga ingin tahu prosedur pelaksanaan kajian ubat naltrexone sebagai rawatan sokongan kepada penagih-penagih yang menerima rawatan. Untuk makluman Yang Berhormat, ADK dengan Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Kesihatan telah menggariskan garis panduan mengenai prosedur pelaksanaan kajian penggunaan naltrexone seperti berikut:

- (i) mereka yang menawarkan diri secara sukarela untuk menyertai kajian akan diberi keutamaan;
- (ii) mereka mesti bermotivasi tinggi;
- (iii) mereka mesti bebas daripada penyakit-penyakit kronik;
- (iv) disahkan oleh pegawai perubatan bahawa penagih berkenaan sesuai atau fix;
- (v) untuk mengambil naltrexone; dan
- (vi) mendapatkan sokongan dan komitmen daripada keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur pelaksanaan kajian naltrexone, penagih-penagih dadah yang menyertai kajian ini akan diberikan ubat naltrexone pada dua peringkat. Peringkat pertama, semasa berada pada bulan terakhir tempoh penahanan mereka di pusat serenti sebagai langkah untuk membiasakan mereka dengan ubat tersebut. Peringkat kedua, kes kajian akan diberikan ubat yang sama iaitu naltrexone semasa mereka menjalani perintah ataupun program pemulihan di dalam komuniti selama dua tahun. Di peringkat kedua ini bantuan sokongan dan komitmen ahli-ahli keluarga amat diperlukan dan mustahak supaya kes-kes kajian terus mengambil ubat naltrexone mengikut dos-dos yang telah ditetapkan. Di peringkat ini juga pegawai-pegawai kaunselor dari ADK akan terus memberikan perkhidmatan kaunseling, motivasi, sokongan moral dan kekuatan mental kepada kes-kes kajian supaya mereka tidak give-up dengan izin, untuk menamatkan kajian ini.

Mengenai bahan-bahan psycotropy yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kemaman pula bahan-bahan sycotropic dikawal di bawah peraturan-peraturan racun, bahan-bahan psycotropy tahun 1989. Penalti yang dikenakan ialah RM10,000.00 dan; atau dipenjarakan tidak melebihi 4 tahun. Bahan-bahan psycotropy seperti amphetamine telah dimasukkan dalam Dangerous Drug Act melalui Rang Undang-undang yang kita kemukakan dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang lain yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kemaman iaitu ubat batuk. Mengenai perkara ini ubat batuk codeine adalah sejenis ubat batuk yang dikawal sebagai dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Keluaran ubat yang mengandungi codeine atau preparation yang mengandungi codeine yang mana satu unit dosage mengandungi tidak melebihi 100 miligram untuk tujuan rawatan adalah dikecualikan daripada kawalan Akta Dadah Berbahaya 1952 dan sekarang dikawal di bawah Akta Racun 1952. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan bekalan dan mencegah pemesanan ubat batuk yang mengandungi codeine ke pasaran haram termasuk:

- (i) mengharamkan import keluaran yang mengandungi codeine sejak 1 Januari 1996;
- (ii) mengehadkan saiz ubat batuk yang mengandungi codeine ke 60 mililiter dan 120 mililiter sahaja dan tidak membenarkan bungkusan 3.8 liter yang digunakan sebelum tahun 1996;
- (iii) tidak membenarkan epidural dalam formula ubat batuk yang mengandungi codeine sejak 1 Januari 1996 kerana epidurane juga boleh meningkatkan kesan ubat batuk ini dengan enhancing the effect untuk enhance kesan khayalan di kalangan pengguna.
- (iv) mengenalkan dan mengurangkan kuota bahan mentah codeine yang diimport oleh pengilang yang berlesen.
- (v) Ubat batuk yang mengandungi codeine dalam bungkusan pack besar telah dihadkan bilangan pembekal ubat batuk yang mengandungi codeine. Hanya pengilang atau sebuah syarikat pengedar bagi pihak

pengilang berkenaan boleh membekal kepada klinik-klinik dan farmasi runcit. Dalam 3.0 liter, dan 3.0 liter masih dikesan dalam pasaran haram. Ubat batuk dalam pack ini adalah haram. Kementerian Kesihatan meningkatkan pe'monitor'an penjualan dan bekalan di peringkat pengilang, klinik dan farmasi. Kementerian Kesihatan sedang menggubal pindaan kepada Akta Racun 1952 supaya mengetatkan lagi kawalan dan meningkatkan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang mengatakan hukuman di bawah Akta Racun 1952 rendah untuk menangani penagihan ubat batuk yang mengandungi codeine, yang itu saya sudah jawab. Akta Racun 1952 ini akan dikaji semula agar kita boleh mengenakan hukuman yang lebih berat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kemaman juga hendak tahu apakah peranan hospital dalam rawatan penagih dadah dan lain-lain perkara. Izinkan saya jawab, program penagihan dadah adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Peranan Kementerian Kesihatan adalah dari segi:

- (a) menjalankan ujian saringan dan ujian kepastian (screening and comformatory test) dadah;
- (b) rawatan detoksifikasi pada peringkat awal pemulihan. Peranan ini telah berkurangan sejak pusat-pusat Serenti ditubuhkan. Walau bagaimanapun, hospital-hospital Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa memberikan rawatan kepada sebilangan kecil penagih dadah yang datang secara sukarela ke hospital kita untuk menggunakan ubat naltrexone;
- (c) rawatan yang diberikan adalah secara pesakit luar sahaja. Berbanding dengan program pemulihan pusat Serenti belum dibuat. Hospital pada umumnya tidak memberi rawatan secara pesakit dalam, kecuali bagi rawatan detoksifikasi di mana cuma sebilangan kecil hospital mempunyai kemudahan yang lengkap atau mempunyai wad detoksifikasi yang berasingan. Kesan sampingan naltrexone adalah kurang dan tidak serius seperti pening-pening kepala, abdominal discomfort, kesan sampingannya adalah antara lain kerosakan 'hepar', tetapi ini jarang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupar menimbulkan persoalan mengapa kebanyakan daripada penagih dadah di negara kita terdiri daripada kaum/bangsa Melayu. Sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa ADK tidak pernah menjalankan kajian yang khusus mengenai mengapa atau sebab-sebab yang menyebabkan begitu ramai anak Melayu terlibat dengan penagih dadah. Oleh itu, ADK tidak dapat menyatakan secara spesifik sebab-sebab faktor yang mempengaruhi fenomena tersebut. Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, iaitu sudah sampai masanya oleh kerana 76% daripada semua penagih dadah terdiri daripada kaum Melayu, agar satu kajian yang mendalam perlu dijalankan untuk mengetahui kenapa sebab-sebabnya anak-anak orang Melayu terlibat begitu banyak dalam penyalahgunaan dadah.

Kes yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran mengenai ubat batuk daripada Pulau Pinang yang dirampas di Sabah. Consignment ubat batuk yang dikesan dan dirampas di negeri Sabah adalah satu kes hasil daripada ikrar palsu yang dibuat oleh para peniaga itu. Kes ini sedang disiasat oleh Jabatan Polis. Kementerian Kesihatan juga mengambil tindakan susulan selepas siasatan polis.

Yang Berhormat dari Teluk Intan pula tanya apa sebab pengecualian di Fasal 6 mengenai kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 6B atau 39B. Untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah yang semakin berleluasa, peruntukan seperti di Fasal 6 adalah perlu. Peruntukan ini memastikan supaya orang awam bawah 18 tahun tidak dipergunakan atau diperalatkan untuk melakukan

pengedaran dadah. Oleh itu, mereka hendaklah bertanggungjawab atas tindakan mereka jika mereka menceburkan diri dalam pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tuaran pula ingin tahu mengapa nama-nama dalam 14 jenis perangsang - amphetamine itu nama-nama spesifik. Bagaimana polis hendak mengambil tindakan, kecuali polis hantar dadah untuk dianalisa. Cadangan oleh Yang Berhormat untuk meluaskan peruntukan ini kepada dadah yang dipreskripsi oleh doktor. Jawapannya, memandangkan hukuman yang berat dikenakan di bawah Akta Dadah Berbahaya, nama-nama dadah perlu spesifik supaya kesalahan kerana dadah berbahaya sahaja dikenakan hukuman yang berat seperti hukuman maut.

Itulah sahaja yang dapat saya menjawab setakat ini, dan sekali lagi saya hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Kalau ada soalan-soalan yang saya tidak dapat menjawab, saya minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.10 mlm.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan berhubungan dengan Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini diperkenalkan bagi menggantikan Penggantungan Pemakaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor tahun 1952 dan juga rujukan kepada Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang digunakan oleh Mahkamah Sivil di dalam mengendalikan percicaraan kes-kes mal atau sivil di Mahkamah Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Rang undang-undang ini telah digubal oleh Jawatankuasa Penyelaras Undang-undang Sivil dan Syarak. Di dalam menggubal rang undang-undang ini, jawatankuasa telah menimbangkan pelbagai aspek agar perjalanan kes-kes Mal di Mahkamah Syariah dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, rang undang-undang ini menerangkan cara sesuatu tuntutan mal itu dimulakan di Mahkamah Syariah sehinggalah ianya dilupuskan oleh mahkamah.

Rang undang-undang ini terbahagi kepada 25 Bahagian dan mengandungi 248 Fasal.

Bahagian I dan II mengandungi peruntukan-peruntukan dan kesan ketidakpatuhan sesuatu prosiding mal.

Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai cara memulakan sesuatu prosiding mal.

Bahagian IV memperuntukkan pihak-pihak di mana prosiding.

Bahagian V memperuntukkan mengenai peranan Peguam Syarie.

Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penyampaian dokumen dan pleading .

Bahagian VII menerangkan proses interpleader.

Bahagian VIII menerangkan bentuk-bentuk pleading , contohnya penyata tuntutan dan pembelaan.

Bahagian IX menerangkan peruntukan-peruntukan mengenai pindaan kepada suatu dokumen.

Bahagian X mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penzahiran dokumen dan fakta.

Bahagian XI mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai pemindahan prosiding mahkamah.

Bahagian XII mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penyelesaian, penarikan balik dan pemberhentian tindakan.

Bahagian XIV menerangkan pemberian keterangan di mahkamah.

Bahagian XV menerangkan mengenai pendengaran kes-kes mal di mahkamah.

Bahagian XVI pula menerangkan peruntukan-peruntukan mengenai penghakiman dan perintah.

Bahagian XVII menerangkan mengenai rayuan.

Bahagian XVIII pula menerangkan mengenai penguatkuasaan penghakiman.

Bahagian XIX mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai pengagihan hasil jualan pelaksanaan di kalangan pemiutang penghakiman.

Bahagian XX pula mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai prosiding entro looktory dan perintah intrade.

Bahagian XXI menerangkan mengenai kuasa hakim dan pendaftar.

Bahagian XXII memperuntukkan mengenai wang dan harta dalam mahkamah.

Bahagian XXIII menerangkan mengenai kos dan bayaran mahkamah.

Bahagian XXIV mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penghinaan mahkamah.

Bahagian XXV pula memperuntukkan mengenai peruntukan-peruntukan pelbagai. Antaranya bahasa, borang, salinan yang diperakui, fee, deposit dan perbelanjaan, memberi jaminan kehadiran diri dan penggunaan hukum syarak.

Kesimpulannya, dengan adanya rang undang-undang ini, perbicaraan kes-kes mal atau sivil akan dapat dijalankan dengan kemas dan teratur. Ianya akan menjadi bahan rujukan kepada negeri-negeri yang lain di Malaysia yang masih ketiadaan undang-undang ini.

Dengan demikian, hasrat kerajaan untuk menyelaraskan segala undang-undang Islam yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan berhubungan dengan Tatacara Mal bagi Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 248** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual Pertama dan Jadual Kedua** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 1998**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.18 mlm.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, negara memerlukan suatu angkatan tenaga kerja yang produktif dan dinamik untuk menggerakkan proses pembangunan negara ke arah matlamat dan wawasan yang dihasratkan. Tidak syak lagi Undang-undang Buruh memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan keperluan negara tersebut.

Justeru itu, Kementerian Sumber Manusia telah membuat kajian semula ke atas Rang Undang-undang Buruh Utama iaitu Akta Kerja 1955 (Employment Act 1955), dengan izin, bagi tujuan mengubahsuai dan mengemaskinikan objektif dan fungsi undang-undang tersebut supaya berorientasikan pembangunan yang menjurus ke arah keperluan matlamat dan wawasan pembangunan negara.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Akta Kerja 1955 merupakan sebuah undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan di antara majikan dan pekerja di sektor swasta. Ia mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak pekerja dan standard-standard minimum berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan.

Perlindungan di bawah akta ini dinikmati oleh pekerja-pekerja bukan manual yang bergaji tidak melebihi RM1,500 sebulan dan bagi pekerja-pekerja manual pula tanpa had gaji. Objektif utama akta ini ialah untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah khususnya yang tidak berkesatuan sekerja dan kurang berkeupayaan untuk berunding dengan majikan mereka untuk mendapatkan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik.

Akta ini berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja kerana di negeri Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang buruh yang berasingan. Semenjak Akta Kerja 1955 berkuatkuasa pada tahun 1957, ianya telah dipinda beberapa kali selaras dengan perubahan masa dan keadaan. Pindaan terakhir sebelum ini adalah pada tahun 1989. Keadaan semasa memerlukan akta ini dipinda sekali lagi bagi tujuan memantapkan peranannya dalam pembangunan negara khususnya untuk memberi dimensi baru kepada suatu akta yang berorientasikan perlindungan (protection-oriented) kepada suatu akta yang berorientasikan pembangunan (development-oriented).

Pada amnya pindaan cadangan-cadangan yang dibuat boleh dibahagikan kepada 8 kategori mengikut objektif-objektif seperti berikut:-

- (i) memajukan perlindungan pekerja yang positif;
- (ii) menggugurkan unsur-unsur perlindungan pekerja yang negatif;
- (iii) memudahkan industri memperkenalkan sistem upah berasaskan produktiviti;
- (iv) menggalakkan penyertaan tenaga kerja terbiar ataupun berkurangan kerja di dalam pasaran buruh (under employed);
- (v) mengurangkan ketegaran untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan melicinkan pentadbiran dalam industri;
- (vi) menghapuskan kekaburan dan peruntukan lapuk serta mengemaskinikan peruntukan lama;
- (vii) memperbaiki kaedah dan sistem pentadbiran undang-undang; dan
- (viii) mengawal penggajian pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah objektif pertama iaitu memajukan perlindungan pekerja yang positif bermula dengan pindaan di bawah Fasal 5.

Cadangan pindaan di bawah Fasal 5 bertujuan untuk mengehendkan tempoh masa seseorang pekerja boleh digantung kerja atas hukuman salah laku. Pada masa sekarang terdapat majikan yang menggantung kerja pekerja-pekerja mereka tanpa gaji bagi tempoh yang tidak munasabah. Bagi mengatasi masalah ini adalah dicadangkan suatu tempoh maksimum selama 2 minggu ditetapkan bagi penggantungan kerja tanpa gaji atas hukuman salah laku. Pindaan ini akan menjelaskan kepada majikan sejauh mana mereka boleh mengenakan hukuman gantung kerja atas sebab salah laku.

Cadangan pindaan di bawah Fasal 11 pula adalah berkaitan perlindungan hak-hak kewangan pekerja apabila majikan jatuh muflis. Pada masa sekarang Akta Kerja 1955 hanya dapat memberi perlindungan yang terhad kepada pekerja-pekerja apabila majikan jatuh muflis. Perlindungan ke atas tuntutan pekerja yang mengatasi tuntutan piutang bercagar atau secured creditors, dengan izin, hanya terhad kepada gaji sebagaimana yang ditafsirkan di bawah akta ini. Menerusi pindaan ini adalah dicadangkan bahawa apabila majikan jatuh muflis, faedah-faedah statutori lain seperti faedah penamatan kerja, bayaran cuti tahunan, bayaran cuti sakit, bayaran cuti am dan bayaran elaun bersalin juga diberi keutamaan pembayaran yang mengatasi hutang bercagar yang bertujuan untuk memastikan pekerja-pekerja tidak akan kehilangan faedah-faedah yang mereka memang berhak memperolehnya di sisi undang-undang walaupun majikan sudah jatuh muflis.

Fasal 12 adalah berhubung dengan tanggungjawab kontraktor utama terhadap gaji pekerja-pekerja subkontraktornya. Pada masa sekarang jika seorang subkontraktor gagal membayar gaji kepada pekerja-pekerjanya, mereka boleh menuntut bayaran gaji daripada kontraktor utama. Bagaimanapun, tuntutan tersebut adalah terhad kepada satu bulan gaji sahaja. Di bawah cadangan pindaan ini, liabiliti pihak kontraktor utama terhadap gaji pekerja-pekerja subkontraktornya adalah ditambah daripada satu bulan kepada tiga bulan. Ini bertujuan untuk memastikan kontraktor utama melaksanakan kawalan ke atas mana-mana subkontraktornya dari segi pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja subkontraktor mereka.

Beralih kepada cadangan pindaan di bawah Fasal 28, adalah dicadangkan supaya had masa bagi pekerja-pekerja untuk membuat tuntutan di bawah Akta Kerja 1955 kerana tidak berpuas hati dengan tindakan majikan atau sebab salah laku dilanjutkan daripada 30 hari ke-60 hari. Ianya bertujuan untuk memberi pekerja masa yang cukup untuk membuat aduan dan juga untuk menyelaraskan tempoh bagi membuat aduan itu agar selari dengan yang diperuntukkan di bawah sebuah akta yang lain, iaitu Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Cadangan pindaan di bawah Fasal ini juga bertujuan untuk mengenakan bayaran faedah ke atas majikan-majikan yang lambat menyelesaikan perintah Mahkamah Buruh. Pada masa sekarang terdapat banyak perintah Mahkamah Buruh yang tidak dipatuhi oleh majikan, malah dalam kebanyakan kes, majikan sengaja melengah-lengahkan bayaran. Bagi mencegah majikan daripada melengahkan bayaran dan untuk memastikan pekerja tidak kerugian, adalah dicadangkan supaya bayaran yang tertunggak itu dikenakan faedah pada kadar 8% setahun. Bagaimanapun, Ketua Pengarah Buruh adalah diberi kuasa untuk mengurangkan kadar faedah atau menangguhkan tarikh permulaan pengiraan faedah tersebut.

Selain daripada itu, cadangan pindaan ini bertujuan untuk menyifatkan kegagalan mematuhi perintah Mahkamah Buruh sebagai satu kesalahan yang boleh didakwa di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan di bawah Fasal 30 adalah berkaitan dengan perluasan fungsi dan kuasa Mahkamah Buruh. Cadangan pindaan ini adalah di antara yang terpenting dan utama dalam usaha kerajaan memajukan perlindungan pekerja yang positif. Pada masa sekarang kuasa Mahkamah Buruh hanya meliputi pekerja-pekerja bukan manual yang bergaji tidak melebihi RM1,500 sebulan dan pekerja-pekerja manual tanpa had gaji. Menerusi cadangan pindaan ini, kuasa Mahkamah Buruh akan diperluaskan untuk membolehkannya membicarakan juga kes-kes tuntutan yang melibatkan pekerja-pekerja yang bergaji di antara RM1,500 hingga RM5,000 sebulan. Perlu ditekankan di sini bahawa peruntukan yang dicadangkan ini hanya melayakkan golongan pekerja berkenaan iaitu yang bergaji di antara RM1,500 hingga RM5,000 sebulan, membuat tuntutan gaji dan lain-lain pembayaran tunai yang diperuntukkan di bawah kontrak perkhidmatan melalui Mahkamah Buruh. Mereka ini, walau bagaimana pun, tidak akan menikmati faedah-faedah lain dalam Akta Kerja 1955.

Untuk makluman daripada maklum balas yang diterima, adalah didapati golongan pekerja yang bergaji di antara RM1,500 hingga RM5,000 sebulan amat memerlukan bantuan Mahkamah Buruh. Sekiranya golongan pekerja ini tidak mendapat perlindungan melalui Mahkamah Buruh, mereka terpaksa menuntut keadilan melalui Mahkamah Sivil yang melibatkan kos yang tinggi dan memakan masa yang panjang. Peruntukan baru ini akan memberikan forum penghakiman yang lebih murah dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan seterusnya akan dicadangkan di bawah beberapa fasal adalah bertujuan untuk mencapai objektif kedua iaitu menggugurkan unsur-unsur perlindungan pekerja yang negatif.

Bermula dengan Fasal 9, ianya adalah berhubung dengan kaedah pembayaran gaji. Akta Kerja 1955 mewajibkan majikan membayar gaji dengan wang tunai. Walau

bagaimanapun, dengan persetujuan pekerja, gaji boleh dibayar melalui akaun bank atau syarikat kewangan atau menggunakan cek. Pada masa sekarang seseorang pekerja boleh menarik balik persetujuan tersebut pada bila-bila masa walaupun tanpa alasan dengan memberi notis secara bertulis kepada majikan. Ini boleh menimbulkan masalah pentadbiran kepada majikan. Untuk mengatasi masalah ini, adalah dicadangkan suatu peruntukan baru diperkenalkan di mana pekerja tidak dibenarkan menahan atau menarik balik persetujuan yang telah diberikan tanpa sebab yang munasabah.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya timbul sebarang pertikaian tentang isu sama ada alasan pekerja untuk menahan atau menarik balik kebenaran tersebut adalah munasabah atau sebaliknya, ianya hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Buruh untuk diputuskan. Keputusan yang akan diturunkan nanti oleh Ketua Pengarah Buruh adalah muktamad. Cara penyelesaian ini adalah baru dan ianya turut terkandung di dalam cadangan pindaan di bawah Fasal 9.

Fasal 13 pula adalah mengenai cuti bersalin mandatori untuk pekerja-pekerja wanita dan pindaan yang dicadangkan ini adalah contoh menyerlah tentang usaha dan hasrat kerajaan hendak menggugurkan unsur-unsur perlindungan pekerja yang negatif. Di bawah peruntukan yang sedia ada, adalah mandatori bagi seseorang majikan untuk memberi sekurang-kurangnya 60 hari cuti bersalin kepada pekerja wanita yang bersalin, tidak kira sama ada pekerja itu berhak atau tidak kepada elaun bersalin dalam tempoh tersebut.

Mengikut undang-undang pekerja-pekerja wanita hanya berhak mendapat elaun bersalin sehingga anak ke-5. Bagi pekerja-pekerja wanita yang tidak lagi berhak kepada elaun bersalin, cuti bersalin mandatori tersebut boleh membebarkannya dari segi kewangan. Adalah dicadangkan supaya suatu peruntukan baru dimasukkan di bawah fasal ini di mana seseorang pekerja wanita tidak lagi berhak kepada elaun bersalin dengan kebenaran majikannya, boleh kembali bekerja lebih awal sebelum tempoh cuti bersalin 60 hari tersebut tamat, dengan syarat pekerja wanita itu telah disahkan sihat oleh seorang doktor dan boleh kembali bekerja. Cadangan pindaan ini akan menguntungkan kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan pekerja dan sekali gus akan membantu meningkatkan produktiviti dalam industri.

Cadangan pindaan seterusnya di bawah Fasal 21 menyentuh perkara berkaitan dengan perkiraan kadar gaji harian ataupun ordinary rate of pay, dengan izin, bagi kerja yang dilakukan pada hari-hari cuti am. Di bawah peruntukan sekarang, perkiraan kadar gaji harian adalah tidak termasuk gaji bagi kerja yang dilakukan pada mana-mana 10 hari cuti am atau mana-mana cuti am gantian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Kerja 1955 menetapkan minimum 10 hari cuti am yang mesti diberi oleh majikan kepada pekerja dalam setahun. Bagaimanapun, banyak majikan di negara ini memberi cuti am yang melebihi 10 hari dalam setahun kepada pekerja mereka. Oleh kerana di bawah peruntukan undang-undang sekarang, hanya 10 hari cuti am sahaja tidak perlu dimasukkan ke dalam perkiraan kadar gaji harian, maka majikan-majikan dikehendaki memasukkan gaji bagi kerja cuti am yang melebihi 10 hari ke dalam perkiraan kadar gaji harian. Akibatnya, majikan terpaksa menanggung liabiliti yang lebih tinggi dari segi perkiraan kadar bayaran faedah-faedah statutori. Keadaan ini telah menawarkan hati majikan-majikan yang memang bersedia untuk memberi pekerja-pekerja mereka lebih daripada 10 hari cuti am dalam setahun.

Dengan itu, di bawah pindaan ini, adalah dicadangkan agar gaji bagi kerja yang dilakukan pada mana-mana cuti am yang diwartakan, yang diberi oleh majikan di bawah kontrak perkhidmatan atau cuti-cuti am gantian kepada cuti tersebut, dikeluarkan dari perkiraan kadar gaji harian. Ini akan menggalakkan lebih ramai majikan memberi cuti am lebih dari 10 hari dalam setahun kerana langkah tersebut tidak lagi akan membebankan mereka untuk membayar faedah-faedah statutori dengan kadar yang lebih tinggi.

Fasal 21 juga adalah berkaitan perkiraan kadar gaji harian bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari dan piece-rated yang bercuti sakit. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tujuan perkiraan kadar gaji harian, semua bayaran tunai yang didefinisikan sebagai gaji mestilah diambil kira. Oleh itu, didapati bahawa pekerja-pekerja yang bergaji hari dan piece-rated, dengan izin, akan mendapat bayaran yang lebih tinggi apabila mereka bercuti sakit berbanding dengan kadar bayaran pada hari mereka berkerja. Melalui pindaan ini, adalah dicadangkan bahawa apabila seseorang bergaji hari dan piece-rated, dengan izin, mengambil curi sakit maka apa-apa bayaran tetap yang dibuat kepada pekerja tersebut hendaklah dikeluarkan daripada perkiraan kadar gaji harian. Peruntukan baru itu adalah perlu untuk menghapuskan kejanggalan di mana pekerja-pekerja mendapat bayaran yang lebih tinggi semasa mereka bercuti sakit berbanding dengan kadar bayaran pada hari-hari mereka bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan di bawah Objektif Ketiga adalah bertujuan untuk Memudahkan Industri Memperkenalkan Sistem Upah Yang Berasaskan Produktiviti. Saya telah menyentuh tadi cadangan pindaan di bawah Fasal 21 yang menyumbang kepada pencapaian objektif kedua Akta Kerja 1955 ini dipinda. Malah cadangan pindaan di bawah Fasal 21 juga berperanan utama untuk memudah dan menggalakkan majikan memperkenalkan skim-skim bayaran insentif atau incentive payment schemes, dengan izin. Peruntukan sekarang membuat majikan tidak berminat untuk memperkenalkan skim-skim bayaran insentif bagi meningkatkan produktiviti kerana ianya akan meningkatkan liabiliti kewangan majikan tersebut dari segi perkiraan kadar bayaran faedah-faedah statutori. Keadaan ini adalah di antara sebab yang dikenal pasti telah melembabkan usaha-usaha reformasi upah ke arah pertumbuhan sistem upah yang berasaskan produktiviti ataupun productivity-linked wage system, dengan izin, di negara ini.

Adalah dicadangkan satu peruntukan baru dimasukkan di bawah Fasal ini di mana apa-apa bayaran insentif yang diperkenalkan oleh majikan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Buruh bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan juga pendapatan pekerja akan dikeluarkan daripada perkiraan faedah-faedah statutori. Cadangan ini dijangka akan dapat merangsang dan menggalakkan pertumbuhan sistem upah yang berasaskan produktiviti di negara ini. Namun begitu, pengecualian tidak akan diberikan secara automatik tetapi tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Buruh untuk menentukan bahawa hanya skim-skim insentif yang tulen dan benar-benar berfaedah kepada kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja sahaja akan dikecualikan daripada perkiraan faedah-faedah statutori.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Objektif Keempat iaitu Menggalakkan Penyertaan Tenaga Kerja Terbiar dan Separa Terbiar (Unutilised and Under-Utilised Labour) Ke dalam Pasaran Buruh, cadangan pindaan seterusnya diusulkan. Di bawah Fasal 2(e) satu definisi kerja separa masa akan diperkenalkan dan Menteri Sumber Manusia akan diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai terma-terma dan syarat-syarat pekerja separa masa. Pada masa sekarang Akta Kerja 1955 tidak membezakan pekerja separa masa dengan sepenuh masa, oleh itu kedua-dua kategori pekerja tersebut berhak mendapat faedah statutori pada kadar yang sama. Ini telah menyebabkan ramai majikan enggan menggaji pekerja separa masa. Objektif memperkenalkan kerja separa masa ini adalah untuk menarik orang-orang yang tidak boleh bekerja sepenuh masa supaya memasuki pasaran buruh sebagai pekerja separa masa.

Salah satu kumpulan sasaran yang hendak ditarik memasuki pasaran buruh ialah wanita-wanita yang mempunyai tanggungjawab keluarga di rumah seperti penjagaan anak yang tidak mempunyai masa yang cukup untuk berkerja sepenuh masa dan amat memerlukan waktu bekerja yang fleksibel untuk memasuki pasaran buruh. Satu lagi kumpulan sasaran ialah tenaga kerja luar bandar dan mereka yang bekerja sendiri yang tergolong di dalam kategori tenaga kerja separa terbiar atau under-utilised labour force, dengan izin, yang amat perlu digemblengkan ke dalam pasaran buruh supaya mereka menjadi tenaga kerja yang aktif dan produktif. Kerja separa masa akan juga membuka

peluang kepada penuntut-penuntut sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi untuk mendapat pekerjaan sementara dalam musim cuti. Bagi tujuan ini pekerja separa masa akan berhak mendapat faedah statutori mengikut kadar purata berasaskan kepada waktu bekerja mereka berbanding dengan pekerja sepenuh masa. Peruntukan ini adalah perlu untuk membolehkan pekerja separa masa diberi status yang berlainan dengan pekerja sepenuh masa dan diberi perlindungan yang khusus di bawah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan seterusnya adalah di bawah Objektif Kelima iaitu Mengurangkan Ketegaran Untuk mengoptimumkan Penggunaan Sumber Manusia dan Melicinkan Pentadbiran Dalam Industri. Pindaan di bawah Fasal 16 dan Fasal 17 adalah bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan konsep waktu kerja anjal atau flexitime, dengan izin. Peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak memberi kelonggaran yang secukupnya kepada majikan untuk memperkenalkan jadual waktu kerja yang anjal dan lebih inovatif. Melalui cadangan pindaan ini peruntukan baru untuk membolehkan pelaksanaan jadual waktu kerja anjal atau flexitime, dengan izin, akan diperkenalkan. Peruntukan tersebut akan membenarkan Ketua Pengarah Buruh memberi kelulusan kepada majikan-majikan untuk memperkenalkan jadual waktu bekerja yang fleksibel bagi memenuhi keperluan operasi industri serta keperluan pekerja individu. Cadangan ini adalah juga bertujuan untuk memudahkan industri memperkenalkan sistem waktu kerja yang inovatif bagi tujuan memaksimumkan penggunaan gunatenaga dan jentera.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 7 satu peruntukan baru akan dimasukkan bagi membenarkan majikan memberi pendahuluan gaji yang belum layak diperolehi oleh pekerja bagi tujuan pembelian saham syarikat yang ditawarkan oleh majikan. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pekerja mendapatkan sumber kewangan bagi membeli saham syarikat yang ditawarkan oleh majikannya dan sekali gus menggalakkan majikan melaksanakan Skim Pemilikan Saham Pekerja-pekerja atau Employees Share Ownership Scheme (ESOS), dengan izin. Ini selaras dengan dasar untuk menggalakkan penyertaan pekerja dalam ekuiti syarikat di mana mereka berkhidmat untuk memupuk semangat kesetiaan kepada syarikat dan juga untuk meningkatkan produktiviti. Cadangan ini akan juga menggalakkan amalan menabung di kalangan pekerja-pekerja di negara ini.

Sehubungan itu, menerusi Fasal 8 satu peruntukan baru akan dimasukkan bagi memudahkan majikan membuat potongan gaji pekerja-pekerja bagi tujuan pembayaran balik pinjaman pembelian saham-saham untuk menyertai ekuiti dalam syarikat di mana mereka berkhidmat. Pada masa sekarang potongan gaji pekerja-pekerja bagi tujuan tersebut perlu mendapat persetujuan pekerja dan juga kelulusan Ketua Pengarah Buruh. Adalah dicadangkan bagi tujuan ini majikan dibenarkan untuk membuat potongan daripada gaji pekerja-pekerja hanya dengan persetujuan pekerja tanpa perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Buruh untuk mengelak kerenah birokrasi.

Fasal 10 adalah berkaitan dengan keperluan majikan untuk mendapatkan permit kedai atau kantin daripada Ketua Pengarah Buruh. Pada masa sekarang Akta ini memerlukan majikan mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Buruh untuk menubuhkan dan menyelenggara sebuah kedai runcit atau kantin di tempat pekerjaannya. Adalah dicadangkan bahawa peruntukan ini dimansuhkan memandangkan telah ada agensi kerajaan lain yang mempunyai kuasa untuk mengawal penubuhan kedai atau kantin di tempat-tempat pekerjaan dan mengawal jenis barangan yang boleh dijual. Dengan pemansuhan peruntukan ini keperluan untuk mendapatkan permit kedai atau kantin daripada Ketua Pengarah Buruh adalah dianggap tidak perlu. Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan seterusnya adalah bagi mencapai Objektif Keenam iaitu menghapuskan kekaburan dan peruntukan lapuk serta mengemas kini peruntukan lama. Pada masa sekarang terdapat 5 kategori yang berlainan berkenaan pemotongan gaji yang dibenarkan. Adalah didapati bahawa susunan peruntukan-peruntukan ini telah menyebabkan kesukaran untuk membezakan kategori-kategori tersebut.

Sehubungan itu, di bawah Fasal 8 pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menyusun semula peruntukan-peruntukan yang sedia ada supaya menjadi suatu susunan yang teratur untuk membolehkan majikan mengenal pasti dengan mudah kewajipan mereka sebelum membuat apa-apa pemotongan.

Cadangan pindaan di bawah Fasal 13 adalah berkaitan peruntukan kelayakan dan hak pekerja wanita kepada elaun bersalin. Pada masa sekarang majikan dan pekerja mendapati sukar untuk memahami peruntukan ini disebabkan oleh strukturnya. Adalah dicadangkan peruntukan-peruntukan di bawah Fasal ini disusun semula di bawah peruntukan kecil yang berasingan bagi memudahkan lagi pemahaman dan interpretasinya.

Fasal 16 pula adalah berkaitan dengan waktu kerja. Untuk makluman, di bawah Akta ini seseorang pekerja tidak boleh dikehendaki bekerja lebih daripada 5 jam terus-menerus tanpa diberi masa rehat tidak kurang daripada 30 minit. Peruntukan ini banyak mendatangkan masalah berhubung dengan interpretasinya kerana wujud kekaburan.

Adalah dicadangkan peruntukan baru dimasukkan di mana di bawah Fasal tersebut bagi memperjelaskan lagi kehendak sebenar peruntukan Akta ini, iaitu apa-apa tempoh rehat yang kurang dari 30 minit tidak boleh diambil kira sebagai waktu rehat yang dimaksudkan. Pindaan ini adalah perlu bagi memastikan tujuan sebenar undang-undang tidak disalahgunakan oleh majikan.

Fasal 19 adalah berkenaan dengan peruntukan cuti tahunan. Di bawah Akta ini, kelayakan cuti tahunan hendaklah dikira mengikut 12 bulan perkhidmatan yang berterusan. Adalah dicadangkan peruntukan baru dimasukkan di mana apabila seseorang pekerja diberi cuti tanpa gaji dalam mana-mana tempoh 12 bulan dan sekiranya cuti tersebut melebihi 30 hari dalam agregat, maka tempoh cuti tersebut tidak akan diambil kira untuk tujuan perkiraan tempoh perkhidmatan pekerja tersebut. Pindaan ini adalah perlu untuk menghapuskan apa-apa kekeliruan dalam mengira 12 bulan perkhidmatan berterusan bagi menentukan kelayakan cuti tahunan bergaji seseorang pekerja.

Cadangan pindaan di bawah Fasal 20 pula bertujuan untuk memperkenalkan peruntukan baru bagi memperjelaskan lagi tujuan asal undang-undang berhubung hak cuti sakit bergaji dalam setahun. Sehubungan itu, kini menjadi jelas bahawa seseorang pekerja adalah berhak kepada hanya 60 hari cuti sakit bergaji dalam sesuatu tahun kalendar tidak kira sama ada penyakitnya memerlukan dia dimasukkan ke hospital atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan di bawah Fasal 44 adalah peruntukan mengenai penalti. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang semua fasal penalti kecuali tentang penggajian wanita pada waktu malam dan kerja bawah tanah menetapkan denda maksimum pada kadar RM2,000. Denda harian kerana gagal mematuhi perintah Ketua Pengarah Buruh adalah RM50 sehari.

Kementerian Sumber Manusia mendapati bahawa amaun penalti ini adalah terlalu kecil dan kurang berkesan untuk mencegah pelanggaran peruntukan di bawah Akta ini. Adalah dicadangkan supaya penalti maksimum bagi semua kesalahan di bawah Akta ini dinaikkan kepada RM10,000 dan denda harian kerana gagal mematuhi perintah Ketua Pengarah Buruh dinaikkan kepada RM100 sehari. Adalah diharapkan bahawa pindaan ini akan dapat mencegah majikan untuk sewenang-wenangnya melanggar undang-undang buruh, sambil terus mengekalkan Akta Kerja 1955 sebagai sebuah undang-undang negara yang "mesra-pelabur" atau dengan izin, investor-friendly.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal pindaan seterusnya adalah bertujuan untuk mencapai Objektif Ketujuh iaitu memperbaiki kaedah dan sistem pentadbiran undang-undang. Fasal 27 adalah berkaitan dengan kuasa-kuasa Pegawai Pemeriksa. Adalah dicadangkan peruntukan ini dipinda dengan memasukkan kuasa-kuasa tambahan dan

menyusun semula peruntukan-peruntukan di bawahnya. Pindaan ini adalah perlu untuk memastikan tindakan pendakwaan yang akan diambil terhadap kesalahan yang dilakukan di bawah Akta adalah lebih berkesan.

Fasal 46 pula adalah peruntukan mengenai kuasa mengenakan kompaun terhadap kesalahan di bawah Akta. Pada masa sekarang Akta ini tidak memperuntukkan kuasa untuk menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikenakan kompaun. Dengan demikian segala pelanggaran undang-undang oleh pihak majikan hanya boleh diambil tindakan melalui proses pendakwaan di Mahkamah.

Adalah dicadangkan satu peruntukan baru dimasukkan bagi membolehkan Ketua Pengarah Buruh mengenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan. Langkah ini sekaligus dapat mengurangkan kos dan kerenah birokrasi serta mengurangkan kes-kes pendakwaan di Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, cadangan pindaan di bawah Objektif Kelapan adalah bertujuan untuk mengawal penggajian pekerja-pekerja asing di negara ini. Seperti yang kita sedia maklum, negara kita masih memerlukan sebilangan pekerja asing untuk menampung keperluan ekonomi negara. Memang tidak dapat dinafikan kehadiran mereka telah dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan gunatena di negara ini terutamanya di sektor perladangan dan pembinaan.

Pada masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia telah juga menerima aduan-aduan mengenai majikan-majikan yang mengambil kesempatan untuk mengeksploitasikan pekerja-pekerja tempatan. Justeru itu setelah kajian teliti dijalankan, Kementerian Sumber Manusia berpendapat sudah sampai masanya diadakan satu peruntukan khas di bawah akta ini bagi mengawal penggajian pekerja-pekerja asing.

Adalah dicadangkan di bawah Fasal 22, satu peruntukan diwujudkan di mana seseorang majikan yang menggaji pekerja asing diwajibkan mengemukakan kepada Ketua Pengarah Buruh maklumat-maklumat mengenai pekerja-pekerja asingnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengambilan seseorang pekerja asing. Ketua Pengarah Buruh juga diberi kuasa untuk menyiasat apa-apa aduan mengenai diskriminasi dari aspek terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak setara di antara pekerja tempatan dan pekerja asing.

Selain itu, apabila dilaksanakan pemberhentian pekerja akibat lebihan tenaga kerja (redundancy), majikan perlulah memberhentikan semua pekerja asing terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan memberhentikan mana-mana pekerja tempatan dalam kategori yang sama. Satu lagi peruntukan baru juga akan diadakan untuk melarang majikan mengambil langkah memberhentikan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain Fasal-fasal pindaan yang telah saya terangkan tadi, ada beberapa Fasal pindaan lain yang tidak disebut secara khusus kerana ianya adalah pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit (consequential amendments) dengan izin, yang juga bertujuan untuk menghapuskan kekaburan dan memperbaiki prosedur pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seorang menyokong.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bagan.

7.46 mlm.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ekonomi negara kita sedang menghadapi masalah yang mencabar, maka tanggungjawab dan beban kerja Kementerian Sumber Manusia pun bertambah. Tiap-tiap hari kami boleh nampak ada ramai pekerja-pekerja pergi ke pejabat Sumber Manusia di mana-mana satu daerah untuk membuat pertanyaan berkenaan dengan masalah-masalah yang mereka hadapi, berbangkit dari kekurangan kerja di kilang-kilang tempatan atau perniagaan-perniagaan tempatan.

Satu masalah dan soalan yang pokok ialah adakah majikan berhak untuk memotong gaji seseorang pekerja, misalnya, tuan punya syarikat atau perniagaan akan memberitahu pekerjaanya bahawa syarikatnya telah menghadapi kesusahaan, mungkin kekurangan modal, mungkin kekurangan perniagaan dan berunding dengan pekerja bahawa gaji bulanan beliau akan dipotong sebanyak 20 hari, tetapi kerja juga 6 hari seminggu, 26 hari sebulan, gaji diminta potong 20%. Bolehkah majikan berbuat demikian? Dan ada juga pekerja-pekerja diminta oleh majikan hanya bekerja 2 atau 3 hari seminggu, tetapi gaji juga ikut 2 atau 3 hari sahaja dibayar dan bukan dibayar penuh seperti masa-masa yang biasa.

Dalam keadaan ini majikan pun tidak mahu memberhentikan pekerja, hanya meminta beliau membuat kerja 2 atau 3 hari. Adakah majikan berhak membuat demikian, kerana jikalau membuat kerja 2 atau 3 hari satu minggu, bermakna beliau akan mendapat kekurangan kewangan atau pendapatan, dan beliau ada seisi keluarga untuk ditanggung dan mungkin beliau kena bayar sewa rumah, membayar instalment ini dan itu, tetapi beliau tidak hendak diberhentikan secara terus oleh majikan. Jikalau diberhentikan, mungkin beliau boleh mendapat pampasan dan selepas diberhentikan, beliau boleh pergi ke satu tempat yang lain untuk mencari satu kerja yang boleh mendapat lebih pendapatan dari apa yang saya sebutkan ini. Ini adalah soalan-soalan yang selalu dibangkitkan oleh pekerja-pekerja kepada kami sebagai wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mendengar kementerian memerlukan majikan memberi satu bulan notis kepada kerajaan sebelum sesuatu tindakan untuk memecat atau memberhentikan pekerja-pekerja di kilang atau di perniagaan. Satu masalah di sini, adalah masalah yang dihadapi oleh majikan. Di dalam sesuatu kilang, jikalau pekerja tertentu mendapat tahu bahawa beliau akan diberhentikan kerja bulan depan. Jadi pada masa beliau mendapat tahu beliau akan ditamatkan kerja, beliau tiada semangat untuk bekerja. Bukan sahaja tiada semangat untuk bekerja, beliau akan membuat sesuatu kerja yang boleh vandalisme, boleh merosakkan enjin-enjin, barang-barang atau alat-alat kilang itu. Ini satu tindakan yang boleh dikatakan perikemanusiaan, sebagai seorang manusia beliau merasa tidak dilayan dengan adil oleh majikan, beliau akan bertindak ke sesuatu langkah. Ini adalah tidak adil kepada majikan juga, mungkin sesebuah mesin atau sesebuah alat yang canggih itu yang berharga beratus-ratus ribu dan pekerja ini akan menjalankan kerja-kerja merosakkan alat-alat ini. Jadi mungkin satu bulan notis untuk memberitahu, tidaklah adil kepada majikan. Sebab itulah kebanyakan majikan sebelum peraturan ini dikuatkuasakan, beliau lebih suka memilih untuk menamatkan pekerja itu mungkin satu hari, dua hari atau serta-merta dan memberi pampasan ganti notis kepada pekerja ini. Adakah kerajaan memikirkan sedalam-dalamnya berkenaan dengan kegiatan-kegiatan sesetengah pekerja yang hendak menjalankan kerja-kerja merosakkan ke atas alat-alat atau mesin-mesin ini?

Tuan Yang di-Pertua, ada juga dalam akta ini bahawa pekerja-pekerja tempatan boleh dilindungi dan mereka tidak akan diberhentikan kerja sebelum pekerja-pekerja asing diberhentikan. Masalah di sini ialah mungkin di dalam sesebuah kilang pada masa sekarang, mungkin ia ada 50 orang pekerja dan kebanyakan 50 orang pekerja ini adalah orang asing. Orang tempatan hanya satu atau dua, mungkin majikan atau taukeh kilang itu tidak akan memberhentikan pekerja tempatan ini, kerana mereka hanya adalah sebilangan yang kecil sahaja. Bagaimana pula jikalau saya seorang tempatan, saya tiada kerja, saya tahu kilang ini ada 50 orang pekerja asing dan saya pergi tanya kepada tauke kilang itu, saya mahu minta kerja. Adakah tauke itu

memberhentikan seseorang pekerja asing untuk mengosongkan jawatan itu untuk orang tempatan? Itu adalah bermakna pekerja tempatan dilindungi, diambil preference, daripada orang asing. Jadi masalah di sini, mungkin satu langkah perlu diambil supaya kilang-kilang tempatan mesti menggaji orang-orang tempatan dalam satu peratusan.

Kita akui pada dua tahun, tiga tahun yang lalu kebanyakan kilang-kilang menghadapi kekurangan tenaga manusia, jadi mereka tiada pilihan melainkan menggaji orang-orang asing. Tetapi masalah sekarang tidaklah serupa lagi, orang tempatan kurang kerja atau diberhentikan kerja seperti apa yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri, berpuluh-puluh ribu orang telah diberhentikan. Cuba bayangkan sehingga akhir tahun ini berapa orang lagi akan diberhentikan. Jadi mungkin kerajaan perlu memikirkan sesuatu supaya memerlukan kilang-kilang atau perniagaan-perniagaan menggaji satu jumlah peratusan orang-orang tempatan dan juga orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, tadi juga saya ada mendengar satu kenyataan dari Timbalan Menteri bahawa jikalau sesesuatu syarikat menjadi muflis, gaji, cuti dan lain-lain akan dibayar mendahului hutang cagar. Tetapi dalam Dewan yang mulia ini saya pernah membangkitkan satu soalan dan ucapan mengenai Advancetronik di Seberang Prai, beliau berhutang berjumlah lebih kurang RM700,000 gaji, pampasan cuti atau pampasan ganti notis, tetapi apa yang dijawab oleh kerajaan, itu satu realiti, Akta Syarikat, adalah bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dalam Akta Kerja. Akta Syarikat menyatakan beliau kena membayar kepada hutang-hutang yang bercagar dahulu seperti kepada bank, secretaries agency dan akhirnya kalau ada lebih baru bayar gaji kepada pekerja. Adakah ini satu percanggahan, kontroversi dalam kedua-dua akta ini. Saya sokong wang yang didapati dari syarikat yang muflis mesti dibayar kepada pekerja dahulu yang lain hutang cagar itu kemudian. Saya sokong pada hal ini, tetapi Akta Syarikat mungkin perlu dipinda atau dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 24(3)(a) adalah sah memotong gaji seseorang pekerja untuk membayar balik sejumlah hutang kepada satu union berdaftar atau satu koperatif dengan menulis 'request writting by the employee'. Saya pernah membangkitkan dalam Dewan ini kepada Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, berkenaan dengan pekerja-pekerja MPSP, pekerja-pekerja Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) mereka ini adalah buruh kasar, mereka mencuci longkang, memotong rumput, mengutip sampah, mereka dipujuk untuk menandatangani satu perjanjian sewa beli perabot dan mereka memberi keizinan untuk MPSP memotong gaji mereka untuk membayar bayaran perabot ini. Tetapi sebaliknya mereka bukan dapat perabot, memang dalam perjanjian ditulis perabot, tetapi mereka ditawarkan wang tunai, mungkin dipinjam RM3,000 dan akhirnya mereka perlu membayar balik RM7,000, RM8,000 dalam satu tempoh, mungkin 5 tahun kalau dikira semua sekali. Saya pernah membangkitkan hal ini dan masalah di sini, adakah pekerja ini ada hak membatalkan written consent ini. Revoke written consent ini kepada majikannya untuk memotong gaji. Saya agak kementerian atau kerajaan kena membela kepentingan pekerja. Mereka mungkin pada masa itu terdesak (need) tetapi mereka tidak boleh melarikan diri dari membayar sejumlah yang mungkin satu kali ganda apa yang mereka terima. Dalam perjanjian perabot itu tidak ada, not exist, mereka diberi wang tunai, itu adalah satu, dari segi undang-undang adalah suatu yang tidak ada. Saya ditawarkan membeli perabot, tetapi saya tidak dapat perabot, saya dapat wang tunai dan sekarang saya kena bayar, dan apa yang saya bayar itu adalah satu kali ganda daripada apa yang saya dapat. Dan sekarang saya kesal macam mana saya boleh meneruskan tanggungjawab ini. Pada fikiran saya, mungkin kerajaan boleh memikirkan sesuatu supaya pekerja ini dapat hak untuk revoke apa yang dia telah berjanji dengan koperasi ini. Dan biarlah koperasi ini mengambil tindakan undang-undang terhadap pekerja ini dan pekerja ini boleh menjawab di dalam mahkamah. Itu adalah satu cara untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Rompin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya dekat habis, kalau mahu saya boleh beri.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari segi hasrat untuk membela pekerja itu, amat baik sekali didengar oleh seorang tokoh daripada DAP, tetapi malangnya saya hendak minta sedikit penjelasan. Kalaulah tenaga kerja ini berhutang, apa pun alasannya ialah berhutang dan dia telah kesal selepas berhutang. Kalau DAP hendak membela mereka, apa salahnya DAP mewujudkan satu tabung, tabung bila pekerja ini kesal mereka berhutang, wang diambil, DAP boleh beri pinjaman untuk membela mereka ini. Ini satu usaha yang baik kalau DAP buat, apa katanya ini adalah satu usaha DAP membela pekerja, Kerajaan BN banyak membela pekerja, tunjuk sedikit DAP ini sensitif dan peka kepada pekerja, jenis-jenis kumpulan yang meminjam, lepas itu kesal, DAP buat sedikit tabung. Ini saya tepuk tanganlah kalau DAP boleh buat sesuatu yang baik begini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, masalah di sini adalah satu masalah yang dihadapi oleh seorang pekerja dengan satu koperasi. Kami sebuah parti politik, jikalau apa-apa sahaja rakyat menghadapi satu kesusahan, terutama sekali dalam hal kewangan dan kami kena membuat satu tabung atau mengeluarkan satu modal yang cukup untuk menolong mereka, sibuklah kami. Lagi pun, kami bukan dalam parti pemerintah, kami tidak ada kuasa, sendiri mahu mencari sedikit wang untuk menyara kehidupan parti kita pun sudah sangat susah, menjual tiket-tiket jamuan makan malam pun, orang tak mahu beli. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Mana boleh dapat sumbangan atau satu tabung.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]* Tidak mahu beli sebab DAP, kalau masuk MCA, dia beli. *[Ketawa]*

Betul, sebab apa, selalunya.... Kepong, bagus, dia bersimpati dengan mereka yang sakit dan salah, pergi ke klinik dia - sakit kulit, dia bagi percuma, bagus ini, macam Kepong, tapi kalau Yang Berhormat nak tunjukkan simpati dan sensitif dan peka Yang Berhormat kepada kalangan pekerja begini, mengapa tidak? MCA tubuh projek Langkawi dia, dia pergi jual meja juga ya, berapa di Seremban, berapa ribu datang? Hah, buat, mengapa tidak buat makan malam, ambikan sedikit buat wang tabung, tolong pekerja begini. Sekarang ini tuduhan mengatakan DAP hanya cakap untuk mendapatkan mileage politics sahaja, bukan sebenar-benarnya sensitif kepada pekerja untuk mendapatkan mileage, ini menggunakan mulut, hati belum tahu, hati nak menang pilihan raya sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukup, cukup, Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu bincang tentang kewangan, kami memang angkat tangan - surrender. Tadi saya cakap, saya pernah keluar untuk menjual tiket-tiket jamuan makan malam, satu tiket RM20, itu pun kalau kos kita untuk membuat satu jamuan itu sudah lebih daripada RM15, apa kita dapat, tauke-tauke dan orang-orang di kedai-kedai pun cakap, 'saya tidak boleh beli ini, ini pembangkang punya'. Jadi, itu adalah satu realiti, satu kebenaran mengenai kesulitan yang dihadapi oleh parti pembangkang. Jangan kata lagilah berkenaan tabung-tabung ini. Seorang Pengerusi Division UMNO, boleh terima RM1 juta - RM1 juta, apa kita mahu cakap, mahu keluar minta RM10 pun orang tidak mahu beri.....

**Datuk Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Senai bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Wait... Lagipun kalau Yang Berhormat mahu mengukur hati saya terhadap pekerja, saya membangkitkan isu-isu dan masalah-masalah pekerja, beberapa masalah ini, ini adalah menunjukkan yang saya betul-betul

memahami kesusahan pekerja dan saya membawa ke Dewan ini untuk meminta kerajaan membantu mereka. Itu adalah tanggungjawab saya, jikalau dia mahu mengukur masalah ini dengan wang, saya boleh angkat tangan, kalau orang minta RM10, RM5 saya boleh bayar. Kalau seperti apa yang saya kata, dia pinjam RM5,000, kena bayar RM10, panggil saya ganti untuk dia, Yang Berhormat boleh buatlah demikian?

**Datuk Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya. Senai bangun, ya.

**Datuk Lim Si Cheng:** Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Bagan, macam mana DAP boleh tolong orang yang susah, yang perlu dibantu?

Soalan yang kedua, saya selalu nampak juga DAP angkat tong-tong peti itu minta derma, jadi apa guna hasil yang datang dari derma itu, ke manakah wang itu pergi?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang diPertua, kami sebagai seorang wakil rakyat, ada hati atau tak ada hati terhadap orang yang bermasalah, pengundi kita akan membuat keputusan. Mereka akan tahu, masa akan membuktikan sama ada parti itu atau wakil rakyat itu ada prihatin dengan rakyat, berjiwa rakyat. Itu akan dibuktikan. Jangan ukurkan kejujuran saya dengan wang, saya tidak boleh, saya angkat tangan.

Berkenaan dengan apa Yang Berhormat dari Senai katakan, kami selalu ambil tong untuk mengutip derma, kami mengutip derma di satu-satu ceramah, tidak perlukah kami menyewa dewan itu, dewan itu mungkin kena belanja RM800 atau RM1,000 dan kami minta penyokong-penyokong dan peserta-peserta dalam ceramah itu untuk menderma, itu derma hanya untuk tanggungi sewa dewan sahaja dan kebanyakan mereka membuang duit ke dalam tong ini ada bunyi, bukan tidak ada bunyi, kalau buang RM50, wang kertas, dia tidak ada bunyi, kalau buang 50 sen, 20 sen, dia bunyi kuat. Itu makna saya, 'selalu ada bunyi' dan bila kami ambil keluar untuk kira ..

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin, bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** .....itu pun berapa ratus ringgit sahaja, bukan beribu-ribu, bukan sebagai seorang Pengerusi Division UMNO, cakap sahaja, RM1 juta.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Lim Hock Seng:** Cakap sahaja MCA, satu kali cek diterima, RM50,000, RM20,000.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sanggupkah Yang Berhormat, masa buat ceramah ini, panggil MCA untuk audit, bilang wang itu. Yang saya tahu yang bawa duit RM1, RM2 in ialah budak sekolah sahaja, tak kan hendak pergi ceramah DAP hanya bagi 50 sen, ya, anak ke sekolah pun, 50 sen apa yang boleh dibeli sekarang ini, sekarang-kurangnya kita bagi belanja RM1. Nampak benar tak betul penjelasan Yang Berhormat ini. Kalau betul Yang Berhormat kata begitu, Yang Berhormat ini serupa juga macam PAS, bila ceramah itu, dia kutip wang, wang itu digunakan oleh pemimpin-pemimpin PAS, seperti juga DAP.

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukup, cukuplah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya. Boleh Yang Berhormat terima, bila ada ceramah panggil MCA sebagai saksi untuk mengira wang itu. Kalau Yang Berhormat betul ikhlas, dengan apa Yang Berhormat katakan tadi.

**Tuan Lim Hock Seng:** Cukup, cukup. Tuan Yang di-Pertua, apa jumlah yang kami kutip, kami akan mengisytiharkan, akan membuat pengumuman dalam dewan atau perhimpunan itu juga, apa yang kami ..., sudah, cukup, saya tidak mahu pertikai atau berbincang dengan derma-derma kepada parti saya, itu tidak penting. Apa yang penting ialah berkenaan Akta Pekerja, kesulitan pekerja dan masalah-masalah pekerja yang dihadapi oleh pekerja-pekerja pada masa sekarang. *[Sambil menunjukkan Rang Undang-undang]*

Saya telah membuat pendirian saya, cukup jelas dalam Dewan ini dan ini saya agak-agaklah satu perbincangan atau akta yang penting dan saya tidak perlu membuang masa untuk divert attention, dengan izin, jadi perkara-perkara yang saya bangkitkan itu adalah perkara yang benar, yang benar-benar dihadapi oleh pekerja-pekerja pada masa sekarang. Saya berharaplah kerajaan boleh memilih satu langkah yang betul untuk menolong mereka ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan.

8.10 mlm.

**Tuan M. Kulasegaran[Teluk Intan]:** Terima kasih. *[Y.B. Rompin keluar]* Saya tidak mahu panggil kuorum. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi saya bahas satu undang-undang yang sangat mustahak dan pada masa yang tepat, perkara ini dibawa ke Dewan yang mulia ini. Akan tetapi ada beberapa peruntukan yang sepatutnya patut dikaji dengan teliti sebelum ia dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya mulakan bahas hari ini, saya ingin tahu adakah peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, adakah ia telah dibincang dengan pihak-pihak yang dapat dikatakan lebih arif di dalam hal ini. Ha ... balik ke Rompin ini, tak cukup masa, tak cukup kuorum, nanti susah. Cukup satu pertiga dari sini. Jadi adakah perkara ini telah dibawa kepada National Labour Advisory Council untuk mendapatkan pandangan mereka?

Satu akta, satu Rang Undang-undang yang sangat mustahak, adakah perkara ini telah dibincang dengan MTUC, dengan CUEPACS, dengan union-union yang sedia ada di negara kita ini? Dan adakah pandangan-pandangan pekerja-pekerja yang tidak diwakili telah diperolehi kerana saya difahamkan ada ramai orang dan union-union yang sedia ada tidak diberitahu langsung, tidak dibawa kepada perhatian mereka untuk mendapat pandangan? Adakah Rang Undang-undang ini sesuai? Adakah ini berpatutan? Adakah Rang Undang-undang ini melindungi atau memberi hak-hak yang tertentu kepada para pekerja?

Jadi ini adalah suatu perkara yang mustahak kerana kalau perkara ini tidak dibawa kepada mereka, oleh kerana undang-undang ini dibuat adalah kerana ada kena mengena dengan mereka lebih dari sesiapa di negara ini, bukankah ini patut dibuat dan jika tidak dibuat, saya pohon agar Timbalan Menteri dapat memberi penerangan di Dewan yang mulia ini, kenapa ini terjadi?

Tuan Yang di-Pertua, bila Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini dengan bacaan kedua, Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa Rang Undang-undang ini tidak digunapakai di Sabah dan Sarawak dan sebenarnya beliau mungkin tidak memberitahu Dewan yang mulia ini kenapa ia tidak dipakai di Sabah dan Sarawak. Selain dari itu, beliau hanya mengatakan ada ordinan-ordinan tertentu di Sabah dan Sarawak. Kita lebih tahu bahawa ordinan-ordinan itu terwujud telah lama tetapi yang menghairankan banyak pekerja, ramai orang di Malaysia ialah apakah sebab Rang Undang-undang ini dan akta ibu ini tidak terpakai di Sabah dan Sarawak?

Di Sabah dan Sarawak ordinan-ordinan yang sedia ada mengenai Akta Pekerja tidak mengandungi beberapa seksyen-seksyen yang memberi manfaat-manfaat yang tertentu, dengan izin, absent in these principle act, in these ordinance in Sabah and Sarawak. Jadi apakah setakat ini yang telah dibuat oleh Barisan Nasional yang ada

kuasa di Sabah dan Sarawak sejak beberapa tahun supaya membawa provision akta tersebut bersama dengan akta ibu, Akta Pekerja. Yang mustahak sekali mengenai retrenchment benefit dan termination benefit, tidak terkandung langsung dalam ordinan-ordinan di Sabah dan Sarawak. Dan apakah yang dibuat oleh Barisan Nasional di mana yang menguasai Sabah dan Sarawak dan di Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana mereka adalah kerajaan yang sama, kenapa kita ada tiga undang-undang untuk satu perkara? Bukankah ini memberi satu konflik kepada semua pihak? Kerap kali kerajaan Barisan Nasional memberitahu dan ingin mempercayakan rakyat Malaysia bahawa bila kita dapat membawa pelabur-pelabur asing itu adalah satu petanda yang baik kerana ia dapat membawa pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Tetapi kerajaan lebih tahu dalam hal ini bila pelabur-pelabur ingin datang ke negara ini ... [*Beberapa orang Yang Berhormat masuk Dewan*] kacau sahaja [*Ketawa*], bila pelabur-pelabur ini ingin datang ke Malaysia mereka merasa hairan kerana ada tiga undang-undang buruh di negara ini. Macam mana kita dapat situasi yang konflik dan diizinkan dan tidak diubahsuaikan.

Bagaimana kita hendak 'justify' kepada pelabur-pelabur asing? Satu konflik yang irrational yang tidak dapat diterima, yang dikatakan oleh ramai pelabur bila datang merasa hairan dengan perkara yang sangat unik ini. Adakah tiga undang-undang yang kena-mengena dengan pekerja ini disimpan kerana keunikannya atau kerana seperti yang kita tahu 20 point agreement Sabah dan Sarawak, oleh kerana faktor-faktor politik yang tertentu kerajaan tidak ingin menyentuh, tidak ingin membawa satu penyelesaian yang muktamad dalam hal ini. Apakah sebab mereka tidak berani berhadapan untuk membawa satu kebaikan kepada pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak? Bahkan satu Parlimen yang ada, walaupun undang-undang ini diterima pakai di semua negeri Tanah Melayu tetapi dengan sengaja atau tidak sengaja tidak dibenarkan beroperasi, berfungsi di Sabah dan Sarawak.

Macam mana kita hendak memberitahu, men'justify'kan pada pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak bahawa kepentingan mereka dengan sengaja dilupakan, dengan sengaja tidak diutamakan kerana ada pihak-pihak yang mementingkan hak-hak mereka lebih mustahak dari hak pekerja? Macammana kita dapat memberitahu apabila seorang pekerja bekerja di negeri-negeri Tanah Melayu bila pergi ke Sabah dan Sarawak walaupun satu negara mengatakan satu undang-undang, tetapi manfaatnya berbeza. Bukan sahaja ia mengelirukan pelabur-pelabur asing tetapi dengan sekaligus tidak mementingkan hak pekerja-pekerja di negara ini. Walaupun kerajaan kerap kali mengatakan hak-hak kerja, kepentingan mereka, manfaat-manfaat, benefit-benefit mereka tidak akan diketepikan. Mereka adalah segolongan yang sangat mustahak akan tetapi bila kita bentangkan satu undang-undang yang sangat mustahak, ia hanya diterima pakai di negeri-negeri Tanah Melayu. Apakah alasan, apakah sebab dan adakah Kerajaan akan mengubahsuaikan semua peruntukan, ordinan-ordinan di Sabah dan Sarawak supaya ia akan sama manfaatnya dengan principle act dengan izin, dan semua pindaan selanjutnya termasuk termination and retrenchment benefit kenapa ia tidak terpakai. Ia adalah perkara yang mustahak dan saya harap satu penjelasan yang dapat diterima bukan sahaja dari saya di sini kepada orang-orang di Sabah dan Sarawak yang ingin tahu apakah sebab satu undang-undang yang dibahaskan di Dewan yang mulia ini akan tetapi tidak digunapakai di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai pekerja-pekerja yang akan menjadi penganggur. Walaupun semalam Timbalan Menteri yang ada di Dewan yang mulia ini telah mengatakan bahawa hanya beberapa puluh ribu sahaja yang telah menjadi penganggur. Tetapi bila saya bertanya bukannya benar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengulas, telah berkata dengan tegas pada bulan Oktober bahawa di negara ini pada bila-bila masa pengangguran akan ke tahap sebanyak sekurang-kurangnya 200 ribu orang dan oleh kerana kita tiada ada kebebasan surat khabar, perkara yang mustahak ini tidak dilaporkan di negara ini hanya dilaporkan di *Straits Times* di Singapura dan selepas itu telah diadakan di Internet dan sebagainya. Walaupun saya telah menyentuh mengenai perkara ini semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sahaja elak mengatakan

bahawa ini adalah satu ramalan dan bila saya kata Setiausaha MTUC, Encik Rajasegaran telah mengatakan bahawa pada pengetahuan dan analisis mereka sendiri sebanyak lebih dari atau sekurang-kurangnya 500 ribu orang akan menjadi penganggur di negara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini adalah satu pandangan dan ramalan dia sahaja.

Jadi, yang menjadi mustahaknya bukan berapa kita sebenarnya bukan senang hati bila kita tahu bahawa di tanah air kita sebanyak 500 ribu atau 200 ribu orang seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang kita hendak tahu macam mana kita dapat mengatasi masalah ini. Satu dari caranya adalah bukan dengan satu jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri itu hanya yang direkodkan di pejabat kami adalah 40 ribu, yang ini tidak boleh diterimalah. Yang kita mahu lebih praktikal katakan yang benar adalah walaupun kita tahu berratus-ratus ribu mungkin yang terkena tetapi yang telah mendaftarkan dengan pihak kami adalah 40 ribu tetapi pada pandangan kami banyak lagi tidak menggunakan hak mereka dari segi undang-undang hak mereka untuk pergi ke Pejabat Buruh atau mendapat pertolongan Ahli-ahli Barisan Nasional atau mendapat pertolongan dari peguam-peguam. Jadi ini adalah mustahak.

Jadi kerajaan, saya mencadangkan bahawa satu di negara Barat Unemployment Benefit Scheme iaitu satu skim di mana semua pekerja yang bekerja yang dikatakan akan kehilangan kerja diberi manfaat-manfaat untuk beberapa masa. Ini adalah mustahak kerana pada waktu masa bila mereka berkhidmat bukan sahaja untuk mereka dan keluarga mereka, negara sendiri telah untung seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri "sesuatu syarikat, bila untung 28% diberi kepada kerajaan". Jadi kita tolong syarikat-syarikat tersebut bila mereka susah. Itu satu cara yang mungkin boleh diterima, tidak boleh diterima, itu cerita lain. Kita gunakan duit EPF dan sebagainya, itu rasional yang lain. Tetapi dalam hal inilah pekerja-pekerja kebanyakan yang menganggur di Malaysia ini, bukan macam kita four figures. Kebanyakan di antara mereka adalah pekerja-pekerja yang berpendapatan RM700, RM800.

Saya tidak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu atau tidak, saya sendiri telah menemui beberapa orang di mana kebelakangan ini pada bulan Disember telah membeli rumah, telah membeli kereta second hand. Sekarang selepas tiga bulan diberitahu telah diberi amaran tidak lama lagi sekarang tidak ada over time. Dengan spesifik saya boleh beritahu beberapa syarikat di Ipoh Red Zinc Conceret di antaranya, satu syarikat di mana bila dimulakan di tahun 1983 adalah satu syarikat yang unik 'production'nya fantastic, overtime tidak habis-habis, boleh kerja, tetapi sekarang overtime sudah habis.

Sekarang saya difahamkan separuh daripada pekerjaanya akan diberhentikan dan lagi separuh telah diberitahu kalau boleh cari tempat lain. Pekerja-pekerja ini kita perlu tahu kalau mereka ini boleh jaga diri, keluarga mereka dengan senang, macam kebanyakan Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini, lainlah. Untuk mereka RM700, RM800 itu banyak. Untuk kerajaan memberitahu bahawa pengangguran ini kita akan ubahsuai, mencari kerja lain, senang nak cakaplah tolong pergi ke Red Zinc Concrete dan tolong beritahu orang di sana. Kebanyakan telah membeli fridge, TV, telah membeli kuysen set, yang saya difahamkan akan ditarik balik. Saya sendiri telah menemui mereka. Saya ingin memberi pertolongan tapi saya cakap bila saya ambil alih, bila DAP ambil alih kerajaan satu hari kita akan memberi pertolongan [Ketawa] kita katakan. Kita mesti, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk di sini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kuala Pilah bangun.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang :** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Teluk Intan. Dia menyatakan tadi, kononnya sekarang ini bermacam-macam masalah timbul. Saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat faham permasalahan negara kini disebabkan oleh kerajaan

Barisan Nasional atau pun keadaan suasana kegawatan ekonomi di rantau Asia ini, adakah Yang Berhormat faham atau tidak.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, cantik soalan itu. Bagi saya satu peluang yang telah lama saya tunggu ini. Kalau Yang Berhormat senang menggunakan Internet, tolong pergi ke homepage DAP, Yang Berhormat akan lebih tahu. Tetapi dengan ringkas akan saya beri tahu. Tak sampai 10 hari dulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu bahawa report IMF ini tak perlu dibuat public di negara ini, tak perlu kerana positifnya semua orang sudah tahu semua tahu, tetapi what is a hidden agenda di belakangnya. Kenapa you tak mahu buka perkara itu beritahu semua orang di negara ini, kerana hingga hari ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa untuk hari ini sudah cukup. Minta sambung besok.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya sambung esok, tolong datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam*

